

**ANALISIS HADITH-HADITH BERKAITAN POLIGAMI:  
KAJIAN TERHADAP PENGAMALANNYA DALAM  
KALANGAN PASANGAN TERPILIH DI SELANGOR**

**ZULKIFLI BIN YUSOF**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**ANALISIS HADITH-HADITH BERKAITAN POLIGAMI:  
KAJIAN TERHADAP PENGAMALANNYA DALAM  
KALANGAN PASANGAN TERPILIH DI SELANGOR**

**ZULKIFLI BIN YUSOF**

**DISERTASIINI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Zulkifli bin Yusof

No. Matrik: IGB140063

Nama Ijazah: Sarjana Usuluddin (Kursus Dan Penyelidikan)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Analisis Hadith-Hadith Berkaitan Poligami : Kajian Terhadap Pengamalannya

Dalam Kalangan Pasangan Terpilih Di Selangor

Bidang Penyelidikan: Hadith

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, sayboleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

**ANALISIS HADITH-HADITH BERKAITAN POLIGAMI:  
KAJIAN TERHADAP PENGAMALANNYA DALAM  
KALANGAN PASANGAN TERPILIH DI SELANGOR**

**ABSTRAK**

Poligami merupakan sebahagian daripada ibadat dalam Islam. Oleh kerana Islam mengharuskan pelaksanaannya sudah pasti ianya membawa kebaikan kepada manusia sejagat. Namun adakala ianya menjadi satu isu yang besar dalam kalangan masyarakat yang kadangkala membawa kepada perselisihan dan perceraian. Bagaimana pengamalan poligami yang bermatlamatkan kebahagiaan dapat direalisasikan dalam masyarakat kita mutakhir ini. Sudah pasti pengamalannya mestilah bersandarkan kepada sunnah baginda Rasulullah SAW sebagai ikutan sepanjang zaman. Walaupun telah banyak kajian dan penulisan berkaitan poligami namun masih belum ada satu kajian yang khusus terhadap teks-teks hadith serta sejauhmana pengamalan sunnah menjadi asas kebahagian dalam rumah tangga poligami. Maka kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hadith-hadith yang berkaitan poligami bersumberkan al-Kutub *al-Sittah*. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat sebanyak tujuh puluh satu hadith berkaitan poligami yang telah dikenalpasti termasuk hadith berulang. Hanya sebanyak empat puluh dua hadith sahaja yang dibincangkan dalam kajian ini kerana selebihnya adalah hadith-hadith yang sama. Daripada jumlah tersebut telah dibahagikan pula mengikut sumber, iaitu sebanyak lima belas hadith daripada *Şahih al-Bukhārī*, *Şahih Muslim* sebanyak tiga hadith, *Sunan Abū Dāwūd* sebanyak enam hadith, *Jāmi' al-Tirmidhī* satu hadith, manakala *Sunan al-Nasā'i* pula sebanyak sepuluh hadith dan yang terakhir ialah *Sunan Ibn Mājah* iaitu sebanyak tujuh hadith. Mengikut taraf hadith pula sebanyak tiga puluh satu hadith yang *şahih*, dua *şahih* isnad, satu *ḥasan* *şahih*, lima *ḥasan* dan bertaraf *da'i* pula sebanyak tiga hadith. Untuk melengkapkan kajian, sebanyak lima pasangan poligami telah dijadikan sampel. Daripada lima pasangan ini, lima responden dari kalangan suami dan empat responden

dari kalangan isteri telah ditemui bual untuk mengetahui bagaimanakah pengamalan pasangan berpoligami yang membawa kebahagiaan rumah tangga Islam di negeri Selangor. Hasil kajian mendapati bahawa kelima-lima pasangan mengamalkan sunnah dalam pengurusan rumah tangga mereka. Pengamalan sunnah itu adalah dari segi tujuan poligami yang selari dengan tujuan yang dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW. Manakala konsep keadilan dalam pembahagaian nafkah dan giliran bermalam serta kaedah pengundian sememangnya telah diaplikasikan dalam kalangan pasangan ini. Selain itu kepatuhan kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri juga terbukti melalui proses pendaftaran setiap perkahwinan baru dapat dipenuhi. Melalui enakmen ini maka rumah tangga yang dibina tiada unsur penipuan yang membawa kepada keberkatan dan kebahagiaan rumah tangga mereka. Ini membuktikan bahawa pengamalan sunnah dan kepatuhan kepada enakmen negeri merupakan asas kebahagiaan rumah tangga berpoligami.

**ANALISIS HADITH-HADITH BERKAITAN POLIGAMI:  
KAJIAN TERHADAP PENGAMALANNYA DALAM  
KALANGAN PASANGAN TERPILIH DI SELANGOR**

**ABSTRACT**

Polygamy is part of worship in Islam. Because Islam allows polygamy, it is certainly beneficial and good for humans, so humans should follow and practice the rules of Islam. Polygamy sometimes leads to dispute and big problems such as divorce. How has the practice of polygamy brought happiness in our society recently? Certainly, it brings happiness if we follow the Sunnah of the Messenger (PBUH). Although there are a lot of studies related to polygamy, there is no specific study to the texts of Hadiths that can demonstrate the significance of Sunnah in bringing happiness in the polygamous marriage life. This study aimed to identify the Hadiths related to polygamy from the source of al-Kutub al-Sittah. The study found that there are a total of seventy-one Hadiths that are related to polygamy and that have been identified. Among all collected Hadiths, there are just forty-two Hadiths having being discussed and the rest of the Hadiths are the same. Out of the total number of Hadiths, the selected Hadiths were divided into their source by which 15 Hadiths from *Şahih Bukhārī*, three Sahih Muslim Hadiths, Sunan Abū Dāwūd six Hadiths, *Jāmi ' al-Tirmidhī* one Hadiths, Sunan al-Nasā'ī. On the other hand, with a total of ten Hadiths, the last seven Hadiths are from Sunan Ibn Mājah. Meanwhile, the rank of the Hadiths, thirty-one Hadiths are *şahih*, two *şahih* isnad, one *ḥasan şahih*, five *hasan* and three *daīf* hadiths. To meet the objectives of the study, a total of five pairs (cases) of polygamy have been used as a sample. Four respondents (a pair of both husband and wife) were interviewed to find out how a spouse brings happiness in the Muslims' polygamous marriage life in the State of Selangor. The study concludes that first all five couples practice the Sunnah in managing their marriage life and second Practice the Sunnah according to the

techniques and teachings of the prophet (PBUH) in handling the polygamy issue. The study also concludes that the pairs were found just and fair in treating their spouses in all aspects of matrimonial life. The study recommends that the practice of Sunnah in respect with the purpose of polygamy comply with the practice and behavior of the Prophet (PBUH) concerning polygamy. The study has concluded that Nafaqa is fairly given by husband. The study also concluded that wives go for voting in advance about which house the husband should sleep in. Besides that, the Muslim Family Law in the state is proved through the registration process in every new marriage case, which has already taken place. In addition to the adherence to the Enactment of Islamic Family Law State, every marriage has been registered and proved. Due to this enactment, there is no fraud that affects the blessings and happiness of their marriage life. This proves that practiced Sunnah and adherence to the State Enactment is the basic factor of happiness to polygamy.

## **PENGHARGAAN**

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat RA, guru-guru, para alim ulamak serta para pejuang Islam seluruhnya.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjangkan kepada Allah SWT di atas segala nikmat dan rahmatnya, peluang, kesempatan, kekuatan dan sekalian anugerahnya ke arah menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Pertamanya, saya titipkan ucapan ribuan terima kasih buat bonda tercinta Hajjah Radhiah binti Abdullah atas doa dan restunya, yang menjadi sumber keberkatan hidup dalam pengajian ini. Buat isteri tersayang Samzu Norzehan binti Shamsuddin yang banyak membantu dan penguat semangat dalam menghadapi cabaran susah senang dalam menyempurnakan kajian ini. Seterusnya untuk anak-anak An Najihah, Amir Hamzah, Nuha Amni, Alia Maisarah, Huda Nadhirah dan Ammar Huzaifah yang juga turut memberi sokongan yang berpanjangan, moga kejayaan Baba ini menjadi pemangkin untuk anak-anak lebih berjaya pada hari-hari mendatang.

Sekalung penghargaan khas ditujukan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Ishak Haji Suliaman yang banyak membantu, membimbing dan mencerahkan idea dalam segala urusan kajian ini. Tidak lupa juga kepada barisan pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Hadith yang terdiri daripada Profesor Dato“ Dr. Zulkifli Mohd Yusof, Dr. Munirah@Monika Abdul Razak, Prof. Madya Dr. Mustafa Abdullah, Prof. Madya Dr. Fauzi Deraman, Dr. Faisal Ahmad Shah, Dr. Khadher Ahmad dan Dr. Sedek Arifin seterusnya Setiausaha Jabatan Puan Norlina binti Istar serta seluruh kakitangan bahagian Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Seterusnya penghargaan juga ditujukan kepada seluruh rakan dan sahabat yang sentiasa mendoakan kejayaan saya ini. Tidak lupa juga kepada semua responden yang telah memberi kerjasama yang baik bagi melengkapkan kajian ini.

Sebelum ternoktah penghargaan ini, maka dengan rendah diri saya memanjatkan doa semoga jasa baik dan sumbangan semua pihak mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT. Sesungguhnya Dia-lah sebaik-baik pemberi balasan. Harapan yang tinggi juga semoga hasil kajian ini dapat dimanfaatkan oleh para pecinta ilmu bukan sahaja dalam bidang akademik bahkan juga dalam amalan dan penghayatan.

**ZULKIFLI BIN YUSOF**

Jabatan al-Quran dan al-Hadith  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur  
013-3688621

No 18 Jalan Intan 5/1  
Taman Seri Nanding  
43100 Hulu Langat  
Selangor  
ustazulk@gmail.com

## DAFTAR KANDUNGAN

ABSTRAK .....	iii
ABSTRACT .....	v
PENGHARGAAN .....	vii
DAFTAR KANDUNGAN .....	ix
SENARAI JADUAL .....	xiv
SENARAI RAJAH .....	xv
PANDUAN TRANSLITERASI .....	xvi
SENARAI KEPENDEKAN .....	xviii

### **BAB PENDAHULUAN**

0.1 PENGENALAN .....	1
0.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN .....	3
0.3 PENYATAAN MASALAH KAJIAN .....	4
0.4 PERSOALAN KAJIAN .....	5
0.5 OBJEKTIF KAJIAN .....	5
0.6 KEPENTINGAN KAJIAN .....	6
0.7 METODOLOGI KAJIAN .....	6
0.7.1 REKABENTUK KAJIAN .....	7
0.7.2 KADEAH PENGUMPULAN DATA .....	8
0.7.3 KADEAH PENGANALISISAN DATA .....	10
0.8 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN .....	11
0.9 SOROTAN KAJIAN .....	12
0.10 SISTEMATIKA PENULISAN .....	20

### **BAB 1: POLIGAMI RASULULLAH SAW**

1.1 PENGENALAN .....	21
----------------------	----

1.2 POLIGAMI DALAM AL-QURAN .....	22
1.3 POLIGAMI RASULULLAH SAW .....	26
1.4 POLIGAMI DARI PERSPEKTIF BARAT .....	31
1.5 POLIGAMI DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM SELANGOR .....	34
1.6 KESIMPULAN .....	37
<b>BAB 2: ANALISIS TEKS-TEKS HADITH BERKAITAN POLIGAMI DALAM PERSPEKTIF <i>RIWĀYAH</i> DAN <i>DIRĀYAH</i></b>	
2.1 PENGENALAN .....	39
2.2 METODE PENGUMPULAN HADITH BERKAITAN POLIGAMI ...	39
2.3 TEKS-TEKS HADITH BERKAITAN POLIGAMI DALAM AL- KUTUB <i>AL-SITTAH</i> .....	40
2.3.1 GALAKAN BERPOLIGAMI .....	40
2.3.2 NABI MEMILIKI ISTERI YANG RAMAI .....	41
2.3.3 KEHARUSAN HIBAHKAN GILIRAN KEPADA MADU .....	43
2.3.4 MENCABUT UNDI JIKA BERMUSAFIR .....	46
2.3.5 ANCAMAN KEPADA SUAMI YANG TIDAK BERLAKU ADIL.	48
2.3.6 BILANGAN BERMALAM JIKA MENIKAHI GADIS ATAU JANDA .....	50
2.3.7 NABI TIDAK MENGAULI ISTERI-ISTERI SELAMA SATU BULAN .....	51
2.3.8 DOA NABI DALAM MELAKSANAKAN KEWAJIPAN TERHADAP ISTERI-ISTERI .....	53
2.3.9 PERASAAN CEMBURU PARA ISTERI .....	55
2.3.10 MENGASIHI SALAH SEORANG ISTERI MELEBIHI ISTERI-	56

ISTERI YANG LAIN .....	
2.3.11 LARANGAN BERISTERI MELEBIHI EMPAT .....	61
2.3.12 LARANGAN MEMADUKAN PEREMPUAN DENGAN IBU SAUDARA .....	62
2.3.13 LARANGAN MEMADUKAN ADIK BERADIK .....	65
2.3.14 LARANGAN MEMADUKAN FĀTIMAH BINTI RASULULLAH DENGAN ANAK ABU JAHAL .....	66
2.3.15 LARANGAN MEMADUKAN ANAK PEREMPUAN DENGAN IBUNYA .....	68
2.3.16 LARANGAN MENAMPAKKAN KEPUASAN KEPADA MADU .....	70
2.4 ANALISIS TEKS-TEKS HADITH BERKAITAN POLIGAMI .....	72
2.5 METODE YANG DIGUNAKAN DALAM MENGANALISIS TEKS- TEKS HADITH BERKAITAN POLIGAMI .....	72
2.5.1 ANALISIS HADITH-HADITH BERKAITAN POLIGAMI MENGIKUT TEMA .....	73
2.5.2 ANALISIS TEKS-TEKS HADITH BERKAITAN POLIGAMI MENGIKUT SUMBER .....	76
2.5.3 ANALISIS HADITH-HADITH BERKAITAN POLIGAMI MENGIKUT KITAB DAN BAB .....	80
2.6 KESIMPULAN .....	86
<b>BAB 3: PENGAMALAN KEHIDUPAN PASANGAN BERPOLIGAMI DI SELANGOR DALAM PERSPEKTIF SUNNAH</b>	
3.1 PENGENALAN .....	88
3.2 LANGKAH-LANGKAH KAJIAN .....	89
3.3 MASALAH-MASALAH DALAM KAJIAN .....	91

3.4 LAPORAN KAJIAN .....	91
3.4.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN .....	91
3.4.2 PROSES PERKAHWINAN .....	93
3.4.3 TUJUAN BERPOLIGAMI .....	95
3.4.4 KONSEP KEADILAN (GILIRAN/UNDIAN) .....	97
3.4.5 HUBUNGAN ANAK-ANAK DAN KELUARGA .....	99
3.4.6 MASALAH DAN LANGKAH PENYELESAIAN .....	100
3.4.7 PANDUAN-PANDUAN KEBAHAGIAAN RUMAH TANGGA BERPOLIGAMI .....	105
3.4.8 TEMU BUAL BERSAMA PARA ISTERI YANG BERMADU .....	107
3.5 KESIMPULAN .....	111

**BAB 4: GARIS PANDUAN UNTUK PELAKSANAAN POLIGAMI  
MENGIKUT SUNNAH DAN KESESUAIANNYA MENGIKUT UNDANG-  
UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI SELANGOR**

4.1 PENGENALAN .....	112
4.2 PANDUAN UNTUK PELAKSANAAN POLIGAMI MENGIKUT SUNNAH .....	112
4.2.1 MELAKSANAKAN POLIGAMI BERTUJUAN UNTUK IBADAT .....	112
4.2.2 BERPOLIGAMI TIDAK MELEBIHI EMPAT ORANG DALAM SATU MASA .....	113
4.2.3 BERKEMAMPUAN DALAM MENUNAIKAN NAFKAH .....	115
4.2.4 KONSEP <i>AL-„ADĀLAH</i> .....	116
4.2.5 PENGURUSAN GILIRAN BERMALAM .....	117
4.2.6 PENGURUSAN PERASAAN CEMBURU DALAM RUMAH	119

TANGGA .....	
4.2.7 GOLONGAN YANG DILARANG UNTUK DIMADUKAN .....	123
4.2.8 MENINGGALKAN ISTERI DENGAN SEBAB .....	124
4.2.9 KEHARUSAN MENGHIBAH ATAU MEMBERIKAN HAK GILIRAN KEPADA MADU .....	125
4.2.10 JIKA BERMUSAFIR .....	126
4.3 KESIMPULAN .....	128
 <b>BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1 PENGENALAN .....	130
5.2 RUMUSAN .....	130
5.3 CADANGAN .....	131
5.4 PENUTUP .....	133
BIBLIOGRAFI .....	134

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 2.1	Analisa hadith-hadith berkaitan poligami mengikut tema (termasuk yang sama dan berulang)	71
Jadual 2.2	Hadith-hadith berkaitan poligami mengikut sumber (termasuk yang sama dan berulang)	74
Jadual 2.3	Analisis hadith-hadith berkaitan poligami mengikut Kitab dan Bab ( <i>Şahīh Bukhārī</i> )	78
Jadual 2.4	Analisa hadith-hadith berkaitan poligami mengikut Kitab dan Bab ( <i>Şahīh Muslim</i> )	79
Jadual 2.5	Analisa hadith-hadith berkaitan poligami mengikut Kitab dan Bab ( <i>Abū Dāwūd</i> )	79
Jadual 2.6	Analisa hadith-hadith berkaitan poligami mengikut Kitab dan Bab ( <i>Jāmi' al-Tirmidhī</i> )	80
Jadual 2.7	Analisa hadith-hadith berkaitan poligami mengikut Kitab dan Bab ( <i>Sunan al-Nasā'ī</i> )	80
Jadual 2.8	Analisa hadith-hadith berkaitan poligami mengikut Kitab dan Bab ( <i>Sunan Ibn Mājah</i> )	81
Jadual 2.9	Analisa taraf hadith yang disenaraikan	82

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 2.1	Bilangan Hadith Mengikut Tema	72
Rajah 2.2	Pecahan Hadith Mengikut Tema	72
Rajah 2.3	Bilangan Hadith Mengikut Sumber	77
Rajah 2.4	Pecahan Hadith Mengikut Sumber	77
Rajah 2.5	Pecahan Taraf Hadith Sunan Abū Dāwūd	80
Rajah 2.6	Pecahan Taraf Hadith Sunan al-Nasā'ī	81
Rajah 2.7	Pecahan Taraf Hadith Sunan Ibn Mājah	82
Rajah 2.8	Pecahan Keseluruhan Hadith Mengikut Taraf	83

## PANDUAN TRANSLITERASI

### a. Konsonan

No	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	ا	(a,i,u)	الْقِرَاءَةُ	al-Qirā'ah
2	ب	B	بَعْثٌ	ba'utha
3	ت	T	تَابٌ	Tāba
4	ث	Th	ثَوَابٌ	Thawāba
5	ج	J	جَعْلٌ	Ja'ala
6	ح	H	خَلَبٌ	Halaba
7	خ	Kh	خَطَبٌ	Khaṭaba
8	د	D	دَفْعَةٌ	Dafa'a
9	ذ	Dh	ذَهَبٌ	Dhababa
10	ر	R	رَجْعٌ	raja'a
11	ز	Z	رَزْعٌ	zara'a
12	س	S	سَعْيٌ	sami'a
13	ش	Sh	شَفَعٌ	shafa'a
14	ص	Ş	صَعْدَادٌ	şa'ada
15	ض	D̄	ضَلَالٌ	ḍalala
16	ط	Ṭ	طَلَّاعٌ	ṭala'a
17	ظ	Ẓ	ظَفَرٌ	ẓafara
18	ع	,,(a,i,u)	عَلَيْهِ	,,alayh
19	غ	gh	غَفَرٌ	ghafara
20	ف	F	فَلَاحٌ	falahā
21	ق	Q	قَلْمَنْ	qalama
22	ك	K	كَثَبٌ	kataba
23	ل	L	لَعِبٌ	la'ib
24	م	M	مَنْعَنْ	mana'a
25	ن	N	نَالَ	nāla
26	و	W	وَعْدٌ	wa'ada
27	هـ	H	هَدَمٌ	hadama
28	ىـ	Y	يَعْلَمُ	ya'lamu

b. Vokal Panjang

No	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	أ	Ā	قَالَ	Qāla
2	أو	Ū	مُوسَى	Mūsā
3	أى	Ī	إِيمَانٌ	īmān

c. Vokal Pendek

No	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	--- (فتحة)	A	نَصَرٌ	naṣara
2	--- (كسرة)	I	نَاصِرٌ	nāṣira
3	--- (ضمة)	U	يَنْصُرُ	yansuru

d. Diftong

No	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	أو	Aw	أَوْابَ	Awwāba
2	أى	Ay	أَيَّامٍ	Ayyāma
3	أي	Iy	إِيَّاكَ	Iyyāka

Catatan :

Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab telah menjadi sebutan bahasa Melayu dieja mengikut perkataan bahasa Melayu seperti perkataan ulama, ilmiah, al-Quran, hadith dan lain-lain.

## SENARAI KEPENDEKAN

AS	:	<i>„Alayhi Salām</i>
Bil.	:	Bilangan
c.	:	Cetakan
Dr.	:	Doktor
ed.	:	Edit
et.al	:	Lain-lain pengarang bersama
H	:	Hijriyyah
Hj.	:	Haji
Ibid.	:	Rujukan pada tempat yang sama
M	:	Masihi
Prof.	:	Profesor
RA	:	<i>Rađiya Allah „Aḥ/ Rađiya Allah „Aḥa</i>
SAW	:	<i>Sallallah „alaihiwa Sallam</i>
SWT	:	<i>Subhanallahu Wa Ta’ala</i>
Sdn. Bhd.	:	Sendirian Berhad
t.t	:	Tanpa tahun
t.t.p.	:	Tanpa tempat penerbit
Terj.	:	Terjemahan
w.	:	Wafat
No. Hadith	:	Nombor Hadith

## BAB PENDAHULUAN

### 0.1 PENGENALAN

Agama Islam merupakan agama yang mengharuskan poligami, iaitu berkahwin melebihi seorang dan tidak melebihi empat orang dalam satu masa. Pandangan ini adalah sepakat para ulamak, fuqaha<sup>1</sup> dan ahli mufasirīn.<sup>1</sup> Namun demikian, dalam kalangan umat Islam itu sendiri tidak mengetahui hukum poligami yang sering disalah ertikan oleh masyarakat khususnya dalam kalangan kaum wanita. Malah, keharusan berpoligami yang telah termaktub dalam al-Quran dan al-Hadith tidak difahami dengan jelas dan tepat oleh segelintir kaum lelaki yang ingin berpoligami. Kurangnya kefahaman tentang hukum serta syarat-syarat poligami telah menjadikan syariat ini dipandang negatif oleh masyarakat.

Pihak yang mengamalkan poligami sewajarnya menepati syarat yang telah ditetapkan oleh syarak dan memahami secara tuntas kewajipan yang mereka perlu penuhi agar amalan poligami menepati konsep yang ditetapkan oleh syarak dan syariat ini tidak menjadi „trauma“ kepada kaum hawa yang terlibat dengan poligami.<sup>2</sup>

Kaum orientalis barat banyak berbicara tentang poligami yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Tujuan mereka jelas, iaitu mencemarkan nabi dan rasul sebagai penyebar agama Islam. Mereka mendakwa poligami yang diamalkan oleh Rasulullah SAW semata-mata dari sudut material, tidak melihatnya dari sudut lain yang jauh lebih besar dan lebih penting. Pandangan mereka sedemikian adalah disebabkan fanatik kepada agama mereka sendiri. Mereka meninggalkan metode ilmiah kerana mereka memandang poligami sebagai perbuatan yang merugikan kaum wanita, keluarga dan

<sup>1</sup> „Abd. Al-Karīm Zaidan, *Muṣṣal Fī Ahkām al-Mar'ah Wa al-Baiti al-Muṣlīm Fī al-Sharī'ah al-Islāmiyah*, (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1997), 5:286

<sup>2</sup> Hafiz Firdaus Abdullah, *202 Pelajaran berkenaan poligami* (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa 2012), 36-57.

masyarakat. Mereka tidak melihat kepada kemaslahatan, peluang dan keadilan yang ada dalam keharusan berpoligami.<sup>3</sup>

Menurut Dr. Muhammad al-Bahi, ahli pemikir Islam Mesir berpendapat, poligami bukanlah suatu prinsip yang wajib dilaksanakan dalam syariah Islam sehingga boleh menyebabkan berdosa jika tidak mengamalkannya. Poligami hanya merupakan perkara harus dan satu *rukhsah* (keringanan) dalam keadaan darurat. Jelasnya di sini walaupun bahasa yang digunakan dalam surah al-Nisā' ayat 3 berunsur perintah, ia bukanlah membawa kepada makna wajib dilaksanakan. Bahkan jika diamati ia boleh membawa kepada suatu tegahan dan haram hukumnya jika suami yang berpoligami tidak berupaya berlaku adil dan mengakibatkan penganiayaan terhadap isteri yang dikhawani.<sup>4</sup>

Kajian tentang poligami ini bukanlah sesuatu yang baru dalam masyarakat hari ini. Isu ini sering dijadikan politik dalam masyarakat sehingga menimbulkan ketegangan di antara pihak-pihak tertentu. Ada pihak yang menyokong sepenuhnya, ada juga yang menyokong dengan syarat-syarat tertentu dan tidak kurang juga ada pihak yang menentangnya. Apa yang membimbangkan ialah ada pihak yang mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah yang membawa kepada kepincangan akidah.

Ramai suami yang mengamalkan poligami ini menyatakan bahawa mereka melaksanakan sebahagian daripada sunnah Rasulullah SAW. Manakala isteri pula terpaksa akur kerana bimbang dikatakan menentang sunnah Rasulullah SAW. Namun apa yang berlaku amalan poligami ini berhadapan dengan konflik dan lebih menyediakan ianya berakhir dengan perceraian dan pergaduhan. Terdapat juga suami yang mengambil peluang hanya untuk memuaskan hawa nafsu mereka dengan alasan

<sup>3</sup> H.M.H. Al-Hamid Al-Husaini, *Rumah tangga Nabi Muhammad SAW* (Kuala Lumpur: Pustaka Hidayah, 2007), 42 & 43.

<sup>4</sup> Muhammad al-Bahi, *Langkah Wanita Islam Masakini Gejal-gejala dan Sejumlah Jawaban*, terj. Fathurrahman (Selangor: Thinker Library Sdn. Bhd. & Erfan Hj. M.A. Ghani, 1998), 55-59

mengikuti sunnah dan menganggap bahawa ia adalah pelaksanaan hukum yang diharuskan. Kesannya amalan poligami yang asalnya baik menjadi cemuh dalam kalangan masyarakat.

Ada juga mengambil langkah untuk berkahwin di negara jiran, sama ada Thailand atau Kemboja. Persoalannya kenapa berkahwin di sana? Tidak kurang juga yang sanggup berbohong dengan status diri semata-mata untuk memikat perempuan untuk berkahwin dengannya. Bahkan ada yang sanggup menipu isteri bertahun-tahun lamanya. Apa yang lebih menyedihkan kehidupan menipu ini berlarutan sehingga akhir hayat. Apakah amalan sebegini kononnya disandarkan kepada sunnah Rasulullah SAW? Secara tidak langsung ia telah mencemarkan kesucian agama Islam itu sendiri.

Justeru tajuk ini dipilih sebagai kajian dengan merujuk kepada perlaksanaan konsep poligami ini daripada baginda Rasulullah SAW sendiri sebagai *qudwah hasanah*. Perlakasanaan sunnah dalam poligami ini akan menjadi panduan kepada pengamal agar konsep ini dapat dimurnikan di mata masyarakat. Kajian ini akan menjadikan *al-Kutub al-Sittah* sebagai sumber rujukan.

## **0.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN**

Poligami sering kali dipandang negatif oleh masyarakat. Ia menjadi bahan bualan di kedai-kedai kopi, forum-forum internet, sembang-sembang pejabat, drama-drama televisyen, novel-novel dan gosip-gosip wanita. Sayang sekali, hukum poligami dan yang berkaitan dengannya serta panduan hidup dalam poligami jarang-jarang dikupas secara ilmiah.<sup>5</sup> Pengkaji juga mendapati tiada lagi kajian yang menjuruskan kepada teks-teks hadith yang muktabar. Kekurangan kajian ini perlu ditampung segera dengan merujuk kepada hadith-hadith daripada *al-Kutub al-Sittah*. Di samping itu tiada lagi garis panduan yang boleh dijadikan rujukan ke arah membina keluarga berpoligami

---

<sup>5</sup> Hafiz Firdaus Abdullah, *e-book 202 Pelajaran berkenaan poligami* (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa 2012), 6.

yang bahagia. Maka sudah pasti kelompongan ini perlu diisi dan sekaligus dapat membantu merealisasikan poligami adalah amalan yang disyariatkan dalam Islam.

Firman Allah SWT:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَإِنَّكُمْ مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ مَتَّىٰ وَثُلَّتَ  
وَرُبَّعٌ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَى أَلَا  
تَعُولُوا

Surah al-Nisā“ 4: 3

Terjemahan: Dan sekiranya kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian sekiranya kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara mereka) maka (berkahwinlah) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih baik supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

Berdasarkan ayat ini, jelas menunjukkan bahawa poligami merupakan syariat yang diharuskan dalam Islam. Jadi, salah faham tentang poligami tidak akan timbul sekiranya umat Islam memahami hukum poligami seperti yang termaktub dalam Surah al-Nisā“ di atas. Salah faham terhadap hikmah poligami juga tidak disalahertikan andainya hadith-hadith dijadikan sebagai antara sumber rujukannya.

### 0.3 PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Melalui penyataan masalah kajian ini pengkaji akan mengenengahkan penyelesaian tajuk kajian kepada empat permasalahan utama:

**Permasalahan pertama** ialah menjelaskan bagaimana perlaksanaan poligami Rasulullah SAW didasarkan al-Quran dan mengemukakan pandangan barat terhadap konsep poligami ini sebagai perbandingan.

**Permasalahan kedua** ialah mengenalpasti teks-teks hadith daripada sumber yang betul iaitu *al-Kutub al-Sittah*. Kemudian teks-teks hadith yang telah dikenalpasti akan dianalisis mengikut sumber, kitab, bab dan taraf kedudukan hadith. Ini bertujuan untuk dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pengkaji atau mengamal sunnah.

**Permasalahan kajian yang ketiga** ialah menganalisis amalan kehidupan pasangan yang berpoligami mengikut amalan sunnah Nabi SAW. Bagaimana ianya dapat dihayati dan dilaksanakan untuk melahirkan keluarga yang bahagia dan barakah sekaligus memenuhi hikmah syariah berpoligami itu sendiri.

Manakala **permasalahan keempat** pula ialah membina panduan-panduan pelaksanaan poligami berdasarkan sunnah dan undang-undang syariah keluarga Islam Selangor. Beberapa pandangan ahli fiqh dan ahli hadith akan dibentangkan sebagai sokongan. Akhirnya perbincangan ini akan dirumuskan berdasarkan hujah-hujah yang akan dikemukakan.

#### **0.4 PERSOALAN KAJIAN**

1. Bagaimanakah konsep poligami Rasulullah SAW?
2. Apakah hadith-hadith yang menjelaskan perihal poligami Rasulullah SAW dalam perspektif *Riwayah* dan *Dirayah*?
3. Bagaimanakah pengamalan pasangan berpoligami yang membawa kebahagiaan rumah tangga Islam?
4. Apakah panduan pelaksanaan poligami mengikut sunnah dan undang-undang Syariah Keluarga Islam Selangor?

#### **0.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif-objektif berikut:

1. Menjelaskan konsep poligami yang diamalkan oleh Rasulullah SAW berdasarkan al-Quran dan al-Hadith.

2. Mengenalpasti dan menganalisis teks-teks hadith berkaitan poligami dalam perspektif *Riwāyah* dan *Dirāyah*.
3. Menilai pengamalan kehidupan pasangan berpoligami dalam perspektif sunnah.
4. Membina garis panduan pelaksanaan poligami mengikut sunnah dan kesesuaianya mengikut undang-undang Syariah Keluarga Islam Selangor.

## **0.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Berpandukan masalah dan objektif kajian maka kajian ini penting berdasarkan beberapa sebab iaitu dapat memenuhi kelompongan dalam bidang hadith terutama berkaitan poligami.

Kepada golongan yang telah mengamalkan poligami sudah tentu kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan dalam meneruskan kehidupan berpoligami yang lebih bahagia. Teks-teks hadith dalam kajian dapat dijadikan sumber amalan agar ianya tidak tersasar daripada sunnah Rasulullah SAW. Malahan kepada golongan yang baru merancang untuk memulakan poligami juga dapat melakukan persediaan yang lebih baik ke arah membina keluarga bahagia.

Selain itu, pihak yang terlibat dengan undang-undang kekeluargaan seperti pihak mahkamah atau Jabatan Agama Islam Negeri juga dapat menggunakan kajian ini sebagai bahan rujukan atau panduan dalam menggubal atau melaksanaan undang-undang keluarga Islam. Di samping para pengkaji ilmu sudah pasti dapat menggunakan kajian ini untuk meneruskan kajian terutama hadith-hadith berkaitan poligami.

## **0.7 METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian merupakan kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dalam sesuatu kajian yang dilakukan. Perancangan yang teliti dapat membantu memudahkan data dan maklumat penyelidikan dikumpul, dianalisis dan seterusnya dinilai. Di ruangan ini akan membincangkan dan menghuraikan secara terperinci reka bentuk kajian, sampel kajian, data kajian dan analisis data yang akan

digunakan untuk memperoleh data bagi kajian ini. Berikut merupakan metodologi kajian yang digunakan untuk melaksanakan kajian ini.

Setiap penyelidikan terdapat dua metodologi utama yang digunakan dalam melakukan kajian. Metodologi yang pertama adalah berbentuk kajian kualitatif dan metodologi yang kedua berbentuk kajian kuantitatif. Dalam melakukan penyelidikan terhadap kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan metodologi berbentuk kajian kualitatif. Pengkaji memilih metodologi ini kerana ianya sesuai dengan kajian yang akan dilakukan.

Metodologi yang akan digunakan dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif yang telah digariskan. Antara aspek-aspek yang akan dihuraikan ialah reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, kaedah pengumpulan data serta kaedah penganalisisan data.

### **0.7.1 Reka bentuk kajian**

Reka bentuk kajian merupakan aspek yang penting dalam sesebuah kajian. Selain itu, ia dapat membantu pengkaji menyusun idea kajian dengan lebih khusus.<sup>6</sup> Kajian ini berbentuk kualitatif yang merangkumi penyelidikan keperpustakaan dan kajian lapangan. Kajian kualitatif adalah kajian berkaitan persoalan atau pernyataan dan tidak melibatkan hipotesis. Kebiasaanya, kajian kualitatif akan menggunakan persoalan seperti, bagaimana, apa, dan mengapa.<sup>7</sup> Metodologi yang sering dikaitkan dengan reka bentuk kajian kualitatif adalah melibatkan bidang sains sosial seperti historiografi, etnografi, dan sosiologi kualitatif. Selain itu, kajian kualitatif adalah strategi kajian pada

---

<sup>6</sup> Sekaran, *Research Methods For Business: A Skill-Building Approach.*(West Sussex, UK: John Wiley & Sons, 2013),5

<sup>7</sup> Trochim, *Concept Mapping for Planning and Evaluation* (Calif: Sage, 2007), 55.

kelazimannya akan menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis.<sup>8</sup>

### **0.7.2 Kaedah pengumpulan data**

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data untuk menjadi asas dalam penyelidikan. Proses kaedah pengumpulan data harus tepat untuk menyelesaikan permasalahan serta menepati objektif kajian. Antara kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah:

#### **Pertama: Kajian keperpustakaan.**

Kaedah penyelidikan perpustakaan ialah kajian yang dilakukan dengan merujuk dan meneliti dokumen-dokumen di beberapa buah perpustakaan. Kajian ini melalui dua metode iaitu :

1. Metode Dokumentasi : Yang dimaksud dengan metode dokumentasi adalah sekumpulan berkas iaitu mencari data mengenai hal-hal berupa catatan, transkrip, buku, surat kabar, majalah dan sebagainya. Dari pengertian ini, dapat difahami bahwa metode dokumentasi dapat diertikan sebagai suatu cara pengumpulan data yang diperoleh dari dokumen-dokumen yang ada atau catatan-catatan yang tersimpan, baik itu berupa catatan transkrip, buku, surat kabar dan sebagainya.<sup>9</sup>
2. Metode Perpustakaan : Pengkaji mendapatkan sumber maklumat ini daripada beberapa sumber merangkumi bahan seperti tesis peringkat sarjana, jurnal, seminar, kertas kerja, dan buku-buku yang berkaitan dalam pelbagai bahasa. Bahan ini digunakan sebagai rujukan sumber primer dan sekunder. Bahan-bahan tersebut didapati di beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Central, Pepustakaan Za'ba,

---

<sup>8</sup> Bryman, *Social Research Methods* (Oxford: Oxford University Press, 2008), 24.

<sup>9</sup> <http://aadesanjaya.blogspot.com/2011/06/metode-dokumentasi.html>.

Perpustakaan Akademi Pengajian Islam di Universiti Malaya dan Perpustakaan Tun Sri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **Kedua: Kajian lapangan.**

Kajian lapangan melibatkan kajian yang akan dilakukan di tempat, waktu dan tempoh masa yang telah dirancang dan dipilih untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Melalui kajian lapangan ini pengkaji akan menggunakan dua metode iaitu :

1. Metode temu bual berstruktur. Temu bual berstruktur merupakan salah satu instrumen yang akan digunakan dalam kajian ini. Ia digunakan untuk mendapatkan data kualitatif bagi membantu pengkaji dalam menyokong dan menghuraikan beberapa data yang diperolehi dalam temu bual. Temu bual adalah satu kaedah pengumpulan data maklumat yang utama dalam kajian tinjauan.<sup>10</sup> Selain itu diperolehi juga melalui alat perhubungan seperti telefon, email dan perbualan melalui internet.<sup>11</sup> Pengkaji memanfaatkan setiap ruang media sosial yang ada untuk melengkapkan kajian ini.

Sesi temu bual berstruktur ini akan dijalankan ke atas lima pasangan yang mengamalkan poligami di negeri Selangor. Kriteria pemilihan adalah pasangan yang berjaya mengekalkan kerukunan rumah tangga pada pandangan dan penilaian pengkaji sendiri. Selain itu pengkaji juga menemubual individu-individu yang terlibat dengan mahkamah Syariah untuk mendapat data dan statistik kes-kes poligami di negeri Selangor.

2. Metode Observasi. Metode observasi (pemerhatian) merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk memungut data kajian. Selain itu, pemerhatian memainkan

---

<sup>10</sup> Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan* (Kuala Lumpur: McGraw-Hill, 2006), 113.

<sup>11</sup> Mok Soon Sang et *Literatur Dan Kaedah Penyelidikan* (Puchong: Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd, 2009), 211-214

peranan yang sama penting dengan kajian soal selidik.<sup>12</sup> Pengkaji telah membuat pemerhatian dan pengamatan disepanjang sesi temubual di samping penglibatan responden aktiviti kemasyakatan serta prestasi dalam perkhidmatan.

### **0.7.3 Kaedah Penganalisisan data**

Dalam usaha pengumpulan data-data berkenaan kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah pengumpulan data yang bersesuaian. Kaedah pengumpulan data adalah usaha-usaha pengkaji dengan mengumpulkan bahan-bahan, maklumat, data-data dan lain-lain yang berkenaan.<sup>13</sup> Data tersebut dianalisis melalui kaedah berikut:

#### **1. Kaedah Induktif**

Metode induktif bermaksud suatu proses menganalisis data melalui pola pemikiran bagi mencari bukti-bukti dari hal-hal yang bersifat khusus kepada yang bersifat umum.<sup>14</sup> Pengkaji menganalisis dengan cara meneliti dan menghalusi setiap fakta serta selanjutnya menyimpulkan kepada suatu kesimpulan yang bersifat global. Oleh itu, kaedah ini membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang sebenar untuk dianalisis dan dirumuskan. Pengkaji menggunakan kaedah ini dalam bab dua dan bab tiga.

#### **2. Kaedah Deduktif**

Pengkaji mengambil fakta dan maklumat yang umum kepada khusus iaitu ianya diperincikan kepada satu persatu sehingga data tersebut terperinci berdasarkan kemampuan pengkaji sendiri.<sup>15</sup> Kaedah ini digunakan secara meluas ketika pengkaji

---

<sup>12</sup> *Ibid.*,300.

<sup>13</sup> Abdul Halim Mat Diah, *Suatu Contoh Huraian Metodologi*. (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), 11.

<sup>14</sup> Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Intel Multimedia and Publication, 2001), 75.

<sup>15</sup> *Ibid.*, 52.

menganalisis data dalam setiap persoalan yang akan timbul. Kaedah ini akan digunakan dalam bab empat dan lima.

### 3. Kaedah Kualitatif (perisian NVIVO 11)

Data temu bual yang akan dirakam dan maklumat pemerhatian turut serta akan menggunakan transkripsi dalam kajian ini serta akan dianalisis menggunakan perisian NVIVO 11.<sup>16</sup> Proses membuat transkripsi ini akan memudahkan pengkaji dalam mendapatkan data yang diperlukan dalam kajian ini. Selain itu, hasil tersebut akan dianalisis secara tematik supaya susunan lebih bersistematis.

## 0.8 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Persampelan merupakan suatu proses memilih kumpulan individu untuk sesuatu penyelidikan daripada suatu kumpulan individu yang mewakili kumpulan besar yang dipilih. Persampelan juga bermaksud pemilihan suatu kumpulan orang, institusi, tempat atau fenomena yang ingin diselidiki oleh penyelidik.<sup>17</sup>

Sampel dalam penyelidikan merupakan kumpulan yang menjadi sumber informasi yang diperlukan. Di Selangor sebanyak 1,052 permohonan untuk berpoligami telah didaftarkan pada tahun 2016. Daripada jumlah tersebut sebanyak 686 permohonan telah diluluskan.<sup>18</sup> Untuk menjalankan kajian ini, sampel yang dipilih ialah lima pasangan yang melaksanakan poligami dan berdaftar di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. Responden dipilih seramai 9 orang iaitu 5 orang dari pihak suami dan 4 orang dari pihak isteri yang bermadu. Pemilihan responden ini mengambil kira taraf pendidikan dan pekerjaan.

---

<sup>16</sup> Marohaini Mohd Yusoff, ed., *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, C. 5 (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013), 45.

<sup>17</sup> Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. (Kuala Lumpur: McGrawHill Malaysia Sdn. Bhd, 2010), 112.

<sup>18</sup> Faizarul Nizam, (Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat) dalam temubual dengan pengkaji, 5 Januari 2017.

Justeru, kajian ini juga bertujuan mengkaji teks-teks hadith berkaitan poligami berdasarkan *al-Kutub al-Sittah*. Bahagian ini telah membincangkan mengenai metode pengumpulan data dan penganalisaan data. Data yang akan dikumpul ialah melalui kaedah kajian perpustakaan, soal selidik dan temu bual. Data-data yang dikumpul akan diproses dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu. Dapatkan data akan dianalisis dan akhirnya akan dirumus dalam bab yang akan datang.

## 0.9 SOROTAN KAJIAN

Kajian dan tulisan berkenaan poligami telah banyak dilakukan sama ada oleh penyelidik-penyelidik terdahulu mahupun kini. Kajian-kajian tersebut telah dibukukan dan ada yang berbentuk digital dan bahan bercetak. Berdasarkan tinjauan pengkaji, kajian berkenaan poligami banyak menyentuh tentang hukum, kesan, hikmah, faktor, syarat dan pandangan wanita Islam terhadap poligami serta penerimaan amalan ini dalam masyarakat.

Walaupun terdapat banyak kajian dan tulisan berkenaan poligami, namun poligami masih belum sepenuhnya difahami oleh umat Islam secara tepat. Pada pandangan pengkaji bahawa kajian-kajian lepas tidak ada yang dibuat secara khusus terhadap hadith-hadith bersumberkan *al-Kutub al-Sittah*. Ini bermakna kajian yang akan dilakukan ini tidak sama, bertindih mahupun mencedok daripada mana-mana kajian lepas. Oleh itu, pengkaji telah menyoroti kajian-kajian lepas dengan menyenaraikan seperti berikut:

1. *Objektif Syariah dalam Amalan Poligami: Kajian di Kota Bharu, Kelantan*. Kajian diperingkat Sarjana Syariah ini telah dilakukan oleh Aslinda Binti Apandi, Jabatan Fiqh dan Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005. Melalui kajian ini penulis menyatakan perkara penting dalam syariah Islam ialah objektifnya. Penulis menyatakan bahawa di samping untuk mendapat keredhaan Allah SWT, poligami juga

berobjektifkan untuk memberi jaminan kemuliaan, keturunan dan menjauhi kemaksiatan. Seterusnya penulis berpendapat bahawa kepentingan peribadi pengamal poligami menjadi faktor utama poligami ini diamalkan, terutamanya disebabkan oleh nafsu dan kedudukan ekonomi, berbanding faktor-faktor lain.

Berdasarkan hasil kajian tersebut, sebilangan besar pengamal poligami di Kota Bharu tidak mengambil kira objektif syariah dalam pengamalan poligami mereka. Akan tetapi ianya lebih kepada kehendak individu sendiri. Kajian ini tertumpu di Kota Bharu, Kelantan, sedangkan pengkaji akan membuat kajian di Selangor. Di samping itu kajian ini tidak membincangkan teks-teks hadith dari *al-Kutub al-Sittah* sebagai bahan rujukan, sedangkan pengkaji menjadikan *al-Kutub al-Sittah* sebagai rujukan utama.

2. *Kesan Poligami terhadap keluarga Islam: Suatu Kajian di Langkawi Kedah.* Kajian diperingkat Sarjana Usuluddin ini telah dilakukan oleh Sa'adiah Bt Abdul Samad, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002. Kajian ini melihat kepada kesan-kesan amalan poligami dalam kalangan penduduk sekitar Langkawi, Kedah. Kesan yang ditinjau adalah terhadap suami sendiri sebagai pengamal poligami, terhadap isteri atau isteri-isteri dan juga anak-anak di dalam keluarga tersebut. Kajian ini dibataskan kepada pengamal poligami yang telah direkodkan di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Langkawi sahaja. Kajian ini juga mendapati bahawa amalan poligami memberi kesan yang berbeza dalam kalangan keluarga yang mengamalkannya. Jika ianya dilaksanakan dengan baik iaitu dengan mengikut syarat dan peraturan yang telah ditetapkan, ahli keluarga akan menerima kesan yang baik, jika tidak, maka buruklah kesannya. Daripada kajian ini juga didapati kesan negatif yang wujud dari amalan poligami di daerah ini adalah lebih banyak jika dibandingkan dengan kesan yang berbentuk positif.

Namun dalam kajian ini, penulis hanya tertumpu kepada kesan pengamalan poligami sahaja serta skop kajiannya adalah di Langkawi, Kedah. Sedangkan pengkaji akan mengkaji panduan pengamalannya berdasarkan sunnah dan kajian pula akan menumpukan kepada pasangan terpilih di negeri Selangor.

3. *Permohonan Poligami Dan Hubungkaitnya Dengan Ketidakharmonian Rumah tangga: Kajian Kes Di Mahkamah Syariah Negara Brunei*. Kajian diperingkat Sarjana ini telah dilakukan oleh Auni „Afifah Binti Haji Ali Hassan, Jabatan Sejarah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014. Kajian ini melihat kepada permasalahan yang dihadapi oleh pasangan semasa membuat permohonan untuk berpoligami dan kesannya ke atas hubungan pasangan suami isteri setelah berpoligami. Kajian ini juga menyenaraikan unsur-unsur ketidakharmonian rumah tangga yang berlaku daripada permohonan poligami. Namun kajian ini tidak lansung merujuk kepada hadith-hadith yang menjadi sumber rujukan kedua umat Islam. Maka kekurangan inilah yang akan dilengkapkan melalui kajian yang akan dilakukan. Lokasi kajian pula adalah di negara Brunei, manakala kajian ini pula adalah di negeri Selangor, Malaysia yang sama sekali berlainan.

4. *Poligami Dari Perspektif Islam : Kajian Kes Di Kuala Lumpur*. Kajian diperingkat Sarjana ini dilakukan oleh Asri Bin Haji Ahmad, fakuliti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1992. Kajian ini membincangkan pengenalan, hukum, hikmah, syarat dan poligami Rasulullah SAW. Hasil sorotan pengkaji, penulis hanya memasukkan 3 hadith sahaja yang berkaitan poligami dalam membincangkan poligami Rasulullah SAW tanpa membuat takhrij terhadap hadith-hadith yang digunakan. Pengkaji berpendapat bahawa kelompongan inilah yang perlu dilengkapkan.

Penulis juga membentangkan hasil kajian kes yang dibuat di Kuala Lumpur. Beberapa masalah yang timbul dari amalan poligami seperti masalah isteri-isteri yang

bermadu, masalah anak-anak dari pasangan yang berpoligami, masalah anak dara tua dan masalah institusi pelacuran di Kuala Lumpur. Di samping itu penulis juga membincangkan juga poligami yang diamalkan oleh masyarakat al-Arqam. Namun kajian ini hanya menyatakan beberapa permasalahan daripada amalan poligami tanpa ada langkah atau cadangan penyelesaian, sedangkan ianya amatlah penting untuk dijadikan garis panduan kepada pengamal poligami.

5. *Poligami Menurut Agama Kristian dan Islam: Kajian Perbandingan*. Kajian diperangkat Sarjana ini telah dilakukan oleh Wan Noorul-iin Binti Mohamed Amin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009. Melalui kajian ini penulis menumpukan perbincangan mengenai konsep poligami menurut agama Kristian dan Islam. Perbincangan konsep poligami dalam agama Kristian didasarkan kepada *Bible* dan beberapa tokoh utama dalam agama tersebut seperti Jesus Christ, St. Paul, St. Augustine dan St. Thomas Aquinas. Manakala perbincangan menurut perspektif Islam pula didasarkan kepada rujukan al-Quran dan al-Hadith serta pandangan para fuqaha" dan ulamak. Melalui penulisan ini persamaan konsep poligami Kristian dan Islam juga dibincangkan di samping perbezaan untuk dibuat perbandingan. Namun kajian ini hanya menggunakan enam hadith sahaja sebagai rujukan dalam sunnah. Maka sayugialah pengkaji membuat kajian terhadap teks-teks hadith poligami dalam *al-Kutub al-Sittah* supaya konsep poligami dalam Islam lebih difahami.

6. *Berpoligami: Antara Hak Suami dan Hak Isteri Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*. Tulisan ini dimuatkan dalam Jurnal Syariah bil 11 halaman 131-146 oleh Raihanah Abdullah, 2003. Kajian ini telah memperincikan tentang hak suami dan isteri dalam berpoligami. Kajian ini juga banyak berfokus pada undang-undang keluarga Islam Malaysia. Dalam kajian ini, penjelasan terperinci berkenaan poligami dan perundangan turut dibincangkan. Peruntukan berkaitan dengan

permohonan poligami yang ada dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam ini sebenarnya adalah bertujuan untuk mengawal amalan tersebut agar tidak berlaku sesuatu yang tidak diingini akibat daripada amalan poligami yang tidak betul. Oleh sebab itu semua negeri di Malaysia memperuntukkan bahawa setiap permohonan untuk berpoligami mestilah mendapat kebenaran bertulis dari Mahkamah Syariah atau pun Hakim Syarie.

Rumusan daripada kajian ini menyatakan bahawa peruntukan yang ada bertujuan untuk memastikan bahawa tidak berlaku penyelewengan yang boleh mengakibatkan ketidakadilan terhadap isteri atau isteri-isteri dan anak-anak. Bagaimanapun undang-undang yang ada masih belum mencukupi untuk menjamin hak-hak isteri daripada diabaikan. Kajian ini hanya mengemukakan Undang-undang Keluarga Islam secara umum di Malaysia tanpa menfokus mana-mana enakmen negeri. Oleh kerana itu, pengkaji akan mengemukakan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor sebagai batasan kajian.

7. *Poligami Dalam Islam.* Tulisan awal berkaitan poligami ini dihasil oleh Dusuki B Haji Ahmad, Kuala Lumpur: YADIM, 1978. Dalam buku ini telah membicarakan tentang poligami sebelum dan selepas kedatangan Islam dibawa utusan Nabi Muhammad SAW. Faktor-faktor berpoligami telah diterangkan dengan terperinci serta hikmat pengharusan poligami. Tulisan ini juga cuba menerangkan rahsia-rahsia dan hikmah berpoligami, keharusan berpoligami serta tujuannya, cara pelaksanaan serta kesan jika tanpa poligami. Buku ini juga membicarakan tentang poliandri (perempuan berkahwin lebih dari satu) yang tidak dibenarkan dalam Islam. Contoh yang terbaik pengamalan poligami turut dimasukkan dalam buku ini, iaitu Nabi Muhammad SAW. Namun perbincangan tidak menyeluruh dan tidak merujuk kepada teks-teks hadith dari *al-Kutub al-Sittah*. Maka dengan kelompongan itu pengkaji cuba menyediakan kajian

ini dengan mengenalpastikan teks-teks hadith berkaitan poligami Rasulullah secara menyeluruh.

8. *Poligami yang disalahertikan*, hasil tulisan Nor Atiqah Ghazali, diterbitkan oleh Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 1996. Melalui buku ini, penulis telah menjelaskan tentang salah faham tentang poligami dengan panjang lebar. Sebagai wanita, baginda cuba membincangkan secara berhemah keharusan poligami dalam Islam. Melalui buku ini juga, pengertian dan hukum berpoligami telah dibincangkan secara jelas. Kandungan buku ini juga banyak menerangkan keindahan berpoligami serta cuba mengubah pandangan negatif masyarakat terhadap poligami. Pandangan negatif kaum hawa khususnya terhadap poligami telah diajak untuk berfikiran positif dan yang telah berpandangan positif ditambah rasa bersemangat terhadap poligami kerana poligami merupakan syariat yang telah diharuskan dalam Islam. Menolak poligami bermakna menolak hukum Allah.

9. *Poligami: Hak keistimewaan Menurut Syariat Islam*. Buku telah dihasilkan oleh Zaini Nasohah dan diterbitkan oleh Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd. Kuala Lumpur, 2000. Melalui buku ini menjelaskan tentang kepentingan memahami syariat dalam berpoligami. Kandungan buku ini sangat jelas dan dapat mencerahkan lagi kefahaman umat Islam yang ingin berpoligami serta panduan yang amat berguna kepada kaum hawa iaitu pihak yang menerima kesan poligami. Banyak aspek yang telah disentuh dalam buku ini termasuklah sejarah poligami sebelum Islam, hukum poligami menurut Islam, hikmah poligami, syarat-syarat poligami serta amalan poligami masyarakat Islam di Malaysia. Buku ini ada sedikit pembaharuan kerana telah menyentuh tentang Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Penerangan tentang denda penyelewengan poligami turut diuraikan dalam buku ini.

10. 202 *Pelajaran Berkenaan Poligami*, merupakan e-book telah dihasilkan oleh Hafiz Firdaus B Abdullah, diterbitkan oleh Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru 2012. Melalui buku ini banyak aspek berkenaan poligami telah diterangkan. Antaranya, hikmah, hukum dan keadilan dalam poligami, syarat-syarat poligami, larangan-larangan poligami, tips poligami untuk suami, tips poligami untuk isteri sedia ada, tips poligami untuk isteri baru dan isteri-isteri yang lain. Tuntasnya, segala keperluan hal ehwal poligami telah dibincangkan dengan menyeluruh dalam buku ini. Malah, penulis buku ini berpendapat bahawa subjek poligami hendaklah diberi perhatian yang sungguh-sungguh sepetimana subjek *thaharah*, solat, puasa, zakat, haji, nikah, cerai, politik dan akhlak. Namun buku ini tidak menampilkan teks-teks hadith sebagai rujukan kecuali hanya mafhumnya sahaja.

11. *Undang-Undang Keluarga Islam* oleh Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Haji Abdullah, Universiti Malaya, 2005. Melalui buku ini penulis menjelaskan pengertian poligami, poligami zaman Rasulullah dan latar belakang poligami yang menceritakan poligami pada zaman *jahiliyah*, suami bebas melakukan apa saja terhadap isterinya dan penafsiran-penafsiran hukum poligami. Dalam buku ini juga dikatakan bahawa kebanyakan negara-negara Islam telah membuat pembaharuan terhadap Undang-Undang Keluarga Islam mereka. Sebenarnya syarat yang digubal dalam undang-undang bukan bertujuan untuk mengharamkan poligami. Ini kerana mengharamkannya bersalah dengan hukum syarak yang disepakati. Namun ianya dijadikan sebagai satu mekanisme untuk mengelak kaum lelaki daripada menyalahgunakan keharusan berpoligami ini sesuka hati mereka. Undang-undang ini diikuti oleh negara-negara lain termasuk Malaysia.

12. *Berpoligami Pun Satu Jenayah*. Satu artikel oleh Hayati Ibrahim, Utusan Malaysia, 15 Januari 2014, dicapai 29 April 2015 telah membicarakan tentang poligami dari sudut perundangan. Menurut artikel tersebut, berpoligami tanpa kebenaran

Mahkamah Syariah merupakan kesalahan jenayah. Hal ini kerana apabila perkahwinan kedua yang dilangsungkan di negara jiran, besar kemungkinan tidak sah kerana terdapat banyak sindiket perkahwinan dan pihak yang menikahkan tidak mendapat tauliah untuk menikahkan orang. Ada juga kerana wanita yang dinikahi itu masih menjadi isteri orang atau dalam *iddah* atau pernikahan tanpa wali yang sah atau wali hakim tidak bertauliah.

13. *Poligami Mengapa Geger?*. Hasil tulisan Rusli Alias, diterbitkan oleh Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, Kota Bharu 2007. Buku ini menjelaskan bahawa keharusan poligami adalah selari dengan fitrah manusia. Maka al-Quran dan al-Hadith merupakan sumber rujukan utama dalam segala permasalahan yang mungkin timbul daripada kehidupan berpoligami. Tanggungjawab keadilan pihak suami serta ketaatan pihak isteri merupakan asas kebahagiaan rumah tangga. Sebagai penutup buku ini penulis mengingatkan kepada pengamal poligami agar tidak menyalahgunakan sunnah berpoligami ini sebagai alasan untuk menghalalkan pelaksanaan poligami tanpa menghayati pengamalan sebenar oleh baginda Rasulullah SAW.

Sebagai rumusan kepada kajian terdahulu, menjelaskan bahawa kajian dan tulisan-tulisan berkaitan poligami yang terdahulu telah membincangkan aspek hukum syarak, perundangan, pandangan dan kesan-kesan berpoligami secara jelas dan terperinci. Daripada dapatan-dapatan kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa poligami menjadi satu isu yang sentiasa mendapat perhatian masyarakat khususnya masyarakat Islam.

Walaupun telah banyak kajian dan tulisan yang telah dipaparkan, namun poligami masih menjadi isu hangat khususnya dalam kalangan wanita. Justeru, kajian ini amat penting untuk mengkaji bagaimana baginda Rasulullah SAW mengamalkan konsep poligami berdasarkan teks-teks hadith daripada *al-Kutub Al-Sittah*. Berdasarkan tek-teks hadith tersebut pengkaji juga akan membina garis panduan sebagai rujukan kepada pengamal poligami mahupun kepada pihak yang merancang untuk mengamalkan poligami. Dua perkara inilah merupakan sesuatu yang baru dalam kajian ini.

## **0.10 SISTEMATIKA PENULISAN**

Sistematika atau susunan penulisan bagi kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pendahuluan dibincangkan tentang pengenalan, latar belakang masalah kajian, penyataan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, populasi dan sampel kajian, sorotan kajian dan sistematika penulisan.

Bab dua pengkaji akan mengenalpasti teks-teks hadith berkaitan poligami dalam perspektif *riwāyah* dan *dirāyah*. Melalui bab ini, pengkaji akan merujuk kepada *al-Kutub al-Sittah* iaitu Ṣahīḥ al-Bukhārī, Ṣahīḥ Muslim, Sunan Abū Dāwūd, Jāmi' al-Tirmidhī, Sunan al-Nasā'ī dan Sunan Ibn Mājah. Teks-teks ini akan dianalisis mengikut tema, bab dan kedudukan taraf hadith.

Bab tiga pengkaji akan mengemukakan laporan dan analisa pengamalan kehidupan pasangan berpoligami dalam perspektif sunnah. Laporan dan analisa pengamalan kehidupan pasangan poligami ini berdasarkan teks-teks hadith yang dikumpul dan dianalisis dalam bab dua.

Bab empat ialah pengkaji akan membina panduan-panduan pelaksanaan poligami mengikut sunnah dan kesesuaianya mengikut undang-undang Syariah Keluarga Islam Selangor. Panduan-panduan yang dibina ini bersandarkan kepada hadith-hadith yang dikumpul dalam bab dua serta hasil temubual bersama responden dalam bab tiga.

Bab lima adalah bab yang terakhir dalam rangka melengkapkan kajian. Dalam bab ini akan dimuatkan rumusan, kesimpulan serta beberapa cadangan dan saranan yang dirasakan perlu diutarakan berkaitan tajuk kajian ini.

## BAB 1 : POLIGAMI RASULULLAH SAW

### 1.1 PENGENALAN

Sebagai mukaddimah perbincangan, pengkaji akan mengemukakan konsep poligami mengikut al-Quran sebagai sumber rujukan utama umat Islam. Beberapa firman Allah yang akan dibincangkan sebagai bahan untuk memahami konsep, hukum, hikmah serta beberapa panduan dalam berpoligami. Ini sebagai bukti keterbukaan ajaran Islam untuk diamalkan dalam kehidupan manusia sejagat.

Oleh kerana hadith merupakan sumber rujukan kedua selepas al-Quran. Maka melalui bab ini juga pengkaji akan membincangkan konsep poligami yang diamalkan oleh baginda Rasulullah SAW yang dijadikan sebagai role model kepada umat manusia, khususnya umat Islam. Pelaksanaan poligami Rasulullah SAW sudah tentu mempunyai tujuan yang jelas serta hikmah-hikmah yang jauh bermanfaat sama ada kepada golongan wanita mahupun kepada golongan lelaki serta ia juga mempunyai kemaslahatan kepada dakwah Islam itu sendiri. Sekaligus dapat menolak tanggapan negatif daripada pengkritik serta musuh-musuh Islam yang anti poligami.

Bagi menolak pandangan negatif terhadap konsep poligami dalam Islam, maka sudah tentu perlunya perbincangan konsep poligami dari perspektif barat yang menolak dan menentang konsep poligami ini. Beberapa pandangan terhadap konsep poligami ini yang kononnya menjaga martabat kaum wanita akan dibahaskan dan bersandarkan hujah-hujah yang akan dikemukakan nanti. Melalui perbincangan ini, para pengkaji ilmu dapat menilai serta membandingbezakan pandangan Islam dengan padangan bukan Islam terhadap konsep poligami.

Sebagai pelengkap kajian, melalui bab ini juga pengkaji turut membincangkan konsep poligami dalam undang-undang keluarga Islam negeri. Oleh kerana skop kajian poligami di Selangor, maka Undang-Undang Keluarga Islam Selangor akan dijadikan

sumber rujukan. Sejauhmanakah keberkesanan pelaksanaan undang-undang serta keperluannya kepada masyarakat Islam khususnya di negeri Selangor.

## 1.2 POLIGAMI DALAM AL-QURAN

Dalam al-Quran terdapat dua ayat khusus yang menyebut dan membincangkan keharusan berpoligami iaitu ayat 3 dan ayat 129 surah al-Nisā''. Allah SWT berfirman yang pertama:

وَإِنْ حِفْتُمْ أَلَا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَإِنَّكُحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ مَشْنَىٰ  
وَثُلَثَ وَرْبَعَ فَإِنْ حِفْتُمْ أَلَا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَىٰ  
أَلَا تَعُولُوا  
Surah al-Nisā'' 4:3

Terjemahan: Dan sekiranya kamu bimbang tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian sekiranya kamu takut tidak berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih baik (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

Ayat ini diturunkan selepas peristiwa peperangan Uhud (bulan Syawal tahun ketiga Hijrah), dimana seramai 70 orang umat Islam terkorban dan meninggalkan janda-janda dan anak-anak yatim yang amat perlu diberikan perhatian dan pembelaan. Ayat ini ada penjelasanya daripada Saidatina ,Āishah sebagaimana berikut:

كَانَ عُرْوَةُ بْنُ الرَّبِيعٍ يُحَدِّثُ أَنَّهُ سَأَلَ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا (وَإِنْ حِفْتُمْ أَلَا تُقْسِطُوا  
فِي الْيَتَامَىٰ فَإِنَّكُحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ ) قَالَتْ هِيَ الْيَتِيمَةُ فِي حَجْرِ وَلِيْهَا  
فَيَرْغَبُ فِي جَمَاهِلَهَا وَمَالِهَا وَيُبِيدُ أَنْ يَتَرَوَّجَهَا بِأَدْنَىٰ مِنْ سُنَّةِ نِسَائِهَا فَنُهُوا عَنْ زِكَارِهِنَّ  
إِلَّا أَنْ يُقْسِطُوا لَهُنَّ فِي إِكْمَالِ الْصَّدَاقِ وَأُمِرُوا بِنِكَاحٍ مَّنْ سِوَاهُنَّ مِنَ النِّسَاءِ قَالَتْ  
عَائِشَةُ ثُمَّ اسْتَفْتَى النَّاسُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدُ فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ

Terjemahan: „Urwah bin al-Zubaīr bercerita bahawa dia pernah bertanya kepada „Āishah RA tentang firman Allah dalam surah al-Nisā' ayat 3 yang ertiannya: (dan jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil terhadap perempuan yang yatim (setelah kamu mengawininya), maka kahwinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi). „Āishah menjawab: "yang dimaksud ayat itu adalah seorang anak perempuan yatim yang berada pada asuhan walinya, lalu walinya itu tertarik dengan kecantikan dan hartanya dan berhasrat untuk mengahwininya namun memberikan haknya lebih rendah dari yang biasa diberikan kepada isteri-isteri sebelumnya maka mereka dilarang menikahinya kecuali bila mereka dapat berlaku adil kepada mereka, dan mereka diperintahkan untuk menikahi wanita-wanita lain selain mereka".<sup>19</sup>

Berdasarkan ayat ini juga penjaga anak yatim dilarang mengahwini anak-anak yatim bawah jagaannya kecuali jika mahu berlaku adil dan memberikan mahar kepada mereka dengan pemberian yang lebih tinggi dari kebiasaannya.<sup>20</sup> Jika tidak berbuat demikian maka mereka diperintahkan berkahwin dengan perempuan-perempuan lain yang disenangi.

Kemudian turun pula firman Allah SWT:

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِيهنَّ وَمَا يُتَّلِى عَلَيْكُمْ فِي الْكِتَابِ  
فِي يَتَمَّى النِّسَاءِ الَّتِي لَا تُؤْتُونَهُنَّ مَا كُتِبَ لَهُنَّ وَتَرَغَبُونَ أَنْ تَنْكِحُوهُنَّ  
وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الْوِلَدَنِ وَأَنْ تَقُومُوا لِيَتَمَّى بِالْقِسْطِ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ  
خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِهِ عَلِيمًا

Surah al-Nisā' 4: 127

Terjemahan: Dan mereka meminta fatwa kepadamu (Wahai Muhammad), mengenai (hak dan kewajipan) perempuan. Katakanlah olehmu: "Allah akan memberi keterangan kepada kamu mengenai mereka dan (ada difatwakan juga) apa yang selalu dibacakan kepada kamu dalam Kitab (Al-Quran) ini mengenai perempuan-perempuan yatim yang kamu tidak memberi kepadanya (mahar) apa yang telah ditetapkan menjadi hak mereka, sedangkan kamu ingin mengahwini mereka; dan juga mengenai anak-anak yang lemah (yang masih kecil). Dan (kamu juga diwajibkan) supaya menguruskan anak-anak yatim

<sup>19</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Waṣāyā, Bab Qauluhu Ta'ala Wabtalū Yatāmā Amwālahum Walā Tatabaddalū al-Khābīth, no Hadith 2763 dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, 222 Diriwayatkan juga oleh Muslim, Kitāb al-Tafsīr, Bab Fī Tafsīr Āyāt Mutafarriqah, no Hadith 7445 & 7446, 18:249 Diriwayatkan juga oleh Sunan al-Nasā'i, Kitab al-Nikāh, Bab al-Qisṭ Fī al-Asdqah, No 3348 dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, 2304.

<sup>20</sup> Muhammad bin Ali bin Muhammad al-Shaukāni, *Fath al-Qadīr: Al-Jāmi' Baina Riwayat Wa Dirāyah Min 'Ilm al-Tafsīr*, (Beirut: Dārul Ihya' al-Turāth al-,Arabī, 1998), 1: 458.

dengan adil. Dan (ingatlah) apa jua kebaikan yang kamu lakukan (kepada mereka), maka sesungguhnya Allah Maha mengetahui."

Muhammad Ali al-Šabūnī menyatakan bahawa sepakat ulamak terhadap larangan menyerahkan urusan harta anak yatim ini sehingga umurnya baligh.<sup>21</sup> Muhammad Rasyid Ridha pula menghuraikan ayat ini dalam Kitab Tafsir al-Manār mengungkapkan bahawa terdapat dalam kalangan penjaga anak yatim itu yang berkahwin dengan anak yatim yang berharta semata-mata untuk menikmati hartanya dan mengabaikan haknya lantaran kelemahan anak yatim tersebut.<sup>22</sup> Manakala al-Mawardi dalam hal ini menjelaskan bahawa terdapat juga dalam kalangan mereka yang berkahwin lebih dari satu dalam keadaan yang tidak mampu lantas menggunakan harta anak yatim tersebut bagi memenuhi keperluan hidupnya sehari.<sup>23</sup>

Kesimpulan ayat di atas bermaksud bahawa Allah SWT menunjukkan perintahnya kepada para pengasuh anak yatim bahawa bila anak perempuan yatim berada di bawah asuhan dan kekuasaan salah seorang di antara kamu dan kamu takut tidak dapat memberikannya mahar yang sama nilainya dengan perempuan-perempuan yang lain, maka hendaklah kamu memilih perempuan lain untuk dikahwininya. Bahkan dihalalkan bagi seorang lelaki untuk berkahwin sehingga empat orang isteri. Jika takut berlaku adil maka wajiblah berkahwin dengan seorang isteri sahaja.<sup>24</sup>

Firman Allah yang kedua:

وَلَنْ تَسْتَطِعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ فَلَا تَمِيلُوا كُلَّ الْمَيْلِ  
فَتَذَرُوهَا كَائِنَ مُعَلَّقَةٍ وَإِنْ تُصْلِحُوهَا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ غُفُورًا رَّحِيمًا

Surah al-Nisā' 4:129

<sup>21</sup> Muhammad ,Ali al-Šabūnī, *Tafsīr Āyāt al-Ahkām Min al-Qurān* (Syria: Madinah al-Nasr, 2007), 1:303

<sup>22</sup> Al-Imran Muhammad Rasyid Riḍa, *Tafsīr al-Qurān al-Hakim-al-Syahir Bi al-Tafsīr al-Manār*, (t.t.), 4:358.

<sup>23</sup> Al-Mawardi, Abi Hasan ,Ali bin Muhammad Habib al-Basri, *Tafsīr al-Mawardi*, (Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyah, t.t.), 1:448.

<sup>24</sup> Sayid Sabiq, *Fiqh Sunnah*, (Beirut: Darul al-Kitāb al-,Arabī, 1973.), 2:138.

Terjemahan: Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya); oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung dan jika kamu memperbaiki (keadaan yang pincang itu), dan memelihara diri (daripada perbuatan yang zalim), maka Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Melalui ayat ini Allah SWT menjelaskan bahawa ketidakmampuan manusia merealisasikan keadilan di antara para isteri adalah dalam masalah cinta, hubungan seks<sup>25</sup> dan perasaan hati. Allah juga telah menjelaskan sifat manusia bahawa mereka adalah makhluk yang tidak mampu menguasai kecondongan hati mereka terhadap sebahagian, tidak kepada sebahagian yang lain. Manakala keadilan dalam pembahagian giliran dan nafkah perlulah dijaga dengan sempurna. Dalam hadith disebutkan :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : «إِذَا كَانَ عِنْدَ الرَّجُلِ امْرَأَتَانِ فَلَمْ يَعْدِلْ بَيْنَهُمَا جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَشَفَعَةُ سَاقِطٍ»

Terjemahan: Daripada Abū Hurairah dari Nabi SAW bersabda: "Jika seorang laki-laki memiliki dua isteri, namun dia tidak berbuat adil, niscaya akan datang pada hari kiamat dengan keadaan miring (tubuhnya)."<sup>26</sup>

Apa yang dimaksud di sini adalah yang tidak berlaku adil dalam nafkah dan pembahagian giliran dan bukan dalam masalah cinta dan perasaan hati. Allah tidak mentaklifkan suami keadilan pada kecintaan.<sup>27</sup> Tidak ada seorang pun yang mampu menguasai hatinya kecuali Allah yang mencipta hati-hati tersebut. Sedangkan keadilan yang disyaratkan adalah adil secara lahir yang mampu dilakukan oleh manusia iaitu perhatian, bimbingan, menyediakan keperluan bukan keadilan dalam cinta, seks dan kasih sayang.

<sup>25</sup> Muhammad bin Ali bin Muhammad al-Shaukāni, *Fathu al-Qadir: Al-Jāmi "Baina Riwayat Wa Dirāyah Min ,Ilm al-Tafsīr*, (Beirut, Luban: Dārul Ihya" al-Turāth al-,Arabi, 1998), 1: 570.

<sup>26</sup> Hadith riwayat Jami" al-Tirmidhī, Kitāb al-Nikāh, Bab Mā Jāa Fī Taswiyyati Baina al-Darāir, no Hadith 1141 dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*, 1763. Syeikh al-Albānī mengatakan hadith ini Ṣaḥīḥ.

<sup>27</sup> Wahbah al-Zuhaili, *al-Tafsīr al-Munīr Fī al-,Akīdah Wa al-Syarī'ah Wa al-Manhaj*, (Damsyik: Dār al-Fikr, 1998), 5:297

Kesimpulannya adalah kecenderungan hati atau kecintaannya kepada salah satu isteri yang melebihi daripada yang lain tidak boleh dizahirkan dengan ucapan maupun perbuatan agar tidak menyakiti isteri-isteri yang lainnya. Juga tidak boleh mengurangi maslahat para isteri yang lain dan anak-anaknya demi memenuhi kecintaannya kepada salah seorang isteri yang lebih dicintainya. Berlaku adil adalah wajib<sup>28</sup> mengikut kemampuan seseorang. Sementara keadilan mutlak itu hanya ada di akhirat di sisi Allah yang tidak ada seorang pun yang dizalimi-Nya.

### **1.3 POLIGAMI RASULULLAH SAW**

Perkahwinan Rasulullah SAW yang kebanyakan orang yang kurang mengetahui persoalannya atau tidak cukup jujur untuk menghargainya, menjadi alasan untuk mereka lontarkan celaan kepada baginda Rasulullah SAW. Para penyerang yang beragama Nasrani, mengatakan bahawa Rasulullah SAW sendiri dengan perkahwinannya yang banyak itu mengambil hak keistimewaan yang tidak diberikan oleh hukum dan bahawa dengan cara ini dia memperlihatkan satu kelemahan watak yang tidak sesuai dengan kedudukannya sebagai seorang rasul. Jika orang mengetahui sejarah lebih baik dan lebih tepat menilai kenyataan-kenyataan, maka orang akan melihat bahawa Rasulullah SAW itu bukanlah seorang yang mengikut hawa nafsu semata-mata.

Selama perkahwinan baginda dengan Saidatina Khadijah selama 28 tahun, Khadijah merupakan satu-satunya isteri Rasulullah SAW yang tidak pernah dimadukan walaupun ketika itu poligami adalah sesuatu yang biasa di dalam masyarakat Arab. Ini bermakna sebenarnya Rasulullah SAW menganjurkan kehidupan beristeri satu dalam kehidupan yang biasa. Baginda juga menganjurkan cara sedemikian seperti contoh yang diberikannya selama bersama Khadijah RA.

---

<sup>28</sup> Shamsuddīn Muhammad bin Muhammad al-Khātib al-Sharbāni, *Al-Iqna "Fi Hal Alfaz Abī Shuja"* (Beirut: Darul Ilmiah. 1994), 2:275-276.

Terdapat beberapa pandangan negatif khususnya dari musuh-musuh Islam terhadap perkahwinan Rasulullah SAW yang akhirnya menjadi batu penghalang bagi mereka untuk memahami personaliti Rasulullah SAW dan juga menyebabkan mereka memberi tanggapan yang buruk terhadap Rasulullah SAW dan agama Islam.

Perlu diketahui bahawa pembatasan poligami diumumkan di Madinah beberapa tahun sesudah Hijrah. Peraturan itu juga dihubungkan dengan diri baginda sendiri, bukannya suatu hak keistimewaan yang diberikan kepada seorang yang kaki perempuan, tetapi adalah beban yang dengan sedar dipikul oleh seorang yang mempunyai kesedaran diri. Tambahan pula semua perkahwinan baginda dilakukan sebelum turun ayat yang membatasi poligami. Kebanyakan isteri-isteri Rasulullah SAW kecuali „Āishah merupakan janda yang kematian suami atau diceraikan. Tidak seorang pun dari janda-janda tersebut mempunyai kecantikan yang menjadi faktor penarik dan memikat hati. Sesetengah mereka pula lebih tua daripada Rasulullah SAW, manakala kesemuanya meminta perlindungan darinya.

Jika dihayati, poligami Rasulullah SAW sebenarnya mengandungi matlamat dan tujuan tertentu sebagaimana berikut:

- i. Membantu menjelaskan kandungan syariat Islam<sup>29</sup>

Tugas menjelaskan syariat Islam ini dilakukan sama ada melalui lisan atau perbuatan baginda Rasulullah SAW. Dalam hal-hal tertentu Rasulullah SAW menjelaskan melalui isteri-isteri baginda khususnya perkara berkaitan permasalahan perempuan. Firman Allah Ta‘ala:

يَنِسَاءَ الْنَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِّنَ النِّسَاءِ إِنْ أَتَقْيَتِنَ فَلَا تَخْضُعْ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعُ  
الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرْضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا

<sup>29</sup> Zaini Nasohah, *Poligami: Hak keistimewaan menurut Syariat Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd. 2000), 29.

Terjemahan: Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain kalau kamu tetap bertaqwā. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu), dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan).

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa isteri-isteri Rasulullah SAW mempunyai peranan yang besar dalam usaha menyampaikan dakwah dan menjelaskan kandungan syariat Islam kepada umat manusia seluruhnya.<sup>30</sup>

## ii. Penyempurnaan syariat Islam<sup>31</sup>

Perkahwinan Rasulullah SAW dengan Saidatina Zainab, iaitu janda kepada Zaid bin Harithah, anak angkat Rasulullah SAW pada tahun kelima hijrah. Perkahwinan ini untuk menjelaskan kedudukan sebenar hukum anak angkat berbanding anak kandung. Perkara ini dijelaskan oleh Allah dalam firmanNya:

وَإِذْ تُقُولُ لِلَّذِي أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَأَنْعَمْتَ عَلَيْهِ أَمْسِكَ رَوْجَكَ وَأَتَقِ اللَّهَ وَتَخِفِّي فِي نَفْسِكَ مَا أَلَّهُ مُبْدِيهِ وَتَخْشِي النَّاسَ وَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ تَخْشَى هُنَّ فَلَمَّا قَضَى زَيْدٌ مِّنْهَا وَطَرَأَ زَوْجَنَكَهَا لِكَيْ لَا يَكُونَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ حَرجٌ فِي أَزْوَاجٍ أَذْعِيَّا بِهِمْ إِذَا قَضَوْا مِنْهُنَّ وَطَرَأَ وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ مَفْعُولاً

Surah al-Ahzab 33: 37

Terjemahan: Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika engkau berkata kepada orang yang telah dikurniakan oleh Allah (dengan nikmat Islam) dan engkau juga telah berbuat baik kepadanya: “Jangan ceraikan isterimu itu dan bertaqwalah kepada Allah”, sambil engkau menyembunyikan dalam hatimu perkara yang Allah akan menyatakannya; dan engkau pula takut kepada (cacian manusia padahal Allah jualah yang berhak engkau takuti (melanggar perintahNya). Kemudian setelah Zaid selesai kemahuannya terhadap isterinya (dengan menceraikannya), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan atas orang-orang yang beriman untuk berkahwin dengan isteri-isteri anak-anak mereka, apabila

<sup>30</sup> Muhammad bin Ali bin Muhammad al-Shaukāni, *Fathu al-Qadir: Al-Jāmi' Baina Riwayat Wa Dirāyah Min ,Ilm al-Tafsīr*, (Beirut, Luban: Dārul Ihya' al-Turāth al-,Arabi, 1998), 4: 298

<sup>31</sup> Zaini Nasohah, *Poligami: Hak keistimewaan menurut Syariat Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd. 2000), 32.

anak-anak angkat itu telah selesai kemahuannya terhadap isterinya (lalu menceraikannya) dan sememangnya perkara yang dikehendaki Allah itu tetap berlaku.

### iii. Penjagaan Allah SWT terhadap Islam

Perkahwinan Rasulullah SAW sebenarnya merupakan salah satu cara penjagaan Allah terhadap kemurniaan Islam. Kita boleh lihat hakikat ini melalui perkahwinan baginda dengan Saidatina „Aishah dan Saidatina Hafṣah.

Sepuluh tahun hidup bersama Rasulullah SAW mewajarkan „Aishah menjadi sumber hadith yang dipercayai. Sebagaimana yang diketahui bahawa hadith pada zaman Rasulullah SAW tidak dibukukan bagi mengelak ianya bercampur dengan al-Quran. Oleh kerana itu hadith-hadith disimpan melalui ingatan sahaja. Dalam hal sebegini „Aishah memainkan peranan dengan mengingati hadith-hadith Rasulullah SAW. Tambahan pula baginda lebih dekat dengan Rasulullah SAW. Selepas kewafatan baginda, bagindalah yang menjadi sumber rujukan hadis di kalangan para sahabat.

Bagi Saidatina Hafṣah, baginda pula memainkan peranan dalam penyimpanan dan pengumpulan teks tulisan al-Quran para sahabat dari zaman Abū Bakar, „Umar dan „Uthmān RA. Teks al-Quran ini telah diserahkan untuk disalin semula pada zaman Khalifah „Umar al-Khaṭṭāb. Selain itu baginda juga antara pembaca al-Quran yang fasih seperti bacaan baginda Rasulullah SAW.

### iv. Membela Janda dan anak-anak yatim serta membangunkan kekuatan umat.

Dalam usaha membangunkan sebuah Negara Islam yang berjaya, umat Islam telah melalui beberapa siri peperangan. Melalui peperangan ini ramai para sahabat yang terkorban meninggalkan isteri dan anak-anak. Demi kelangsungan kehidupan janda-janda ini maka poligami disyariatkan. Rasulullah SAW sendiri telah mengambil beberapa janda untuk dijadikan isteri baginda. Sebagai contoh Saidatina Saudah ra telah

kematian suaminya dalam perjalanan pulang ke Habsyah. Saidatina Zainab RA adalah janda kepada „Abdullah bin Jahsy yang gugur dalam peperangan Uhud. Ummu Salamah juga janda kepada Abū Salamah yang syahid dalam peperangan. Manakala Ummu Ḥabībah pula adalah janda „Ubaid Allah yang meninggal di Habsyah.

Contoh-contoh ini telah diikuti oleh para sahabat dan tabi'īn. Maka hasilnya ramailah janda yang terbela termasuk anak-anak yatim untuk meneruskan membentuk sebuah negara Islam yang kuat.

#### v. Motif politik dan dakwah Islam

Melalui perkahwinan, Rasulullah SAW dapat menyatukan kabilah-kabilah Arab yang saling bermusuhan. Contohnya perkahwinan baginda dengan Siti Juwairiyah iaitu anak pemimpin Bani Muṣṭaliq. Hasilnya seluruh tawanan Bani Muṣṭaliq dibebaskan dan akhirnya memeluk Islam.

Sementara itu perkahwinan baginda Rasulullah SAW dengan Siti Maimunah yang merupakan adik kepada isteri „Abbās bin „Abd al-Muṭālib. Hasil daripada perkahwinan ini dapat menarik Ibn „Abbās dan Khalid al-Walid memeluk Islam yang akhirnya dilantik menjadi panglima perang Islam yang terbilang.

Melalui perbincangan ini dapatlah dirumuskan bahawa poligami Rasulullah SAW berfungsi sebagai penterjemah serta penghurai dengan lebih jelas dalam bentuk amalan terhadap konsep poligami yang telah dinyatakan dalam firman-fitman Allah sebelum ini. Sekaligus membuktikan bahawa sunnah Rasulullah ini berfungsi sebagai penghuraikan terhadap nas-nas al-Quran yang *mujmal*. Dengan itu dapatlah dinyatakan juga bahawa kesemua perkahwinan atau amalan poligami Rasulullah SAW itu adalah mempunyai tujuan yang jauh dari kepentingan hawa nafsu dan keduniaan.

#### **1.4 POLIGAMI DARI PERSPEKTIF BARAT**

Kebanyakan ahli sejarah Eropah yang memusuhi Islam menulis bahawa poligami itu adalah sebagai punca mundurnya umat Islam dan orang-orang Timur umumnya. Sebenarnya anggapan ini bertentangan dengan kenyataan, kerana poligami yang terdapat di daerah-daerah Timur adalah peraturan yang baik dan mengangkat persamaan akhlak umat manusia dan menambah ikatan kekeluargaan serta memberikan harapan dan kebahagiaan.<sup>32</sup> Tambahan pula prinsip poligami ini bukan khusus terdapat di dalam Islam sahaja. Ia sebenarnya telah dikenal dan diamalkan oleh orang-orang Yahudi, Parsi, Arab dan bangsa-bangsa Timur sebelum kelahiran baginda Rasulullah SAW.

Setelah poligami ini diamalkan oleh baginda Rasulullah SAW maka terbuktilah bahawa poligami dalam Islam mempunyai pelbagai hikmah dan kebaikan samada untuk pembelaan kaum wanita, maslahat kekeluargaan dan kebaikan untuk manusia seluruhnya.

Ramai orang Barat yang menyangka bahawa lelaki Muslim adalah lelaki yang dipengaruhi oleh hawa nafsunya kerana mempunyai sejumlah isteri dan gundik, sama ada terbatas atau tidak terbatas jumlahnya. Sikap seperti ini adalah akibat daripada tulisan-tulisan murahan yang cuba memburuk-burukan Islam serta ditambah pula oleh tingkah laku yang tidak bertanggungjawab dari sesetengah individu muslim sendiri. Akibatnya pandangan-pandangan tersebut telah menyekat berjuta-juta manusia dari melihat keindahan Islam dan falsafah sosialnya. Oleh itu orang Islam seharusnya menunjukkan satu model yang terbaik khususnya dalam amalan berpoligami ini supaya hikmah poligami yang sebenarnya dapat difahami sepenuhnya.

Bagaimanapun di samping cercaan-cercaan oleh musuh Islam tersebut terdapat pula beberapa ahli fikir barat yang beraliran liberal yang cenderung ke arah poligami,

---

<sup>32</sup> Mustafa Al-Sibā'ī, *Wanita Menurut Syariat Islam dan Peradaban Moden*, terj. Halimaton, ed. pertama, (Kuala Lumpur: Pustaka Antara), 63.

terutamanya yang beragama Islam. Gustave Le Bonn pernah menulis di dalam bukunya „Hadharil Arab“ berkaitan poligami dalam kalangan Muslim. Baginda sendiri pernah tinggal di Negara-negara Islam di Timur. Katanya: “*Kita tidak akan membicarakan sosialgi Eropah kerana cara berfikir Eropah yang salah terhadap poligami*”.<sup>33</sup>

Sementara itu Westermark menulis bahawa masalah poligami ini setelah dilarang oleh undang-undang Barat ianya belum pernah selesai dibicarakan orang sehingga sekarang. Kenyataan ini dikuatkan oleh Le Bonn melalui tulisannya yang dibentangkan oleh Herbert Spencer bahawa undang-undang Eropah akhirnya akan mengalami perubahan membolehkan poligami.<sup>34</sup>

Sementara itu posisi agama Kristian dalam masalah poligami ini adalah sesuatu yang menarik untuk dibicarakan. Di dalam Bible terdapat tiga kenyataan yang menyentuh mengenai saranan untuk berkahwin satu (monogami) iaitu pertama dalam Perjanjian Lama (Genesis: 24) dan kedua dalam Perjanjian Baru (Timothy: 12 dan Mathew: 5).<sup>35</sup> Ayat-ayat yang tercatat dalam Bible tersebut pada hakikatnya secara harfiah tidak menyebut mengenai larangan terhadap poligami.

Sebenarnya agama Kristian tidaklah melarang poligami kerana di dalam Injil tidak ada satu ayat pun dengan tegas melarang hal ini. Jika penganut Kristian bangsa Eropah pertama dulu telah beradat istiadat dengan mengahwini seorang perempuan sahaja, ini adalah disebabkan oleh sebahagian besar bangsa Eropah penyembah berhala yang didatangi agama Kristian pertama kalinya adalah terdiri dari orang Yunani dan Romawi yang lebih dahulu mempunyai kebiasaan melarang poligami.

Setelah mereka memeluk agama Kristian, kebiasaan dan adat nenek moyang mereka, tetap mereka pertahankan di dalam agama baru ini. Sistem monogami yang

---

<sup>33</sup> *Ibid.*, 62.

<sup>34</sup> *Ibid.*, 62-65.

<sup>35</sup> C.I Scofield D.D *HOLY BIBLE – The New Scofield Reference Bible*, (New York: Oxford University Press, 1967), 6:1299 & 1024.

mereka pertahankan ini bukanlah berasal dari agama Kristian yang mereka anuti, tetapi merupakan warisan paganisme (agama berhala) dahulu kala. Dari sinilah kemudian gereja mengadakan bid'ah dengan menetapkan larangan poligami lalu digolongkan larangan tersebut sebagai aturan agama.<sup>36</sup>

Di samping itu tidak ada gereja manapun pada abad awal memusuhi praktik poligami tersebut. Pada sekitar tahun 1960an, beberapa pemimpin agama Kristian menetapkan bahawa setiap umatnya boleh berkahwin dengan dua wanita. Bahkan dalam kalangan pembaharu Kristian dari Jerman amalan seperti itu masih tetap dibenarkan hingga abad ke enam belas. Malah hingga sekarang beberapa ketua gereja di Afrika masih mendukung amalan itu berdasarkan alasan moral dan kepentingan lainnya.

Secara umumnya para penganut agama Kristian memang lebih sedikit yang melakukan amalan poligami dibandingkan dengan penganut agama Yahudi dan Muslim. Beberapa pemimpin Kristian yakin bahawa setiap penganut agama memegang asas monogami sebagai asas yang universal. Walau begitu mereka tidak mengutuk amalan poligami.

Tetapi konsep tersebut dibantah pula oleh Westermark yang menyatakan bahawa asas monogami dari Kristian mungkin merupakan produk dan falsafah agama yang memandangkan setiap kepuasan seksual dengan penuh kecurigaan dan orang yang tidak mampu menahan nafsu seksualnya itu adalah berdosa. Ajaran gereja itu kelihatannya memang sedikit menghormati kaum wanita tetapi merasa amat jijik terhadap masalah dorongan seksual. Kerana itu untuk membersihkan jiwa seseorang dari kemungkinan dosa akibat pelacuran, bentuk perkahwinan dipersempitkan sesederhana mungkin.<sup>37</sup>

Bagi masyarakat Barat yang majoriti menganut agama Kristian, hanya asas monogami sahajalah yang mereka terima sebagai satu-satunya bentuk perkahwinan

---

<sup>36</sup> Sabiq, Al-Sayyid, *Fiqh Sunnah*, (Beirut: Darul al-Kitāb al-,Arabī, 1973), 2:109-110.

<sup>37</sup> *Ibid.*, 158

yang sah. Barangkali inilah yang menjadi asas kepada cercaan terhadap Islam dalam masalah poligami oleh masyarakat Barat khususnya yang bencikan Islam.<sup>38</sup>

Perlu ditekankan bahawa poligami yang diaturkan oleh Islam sudah menjadi adat kebiasaan di luar dunia Eropah. Sehingga sekarang belum ada tanda-tanda bahawa nilainya itu lebih rendah dari gundik, perempuan simpanan atau hamba yang diperlihara di kalangan masyarakat Barat. Malah salah satu hikmah dari amalan poligami itu ialah memelihara darjat kaum wanita itu sendiri.

Sebenarnya poligami yang diamalkan oleh baginda Rasulullah SAW telah banyak membuktikan bahawa amalan ini dapat menyelamatkan maruah kaum wanita, membela janda dan anak-anak yatim. Di Eropah wanitanya bermati-matian memperjuangkan hak (emansipasi) itu. Sebenarnya mereka yang membenamkan maruah wanita ke tahap yang paling rendah. Silapnya pejuang hak wanita di Eropah tersebut menganggap bahawa institusi poligami inilah salah satunya yang meragut hak-hak mereka, yang kononnya telah direndah tarafkan daripada kaum lelaki.

## **1.5 POLIGAMI DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM SELANGOR**

Negeri-negeri di Malaysia mempunyai peruntukan khusus tentang amalan poligami dalam Akta mahupun Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam masing-masing. Sebelum penyeragaman Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri dilaksanakan, prosedur permohonan poligami di beberapa buah negeri didapati tidak seragam.

Seksyen 23(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 memperuntukkan:

---

<sup>38</sup> Sa'diah Binti Abdul Samad, *Kesan poligami terhadap keluarga Islam: Suatu kajian di Langkawi Kedah*. (Disertasi untuk Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002.), 42

*“Tiada seorang pun lelaki semasa wujudnya sesuatu perkahwinan boleh, kecuali dengan mendapat kebenaran terlebih dahulu secara bertulis daripada Mahkamah, membuat akad nikah perkahwinan yang lain dengan perempuan lain.”*

Seksyen 23 (4) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 pula memberikan panduan kepada Mahkamah berkaitan alasan-alasan yang diberikan oleh pemohon dalam menilai sama ada perkahwinan tersebut perlu atau tidak dengan cara:

- i. *Menyatakan alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu dikatakan patut dan perlu*
- ii. *Pendapatan pemohon pada masa itu*
- iii. *Butir-butir komitmennya dan kewajipan serta tanggungan kewangannya yang patut ditentukan*
- iv. *Bilangan orang tanggungannya termasuk orang yang akan menjadi tanggungannya berikutan dengan perkahwinan yang dicadangkan*
- v. *Sama ada izin atau pandangan isteri atau isteri-isterinya sedia ada terhadap perkahwinan yang dicadangkan itu telah diperolehi atau tidak*

Apabila menerima permohonan kebenaran berpoligami, mahkamah akan memanggil pemohon, isteri atau isteri-isteri yang sedia ada, wali kepada bakal isteri dan mana-mana orang lain yang difikirkan oleh mahkamah boleh memberi keterangan mengenai perkahwinan yang dicadangkan itu supaya hadir semasa permohonan itu didengar. Pendengaran permohonan diadakan secara tertutup. Mahkamah perlu berpuas hati terhadap empat perkara sebelum memberi kebenaran berpoligami iaitu<sup>39</sup>:

- i. *Perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut dan perlu*

---

<sup>39</sup> Mohd Naim Bin Haji Mokhtar (Ketua Hakim Syarie Selangor, Mahkamah Syariah Negeri Selangor) dalam Seminar Fiqh Poligami yang dianjurkan oleh K-Fiqh Sdn. Bhd. pada 19 Disember 2015 bertempat di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur.

- ii. Pemohon mempunyai kemampuan yang membolehkan dia menanggung, sebagaimana dikehendaki hukum syarak*
    - iii. Pemohon akan berupaya memberi layanan yang adil kepada semua isterinya mengikut hukum syarak*
  - iv. Perkahwinan yang dicadangkan tidak akan menyebabkan darar syari" e kepada isteri atau isteri-isteri sedia ada.*

Dalam memenuhi perkara pertama dan kedua, pihak suami perlu mengemukakan bukti bertulis seperti laporan perubatan tentang ketidakupayaan isteri serta penyata gaji yang menunjukkan baginda layak dari segi kewangan untuk menanggung kesemua isteri dan anak-anak. Perkara ketiga dan keempat memerlukan keterangan pihak suami sendiri atau dikemukakan dua saksi lelaki untuk mengesahkan keupayaan pihak suami untuk memberikan layanan yang adil dan saksama kepada semua isteri.

Beban pembuktian syarat-syarat permohonan poligami ini adalah terletak pada suami dan dia perlu membuktikannya bukan sekadar secara lisan di hadapan Hakim tetapi disokong dengan dokumen bertulis dan saksi-saksi yang dapat mengesahkan kedudukan dan keterangannya.

Enakmen yang gubal ini adalah bertujuan memastikan bahawa pelaksanaan poligami adalah menepati pengamalan poligami Rasulullah SAW yang mempunyai tujuan dan matlamat yang tidak melanggar hukum keharusan poligami dalam Islam. Pelaksanaan poligami tanpa menitik beratkan soal tujuan dan kemampuan untuk melakukan keadilan sudah pasti ianya jauh menyimpang dari konsep poligami Rasulullah SAW.

Seksyen 124 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 pula memperuntukan bahawa:

*“Jika seseorang lelaki berkahwin lagi di mana-mana jua pun dalam masa perkahwinannya yang sedia ada masih berterusan tanpa kebenaran sera bertulis terlebih dahulu daripad Mahkamah maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihuku denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu.”*

Manakala Seksyen 129 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 pula memperuntukan bahawa seorang suami yang tidak memberi keadilan yang sewajarnya kepada isteri telah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi daripada satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Sesksyen ini pula berbentuk amaran atau suatu peringatan bahawa pentingnya suami yang mengamalkan poligami agar melaksanakan tanggungjawab terhadap isteri-isterinya. Penekanan merupakan peringatan yang perlu dibuat supaya suami memberikan keadilan yang secukupnya kepada isteri. Matlamat yang telah ditetapkan oleh syarak adalah untuk menghasilkan kebaikan dan menolak keburukan di dunia dan di akhirat dan bukannya untuk kepentingan duniawi semata-mata.<sup>40</sup>

Apa yang dapat dirumuskan bahawa enakmen-enakmen yang digubal ini adalah merupakan satu garis panduan ke arah melahirkan pengamal poligami yang mengikut syariat sebagaimana pelaksanaan poligami Rasulullah SAW supaya para pengamalnya tidak membawa kepada sebarang kezaliman, ketidakadilan dan sekaligus memelihara kesucian agama Islam itu sendiri yang bersandar al-Quran dan al-Sunnah.

## 1.6 KESIMPULAN

Melalui bab ini telah dibincangkan poligami melalui al-Quran. Walaupun tidak banyak ayat yang membincangkan poligami secara khusus namun ianya telah diterjemahkan oleh Rasulullah SAW dalam pengamalannya. Poligami Rasulullah SAW

<sup>40</sup> Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, *Pengantar Pengajian Syariah*, (Kuala Lumpur: al-Baian Corporaton Sdn. Bhd, 2004), 39-40.

secara umum juga telah dibentangkan dan akan disambung perbincangan secara lanjut dalam bab yang akan datang. Di samping itu beberapa pandangan barat, samada menyokong atau menolak konsep poligami Islam secara umum atau poligami Rasulullah SAW secara khususnya. Pandangan-pandangan ini boleh dijadikan perbandingan dari sudut kesempurnaan poligami Rasulullah SAW. Akhirnya di kemukakan beberapa Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor yang berkaitan untuk dijadikan panduan pelaksanaan poligami yang sempurna.

Sebagai rumusan bab ini adalah konsep poligami yang dinyatakan dalam al-Quran telah diterjemahkan pelaksanaanya oleh baginda Rasulullah SAW dan berdasarkan sunnah itulah telah digariskan satu panduan undang-undang supaya pelaksanaan poligami ini menepati syariat Islam dan sekaligus menyatakan bukti, hikmah, rahsia dan keistimewaan poligami dari kacamata Islam.

## **BAB 2 : ANALISIS TEKS-TEKS HADITH BERKAITAN POLIGAMI DALAM PERSPEKTIF *RIWĀYAH* DAN *DIRĀYAH***

### **2.1. PENGENALAN**

Bab ini pengkaji akan mengenalpasti dan menganalisis teks-teks hadith yang berkaitan poligami Rasulullah SAW dalam perspektif *Riwāyah* dan *Dirāyah*. Teks-teks yang dikenalpasti adalah merujuk kepada *al-Kutūb al-Sittah*. Oleh kerana itu, mana-mana hadith yang tidak disenaraikan dalam *al-Kutub al-Sittah* maka pengkaji tidak memasukkanya ke dalam kajian. Hal ini supaya kajian yang dilakukan tidak tersasar daripada objektif kajian yang telah ditetapkan sebelum ini.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat sebanyak 71 hadith berkaitan poligami yang telah dikenalpasti dalam *al-Kutub al-Sittah*. Namun setelah dikumpul, pengkaji mendapati bahawa daripada teks-teks tersebut terdapat beberapa teks hadith yang sama dan berulang. Maka pengkaji hanya akan menumpukan kepada hadith-hadith yang berbeza sahaja, iaitu sebanyak 42 hadith. Daripada jumlah tersebut, hadith telah dibahagikan mengikut sumber, iaitu sebanyak 15 hadith daripada *Şahih al-Bukhārī*, *Şahih Muslim* pula sebanyak tiga hadith, *Sunan Abū Dāwūd* sebanyak enam hadith, *Jāmi' al-Tirmidhī* satu hadith, manakala *Sunan al-Nasā'ī* pula sebanyak sepuluh hadith dan yang terakhir ialah *Sunan Ibn Mājah* iaitu sebanyak tujuh hadith.

### **2.2. METODE PENGUMPULAN HADITH BERKAITAN POLIGAMI**

Manakala metode pengumpulan hadith-hadith ini adalah ditentukan berdasarkan tematik. Tema ini disusun adalah berdasarkan hasil kajian dan penelitian serta pemahaman pengkaji sendiri terhadap hadith-hadith tersebut. Selain itu pengkaji juga merujuk kepada metodologi *al-Tarājim al-Abwāb* dalam *Şahih al-Bukhārī*. Metode *al-Tarājim al-Abwāb* dalam *Şahih al-Bukhārī* ini sebagaimana yang telah dinyatakan

melalui Fiqh dan Ijtihad Imam al-Bukhārī oleh Prof. Madya Dr Ishak Suliaman dan Mohd Murshidi Mohd Noor bahawa ianya mempunyai keistimewaan tersendiri.<sup>41</sup>

Daripada 42 hadith yang dikenalpasti dapatlah dibahagikan kepada 16 tema. Setiap hadith yang disenaraikan akan dilakukan penelitian dari segi sumber dan kedudukannya. Pengkaji akan mengutamakan kitab sumber yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim dalam kitab *sahīh* mereka berbanding daripada riwayat baki yang empat iaitu Abū Dāwūd, al-Tirmidhī, al-Nasā'ī dan Ibn Mājah. Namun begitu, jika terdapat teks-teks hadith yang bukan diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim, maka teks-teks tersebut akan dilakukan penelitian taraf agar kenyataan dan hujah yang akan dikemukakan nanti dapat diketahui kesahihannya.

### **2.3. TEKS-TEKS HADITH BERKAITAN POLIGAMI DALAM AL-KUTUB AL-SITTAH**

Secara keseluruhannya teks-teks hadith poligami ini dapat dibahagikan kepada enam belas tema sebagaimana berikut:

#### **2.3.1 Galakan berpoligami**

عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ قَالَ، قَالَ لِي أَبْنُ عَبَّاسٍ هَلْ تَرَوْجَتْ قُلْتُ لَا قَالَ فَتَرَوْجَ فَإِنَّ حَيْرَهُ الْأَمْمَةِ أَكْثُرُهُمَا نِسَاءٌ

Terjemahan: Daripada Sa'īd bin Jubair ia berkata; Ibn 'Abbās pernah bertanya kepadaku, "Apakah kamu sudah berkahwin?" aku menjawab, "Tidak." Ia kemudian berkata, "Berkahwinlah, kerana orang yang terbaik dari umat ini adalah seorang yang paling ramai wanitanya."<sup>42</sup>

<sup>41</sup> Ishak bin Haji Suliaman dan Mohd Murshidi Mohd Noor, *Fiqh dan Ijtihad Imam al-Bukhārī*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 19.

<sup>42</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bab Kathratul al-Nisā', no Hadith 5069. Lihat *Sahīh al-Bukhārī* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin 'Abd al-'Azīz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 439.

## **Ulasan hadith:**

Sengaja dibatasi dengan umat ini yang bermaksud umat Nabi Muhammad SAW. Ini bermaksud tidak termasuk umat nabi lain seperti Nabi Sulaiman AS sendiri yang merupakan orang yang paling banyak isteri. Bangsa Arab merasa terpuji dengan ramainya isteri kerana ia menunjukkan kehebatan seorang lelaki. Namun ramai itu tidak sampai menghalangnya daripada melakukan ibadat kepada Allah.<sup>43</sup>

Hadith ini merupakan galakan kepada kaum lelaki yang belum berkahwin dan juga kepada yang telah berkahwin serta mempunyai kemampuan serta berkelayakan untuk berpoligami. Bagaimana cara untuk meramaikan isteri jika hanya berkahwin seorang sahaja. Sepakat ahli hadith mengatakan bahawa ketika baginda wafat baginda SAW memiliki sembilan orang isteri.

### **2.3.2 Nabi memiliki isteri yang ramai**

عَنْ عَطَاءٍ قَالَ حَضَرَنَا مَعَ ابْنِ عَبَّاسٍ جَنَازَةً مَيْمُونَةَ بِسَرِيفَ فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ هَذِهِ رُوْجَةُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِذَا رَفَعْتُمْ تَعْشَهَا فَلَا تُرْعِزُوهَا وَلَا تُزَلِّهَا وَارْفُقُوهَا فَإِنَّهُ كَانَ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تِسْعَ كَانَ يَقْسِمُ لِشَمَانٍ وَلَا يَقْسِمُ لِوَاحِدَةٍ .

Terjemahan: Daripada „Atā“ telah berkata; Kami pernah menghadiri jenazah Maīmūnah bersama Ibn „Abbās di Sarif, lalu Ibn „Abbās telah berkata, "Ini adalah salah seorang isteri Nabi SAW. Jika kalian mengangkat usungannya, maka janganlah kalian menggoncangkannya dengan keras, kukuhkanlah dengan sempurna. Sesungguhnya di sisi Nabi SAW ada sembilan orang isteri, baginda membahagikan hari-hari kepada lapan orang, sementara tidak kepada seorang."<sup>44</sup>

عَنْ قَتَادَةَ عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَطُوفُ عَلَى نِسَائِهِ فِي لَيْلَةٍ وَاحِدَةٍ وَلَهُ تِسْعَ نِسْوَةٍ

<sup>43</sup> Ibn Hājar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharah al-Bukhārī*, ter. Amiruddin (Jakarta: Pustaka Azam , 2008), 25:41-43

<sup>44</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bab Kathratul al-Nisā“, no Hadith 5067. Lihat *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin „Abd al-,Azīz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000), 439.

Terjemahan: Dari Qatadah dari Anas RA, bahwasanya Nabi SAW pernah menggilir para isterinya dalam satu malam, sementara saat itu baginda memiliki sembilan orang isteri.<sup>45</sup>

عَنْ هِشَامٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا انْصَرَفَ مِنْ الْعَصْرِ دَخَلَ عَلَى نِسَائِهِ فَيَدْنُو مِنْ إِحْدَاهُنَّ فَدَخَلَ عَلَى حَفْصَةَ فَاحْتَبَسَ أَكْثَرَ مِمَّا كَانَ يَحْتَبِسُ

Terjemahan: Daripada Hisyām daripada bapanya daripada „Āishah RA; "Sesungguhnya Rasulullah SAW jika berganjak dari solat „Aṣr, maka baginda menemui isteri-isterinya. Lalu baginda mendekati salah seorang dari mereka. Baginda masuk ke rumah Hafṣah lalu baginda berdiam di situ lebih lama."<sup>46</sup>

عَنْ عَطَاءٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ تُؤْفَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعِنْهُ تُسْنَعُ نِسَوَةٌ يُصِيبُهُنَّ إِلَّا سَوْدَةَ فَإِنَّهَا وَهَبَتْ يَوْمَهَا وَلَيْلَتَهَا لِعَائِشَةَ

Terjemahan: Daripada „Atā“ daripada Ibn „Abbās telah berkata; Rasulullah SAW wafat dan baginda memiliki sembilan isteri yang semua telah baginda gauli kecuali Saudah kerana ia memberikan hari-hari dan malamnya kepada „Ā’isyah.<sup>47</sup>

### **Ulasan hadith:**

Keempat-empat hadith yang telah dikumpul jelas membuktikan bahawa baginda Rasulullah SAW mengamalkan poligami, iaitu mengahwini melebihi seorang isteri. Hal ini berlaku selepas kewafatan Saidatina Khādijah. Secara tidak langsung bahawa Saidatina Khādijah tidak pernah dimadukan sehingga ke akhir hayat baginda.

Para ulamak sepakat mengatakan bahawa memilki isteri lebih dari empat adalah pengkhususan kepada baginda Rasulullah SAW sahaja.<sup>48</sup> Isteri-isteri baginda ketika

<sup>45</sup> Ibid., no Hadith 5068. Diriwayatkan juga oleh Sunan al-Nasā'ī, Kitāb al-Nikāh, Bab Amara Rasulullah SAW Fī al-Nikāh, no Hadith 3200. Lihat *Sunan al-Nasā'ī* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2294.

<sup>46</sup> Ibid., Bab Dukhūlu al-Rajulu ,Alā Nisāhi Fī al-Yaum, no Hadith 5216, 451

<sup>47</sup> Hadith riwayat Sunan al-Nasā'ī, Kitāb al-Nikāh, Bab Amara Rasulullah SAW fī al-Nikāh, no Hadith 3199, Lihat *Sunan al-Nasā'ī* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2294

<sup>48</sup> Ibn Hājar al-Asqalāni, *Fath al-Bāri Sharah al-Bukhārī*, ter. Amiruddin (Jakarta: Pustaka Azam , 2008), 25:38-41

wafat : Saudah, Ā'isyah, Hafshah, Ummu Salamah, Zainab binti Jahsy, Ummu Habībah, Juwairiyah, Ṣafiyyah dan Maimūnah.

Hadith pertama menjelaskan bahawa Rasulullah membahagikan gilirannya kepada lapan orang dan tidak dibahagikan kepada seorang lagi. Imam Muslim menambahkan dalam riwayatnya :

قال عطاء التي لا يقسم لها صفيه بنت حبي بن أخطب

Terjemahan : „Atā“ berkata : “isteri yang tidak mendapat giliran itu Ṣafiyah binti Ḥuyay bin Akhṭab.

Namun pandangan ini ditolak oleh Al-Ṭahawi. Seorang yang tidak mendapat giliran itu ialah Saudah seperti yang dijelaskan hadith bahawa Saudah menghibahkan giliranya kepada ,Āisyah<sup>49</sup>

### 2.3.3 Keharusan hibahkan giliran kepada madu

عَنْ هِشَامٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ سَوْدَةَ بْنَتَ رَمْعَةَ وَهَبَتْ يَوْمَهَا لِعَائِشَةَ وَكَانَ النَّيْمُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْسِمُ لِعَائِشَةَ يَوْمَهَا وَيَوْمَ سَوْدَةَ

Terjemahan: Daripada Hisyām daripada bapanya dari Ā'isyah sesungguhnya; "Sawdah binti Zam'ah, menghibahkan giliran harinya kepada Ā'isyah. Kerana itu, Nabi SAW membagi harinya untuk Ā'isyah dan giliran Sawdah juga untuknya."<sup>50</sup>

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَسْأَلُ فِي مَرْضِهِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ أَيْنَ أَنَا عَدَا أَيْنَ أَنَا عَدَا يُؤْيدُ يَوْمَ عَائِشَةَ فَأَذِنْ لَهُ أَزْوَاجُهُ يَكُونُ حَيْثُ شَاءَ فَكَانَ فِي بَيْتِ عَائِشَةَ حَتَّى مَاتَ عِنْدَهَا قَالَتْ عَائِشَةُ فَمَاتَ فِي الْيَوْمِ الَّذِي كَانَ يَدْوِرُ عَلَيْ فِيهِ فِي بَيْتِي فَقَبَضَهُ اللَّهُ وَإِنَّ رَأْسَهُ لَبَيْنَ نَحْرِي وَسَخْرِي وَحَلَطَ رِيقَهُ رِيقَي

<sup>49</sup> *Ibid.*, 25:38

<sup>50</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bab al-Maratu Tahabu Yaumahā Min Zaujhā Li Dhorratihā, Wa Kaifa Yaqsimu Zhālīka, no Hadith 5212 Lihat Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf-al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalīḥ bin ,Abd al-,Azīz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 451.

Terjemahan: Daripada „Āishah RA, bahawa Rasulullah SAW bertanya ketika baginda sakit yang menyebabkan kematiannya, "Di mana aku esok hari, dimana aku esok hari?" Rupanya baginda menginginkan hari esoknya adalah untuk „Āishah , maka isteri-isterinya pun mengizinkan untuk memilih siapa saja yang dikehendakinya, maka ia memilih di rumah „Āishah hingga meninggal ditempat di sisinya. „Āishah berkata, "Baginda meninggal tepat di hari yang baginda inginkan untuk berada di rumahku. Allah mewafatkannya sementara kepala baginda berada antara dada dan paru-paruku dan air liurnya bercampur dengan air liurku."<sup>51</sup>

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ إِلَى النِّسَاءِ تَعْنِي فِي مَرَضِهِ  
فَاجْتَمَعْنَ فَقَالَ إِنِّي لَا أَسْتَطِيعُ أَنْ أَدْوِرَ يَنْكُنْ فَإِنْ رَأَيْتَ أَنْ تَأْذَنَ لِي فَأَكُونَ عِنْدَ  
عَائِشَةَ فَعَلَيْنَ فَأَذِنْ لَهُ

Terjemahan: Daripada „Āishah bahawa Rasulullah SAW mengirimkan utusan kepada isteri-isterinya ketika baginda sedang sakit, kemudian mereka berkumpul, lalu baginda berkata: "Sesungguhnya aku tidak mampu untuk berkeliling di antara kalian, maka apabila kalian mengizinkan aku untuk berada di sisi „Āishah , maka lakukanlah." Kemudian mereka mengizinkan baginda.<sup>52</sup>

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَجَدَ عَلَى صَفِيَّةَ بِنْتِ حُبَيْبٍ فِي شَيْءٍ  
فَقَالَتْ صَفِيَّةُ يَا عَائِشَةُ هَلْ لَكِ أَنْ تُرْضِي رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَيْنِي وَلَكِ  
يَوْمِي قَالَتْ نَعَمْ فَأَخَذَتْ خَمَارًا لَهَا مَصْبُوْغًا بِزَعْفَرَانٍ فَرَشَّتْهُ بِالْمَاءِ لِيُفُوحَ رِيحُهُ ثُمَّ  
قَعَدَتْ إِلَى جَنْبِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا  
عَائِشَةً إِلَيْكِ عَيْنِي إِنَّهُ لَيْسَ يَوْمَكِ فَقَالَتْ ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ فَأَخْبَرَتْهُ  
بِالْأَمْرِ فَرَضَيَ عَنْهَا

Terjemahan: Daripada „Āishah berkata, "Rasulullah SAW marah pada Šafiyyah binti Huyay pada suatu masalah, Šafiyyah telah berkata, "Wahai „Āishah , apakah kamu mempunyai cara agar Rasulullah SAW meredhaiku, maka hari giliranku akan menjadi milikmu?" „Āishah menjawab: "Ya," Maka „Āishah mengambil tudungnya yang telah dicelup dengan za'farān, dan memecikkannya dengan air agar baunya tercium, kemudian dia duduk di samping Rasulullah SAW. Nabi SAW bersabda: "Wahai „Āishah , jauhlah

<sup>51</sup> Ibid., no Hadith 5217.

<sup>52</sup> Hadith riwayat Sunan Abū Dawūd, Kitāb al-Nikāh, Bab Fī al-Qismi Bainā al-Nisā", no Hadith 2137, Lihat dalam Sunan Abū Dāwūd dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī", 2000), 1380. Syeikh al-Albānī mengatakan Hadith ini Ṣahīh.

dariku, kerana sekarang bukan giliran harimu." „Āishah lalu berkata, "Itu adalah keutamaan Allah yang diberikan kepada siapa saja yang dikehendaki-Nya." „Āishah kemudian memberitahukan perkara yang sebenarnya, sehingga baginda redha kepadanya.”<sup>53</sup>

### **Ulasan hadith:**

Keharusan menghibahkan hak giliran kepada madu yang diamalkan oleh isteri-isteri Rasulullah SAW ini adalah semata-mata atas dasar pengorbanan dan kasih sayang kepada baginda Rasulullah SAW. Ianya juga dilakukan bertujuan untuk mengembirakan hati Rasulullah SAW, terutama disaat-saat baginda sakit yang amat memerlukan rehat daripada memenuhi giliran para isteri baginda.

Menghadiahkan giliran yang dilakukan oleh Ummul al-Mukmināt, Saidatina Sawdah sebagaimana yang dinyatakan dalam hadith juga satu pengorbanan yang besar kepada Rasulullah SAW bahkan ianya dapat menyelamatkan status baginda sebagai isteri kepada seorang yang sangat mulia di sisi Allah.

Hukum harusnya menghibahkan giliran ini kepada madu ini telah disepakati oleh para ulama”.<sup>54</sup> Namun keredhaan suami menjadi syarat kepada keharusan. Jika tidak mendapat keredhaan daripada suami maka gugurlah hukum harus tersebut. Penghibahan ini tidak perlu diganti dengan hari-hari yang lain. Begitu juga hukumnya apabila dihibahkan kepada madu maka hak itu tidak boleh dituntut semula.<sup>55</sup>

Apabila seorang isteri menghibahkan untuk madunya dan suaminya menerimaanya maka isteri yang diberi tidak boleh menolak. Jika suami tidak

<sup>53</sup> Hadith riwayat Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Nikāh, Bab al-Mar u Tahābu Yaumihā Liṣohābatīha”, no Hadith 1973, Lihat *Sunan al-Nasāt* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī”, 2000), 2595. Syeīkh al-Albānī mengatakan Hadith ini adalah lemah (*Da,īj*).

<sup>54</sup> Wahbah al-Zuhailī, *Al-Fiqh al-Islāmi Wa Adillatuh: Ahwālu al-Syakhsiyah al-Ahkām al-Usrah* (Kaherah: Dar al-Fikr al-,,Arabī, 1997), 9:6595.

<sup>55</sup> *Ibid.*, 9:6596.

menerimannya, maka ia tidak boleh dipaksa. Isteri berhak menarik balik atau membatalkan pemberian giliran tersebut melainkan giliran itu telah pun berlalu.<sup>56</sup>

### 2.3.4 Mencabut undi jika bermusafir

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا خَرَجَ أَفْرَغَ بَيْنِ نِسَائِهِ فَطَارَتْ الْقُرْعَةُ لِعَائِشَةَ وَحْفَصَةَ وَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا كَانَ بِاللَّيْلِ سَارَ مَعَ عَائِشَةَ يَتَحَدَّثُ فَقَالَتْ حَفْصَةُ أَلَا تَرْكِينَ اللَّيْلَةَ بَعِيرِي وَأَرْكُبَ بَعِيرِكَ تَنْظِرِينَ وَأَنْظُرْ فَقَالَتْ بَلِي فَرِكِبْتُ فَجَاءَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى جَمِيلِ عَائِشَةَ وَعَلَيْهِ حَفْصَةُ فَسَلَّمَ عَلَيْهَا ثُمَّ سَارَ حَتَّى نَزَلُوا وَافْتَقَدَهُ عَائِشَةُ فَلَمَّا نَزَلُوا جَعَلَتْ رِجْلِيهَا بَيْنَ الْإِذْخِرِ وَتَقَوْلُ يَا رَبِّ سَلْطُ عَلَيَّ عَفْرَنَا أَوْ حَيَّةً تَلْدَعْنِي وَلَا أَسْتَطِيعُ أَنْ أَهُولَ لَهُ شَيْئًا

Terjemahan: Daripada „Āishah bahawasanya; Apabila Nabi SAW hendak keluar mengadakan perjalanan, baginda mengadakan undian antara isteri-isterinya, lalu undian itu pun jatuh pada „Āishah dan Hafṣah. Dan pada malam hari, biasanya Nabi SAW berjalan bersama „Āishah dan berbincang-bincang dengannya. Maka Hafṣah berkata, "Maukah malam kamu menaiki kenderaanku dan aku menaiki kenderaanmu kemudian kamu melihat dan pun juga dapat melihat?" „Āishah menjawab, "Ya." Akhirnya ia pun menaikinya. Kemudian datanglah Nabi SAW pada kenderaan „Āishah , sementara yang berada di atasnya adalah Hafṣah. Baginda pun mengucapkan salam kepadanya, lalu baginda berjalan hingga mereka singgah di suatu tempat, dan ternyata ia kehilangan „Āishah . Saat singgah, „Āishah meletakkan kedua kakinya di antara semak-semak tumbuhan, lalu ia pun berkata, "Wahai Rabbi, binasakanlah kala jengking dan ular yang menyengatku." Maka aku tidak bisa berkata apa-apa pada baginda.<sup>57</sup>

عَنْ ابْنِ شِهَابٍ أَنَّ عُرْوَةَ بْنَ الرُّبَيْبِ حَدَّثَهُ أَنَّ عَائِشَةَ رَوَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَ قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَرَادَ سَفَرًا أَفْرَغَ بَيْنِ نِسَائِهِ فَأَيْتَهُنَّ خَرَجَ سَهْمُهَا خَرَجَ بِهَا مَعَهُ وَكَانَ يَقْسِمُ لِكُلِّ امْرَأَةٍ مِنْهُنَّ يَوْمَهَا وَلَيْلَتَهَا عَيْرَ أَنَّ سَوْدَةَ بْنُ تَ زَمْعَةَ وَهَبَتْ يَوْمَهَا لِعَائِشَةَ

<sup>56</sup> Ibn Hājar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharah al-Bukhārī*, ter. Amiruddin (Jakarta: Pustaka Azam , 2008), 25 720

<sup>57</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bab Qar'ah Bainā al-Nisā“ Idha Arāda Safara, no Hadith 5211 Lihat *Šaḥīḥ al-Bukhārī* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī“, 2000), 450. Diriwayatkan juga oleh Muslim, Kitāb al-Faḍailu al-Šahābat. Bab Fī Faḍlī ,Āisyah RA. No Hadith 6298. Lihat *Šaḥīḥ Muslim* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī“, 2000), 1105.

Terjemahan: Daripada Ibn Syihāb bahawa „Urwah bin al-Zubair telah menceritakan kepadanya bahawa ,Āishah isteri Nabi SAW telah berkata; Rasulullah SAW apabila hendak bermusafir baginda mengundi di antara para isterinya, siapa di antara mereka yang keluar undiannya maka baginda keluar bersamanya. Dan baginda membahagikan bahagian untuk setiap isteri satu hari satu malam, hanya saja Sawdah binti Zamārah telah memberikan harinya untuk ,Āishah .<sup>58</sup>

عَنْ عَائِشَةَ، «أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، كَانَ إِذَا سَافَرَ أَقْرَعَ بَيْنَ نِسَائِهِ»

Terjemahan: Daripada ,Āishah berkata, "Rasulullah SAW jika ingin pergi bermusafir, baginda mengundi antara isteri-isterinya."<sup>59</sup>

### **Ulasan hadith:**

Mengundi ini bukan sekadar untuk musafir tetapi turut dilakukan juga dalam membahagikan giliran. Baginda tidak melakukan sesuatu pilihan melainkan dibuat undian di kalangan isteri-isteri baginda.<sup>60</sup>

Manakala Imam Hanafi dan Imam Malik berpendapat bahawa tidak berpedoman kepada mengundian kerana ianya termasuk dalam spekulasi dan judi.<sup>61</sup> Namun begitu, sebahagian pandangan mazhab Hanafi menerima pengundian ini. Begitu juga pandangan sebahagian mazhab Maliki dengan alasan bahawa sesetengah isteri terkadang lebih bermanfaat dalam perjalanan dibanding yang lain.

Maka berdasarkan hadith yang dikumpul bahawa Rasulullah SAW mencabut undi apabila ingin bermusafir. Kalimah *sāfir* (سافر) dalam hadith adalah umum. Ini

<sup>58</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitāb al-Nikāh, Bab Qismi Bainā al-Nisā‘, no Hadith 2138. Lihat Sunan Abū Dāwūd dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalīḥ bin ,Abd al-,Azīz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000), 1380. Syeīkh al-Albānī mengatakan hadith ini Ṣāḥīḥ.

<sup>59</sup> Hadith riwayat Ibn Majah, Kitāb al-Nikāh, Bab Qismatu Bainā al-Nisā‘, no Hadith 1960. Lihat *Sunan al-Nasā‘ī* dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalīḥ bin ,Abd al-,Azīz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000), 2594. Syeīkh al-Albānī mengatakan hadith ini Ṣāḥīḥ. Diriwayatkan juga oleh al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bab al-Qar‘ah Bainā al-Nisā‘ Idhā Arāda Safara, no Hadith 5211. Lihat *Ṣāḥīḥ al-Bukhārī* dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalīḥ bin ,Abd al-,Azīz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000), 450.

<sup>60</sup> Ibn Hājār al-Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharah al-Bukhārī*, ter. Amiruddin (Jakarta: Pustaka Azam , 2008), 25:714

<sup>61</sup> *Ibid.*, 715

bermakna setiap kali keluar musafir sama ada dekat atau jauh, sebentar atau lama maka perlu dibuat pengundian ke atas para isteri. Namun ianya berbeza pandangan dalam kalangan imam mazhab.

### 2.3.5 Ancaman kepada suami yang tidak berlaku adil

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ كَانَتْ لَهُ امْرَأَتَانِ فَمَا لَمْ يَكُنْ  
إِحْدَاهُمَا جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَشِفْعَةُ مَائِلٍ

Terjemahan: Daripada Abī Hurairah, daripada Nabi SAW telah bersabda: "Barangsiapa yang memiliki dua orang isteri kemudian ia cenderung kepada salah seorang di antara keduanya, maka ia akan datang pada hari kiamat dalam keadaan sebelah badannya miring."<sup>62</sup>

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ: إِذَا كَانَتْ عِنْدَ الرَّجُلِ امْرَأَتَانِ  
فَلَمْ يَعْدِلْ بَيْنَهُمَا جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَشِفْعَةُ سَاقِطٍ

Terjemahan: Daripada Abī Hurairah, daripada Nabi SAW telah bersabda: "Jika seorang laki-laki memiliki dua isteri, namun dia tidak berbuat adil, nescaya akan datang pada hari kiamat dengan keadaan miring (tubuhnya)."<sup>63</sup>

#### Ulasan hadith:

Kesemua hadith ini memberi ancaman kepada suami yang tidak berlaku adil. Jika dilihat daripada sudut ilmu tauhid bahawa mana-mana dosa yang diberi ancaman azab atau kesengsaraan di akhirat oleh Allah atau rasul dikategorikan kesalahan tersebut

<sup>62</sup> Hadith riwayat Abī Dāwūd, Kitāb al-Nikāh, Bab Qismi Bainā al-Nisā'', no Hadith 2133. Lihat Sunan Abū Dāwūd dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1380. Syeikh al-Albānī mengatakan hadith ini Ṣaḥīḥ. Diriwayatkan juga oleh Sunan al-Nasā'ī, Kitāb „Asyratu al-Nisā'', Bab Mailu al-Rajulu Illa Ba''di Nisāhi Dūna Ba''du, no Hadith 3394, Lihat *Sunan al-Nasā'ī* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2307.

<sup>63</sup> Hadith riwayat Jāmi' Tirmidhī, Kitāb al-Nikāh, Bab Mā Jāa Fī Taswiyyati Bainā al-Darāir, no Hadith 1141. Lihat *Jāmi' al-Tirmidhī* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1763. Syeikh al-Albānī mengatakan hadith ini Ṣaḥīḥ.

sebagai dosa besar. Ini jelas menunjukkan bahawa tidak berlaku adil kepada para isteri dengan sengaja atau tanpa sebab-sebab syarak adalah haram dan berdosa besar.

Orang yang melakukan dosa besar pula tergolong dalam golongan orang-orang yang fasiq, sekaligus hilang kelayakan untuk menjadi wali dalam urusan pernikahan dan pengurusan harta.<sup>64</sup> Andai berlakunya pernikahan berwalikan golongan yang fasiq, maka perkahwinannya tidak sah. Hukum ini bersandarkan kepada hadith yang diriwayatkan oleh „Abd al-Razzaq, daripada sabda Rasulullah SAW:

لَا نِكَاحٌ إِلَّا بِوْلَىٰ وَشَاهِدَيْ عَدْلٍ

Terjemahan: “Tidak sah nikah kecuali dengan adanya wali dan dua saksi yang adil.”<sup>65</sup>

Ibn Ḥajar pula menjelaskan hadith ini bahawa Imam al-Bukhārī menyebutkan bahawa keadilan di sini ialah persamaan dari perkara-perkara yang sesuai untuk keperluan masing-masing seperti nafkah, pakaian dan tempat tinggal. Pandangan ini dipersetujui oleh Ibn Hibban dan al-Hākim dari Hammad bin Salamah, dari Ayyub, dari Abū Qilābah, dari Abd Allah bin Zaid dari „Āishah RA.<sup>66</sup>

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْسِمُ فَيَعْدِلُ، وَيَقُولُ : «اللَّهُمَّ هَذَا قَسْمِي، فِيمَا أَمْلَأْتُ فَلَا تَلْمِنِي، فِيمَا تَلْمِيْتُ، وَلَا أَمْلِكُ»

Terjemahan: Daripada „Āishah telah berkata; Rasulullah SAW memberikan pembahagian dan berlaku adil dalam membahagi, dan baginda berkata: "Ya Allah, inilah pembahagianku yang aku mampu, maka janganlah engkau cela aku pada sesuatu yang engkau mampu dan tidak aku mampu."<sup>67</sup>

<sup>64</sup> Wahbah Al-Zuhailī, *Al-Fīqh Al-Islāmi Wa Adilatuh - ahwalul syahsiah- ahkām al-Usrah*, (Beirut, Dar al-Fikr, 1997), 9:6701.

<sup>65</sup> Hadith ini diishiarkan oleh Syeikh al-Albānī dalam *Šahīḥ al-Jāmi' al-Saghīr*, no. 7557.

<sup>66</sup> Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharah al-Bukhārī*, ter. Amiruddin (Jakarta: Pustaka Azam , 2008), 25:720

<sup>67</sup> Hadith riwayat Abī Dāwūd, Kitāb al-Nikāh, Bab Fī al-Qismu Bainā an-Nisā'', no Hadith 2134 Lihat Sunan Abū Dāwūd dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1380. Syeikh al-Albānī menyatakan hadith ini ḏa,jf. Diriwayatkan juga oleh Sunan al-Tirmidhī, Kitāb al-Nikāh, Bab Maa Ja a Fī al-Taswiyyatū Bainā al-Ḍarāir, no Hadith 1140. Lihat *Jāmi' al-Tirmidhī* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000),1763. Diriwayatkan juga oleh Sunan al-Nasā'ī, Kitāb al-Nikāh, Bab „Asyrat al-Nisā'', no Hadith 3395, Lihat *Sunan al-Nasā'ī* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2307. Diriwayatkan juga oleh

Imam al-Tirmidzī pula berkata : “*Maksudnya adalah kecintaan dan kasih sayang*”.

Demikian juga daripada al-Baihaqī meriwayatkan dari jalur „Ali Thalħah dari Ibn „Abbas berkaitan firman Allah : “...sekalipun tidak kamu tidak akan mampu...” iaitu berkaitan cinta dan hubungan persetubuhan. Penyataan ini dinukilkhan juga dari Ubaid bin Amr al-Salmani.<sup>68</sup>

### 2.3.6 Bilangan bermalam jika menikahi gadis atau janda

عَنْ أَبِي قِلَابَةَ عَنْ أَنَسٍ قَالَ مِنْ السُّنَّةِ إِذَا تَرَوْجَ الرَّجُلُ الْبِكْرَ عَلَى التَّشِيبِ أَقَامَ عِنْدَهَا سَبْعًا وَقَسَمَ وَإِذَا تَرَوْجَ الشَّيْبَ عَلَى الْبِكْرِ أَقَامَ عِنْدَهَا ثَلَاثًا

Terjemahan: Daripada Abī Qilābah daripada Anas telah berkata; Termasuk perbuatan sunnah apabila seseorang menikahi seorang gadis adalah bermukim ditempatnya selama tujuh hari, baru kemudian ia membahagi hari-harinya. Dan bila ia menikahi seorang janda atas gadis, maka ia boleh tinggal di tempat wanita itu selama tiga hari, baru kemudian ia membahagi-bahagi harinya.”<sup>69</sup>

#### **Ulasan hadith:**

Telah diketahui umum bahawa semua wanita yang dinikahi Rasulullah SAW adalah berstatus janda kecuali Saidatina „Āishah . Maka daripada ketiga-tiga hadith di atas ini jelas menunjukkan bahawa terdapat dua tempoh yang berbeza untuk dijadikan panduan bagi yang mengamalkan poligami. Pembahagian hak bermalam itu ialah tiga hari jika nikahi janda dan tujuh hari jika nikahi gadis.

Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Nikāh, Bab al-Qismatu Bainā al- Nisāi, no Hadith 1971. Lihat *Sunan Ibn Mājah* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2594.

<sup>68</sup> Ibn Hājar al-Asqalāni, *Fath al-Bāri Sharah al-Bukhārī*, ter. Amiruddin (Jakarta: Pustaka Azam , 2008), 25: 723-724

<sup>69</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bab al-,Adlu Bainā al-Nisā'', no Hadith 5213. Lihat *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 451. Diriwayatkan juga oleh Muslim, Kitāb al-Riḍā'ah, Bab Qadr Mā Tastahaqqahu al-Bikru Wa al-Thayibu Min Iqāmatu al-Zauj ,Indahā, no Hadith 3626, Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 924. Diriwayatkan juga oleh Sunan Abū Dāwūd dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1379. Diriwayatkan juga oleh Jāmi' al-Tirmidhī, Kitāb al-Nikāh, Bab Mā Jāa Fī al-Qismatī al-Bikru Wa al-Thayibu, no Hadith 1139. Lihat *Jāmi' al-Tirmidhī* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1763.

Imam al-Bukhārī meriwayatkan juga hadith ini dari Musaddad, dari Khalid, dari Abu Qilābah, dari Anas RA bahawa

ولو شئت أأنقول قال النبي صلى الله عليه وسلم، ولكن قال : السنة

Terjemahannya : sekiranya aku mahu nescaya aku katakan Nabi SAW bersabda, tetapi dia berkata, sunnah Nabi ialah...

Dalam riwayat Muslim dan Abū Dāwūd pula dari Ḥushaim, dari Khālid pula pada bahagian akhir hadith disebutkan :

قال خالد : لو شئت أن أقول رفعه لصدقـةـ ، ولكن السنة

Terjemahannya : Khālid berkata, sekiranya aku mahu mengatakan ia menisbahkannya kepada Nabi SAW nescaya aku akan membenarkannya, tetapi baginda berkata, sunnah Nabi adalah....

Hadith-hadith ini menjelaskan bahawa hak-hak isteri mendapat giliran bermalam dengan sebab perkahwinan. Hak ini tidak ada kaitan samada dimadukan atau tidak dimadukan. Namun tempoh giliran mereka bergantung kepada status isteri samada masih gadis atau janda.<sup>70</sup>

### 2.3.7 Nabi tidak mengauli isteri-isteri selama satu bulan

عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ : آتَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ نِسَائِهِ شَهْرًا، وَقَعَدَ فِي مَشْرُبَةٍ لَهُ، فَنَزَلَ لِتِسْعِ وَعِشْرِينَ، فَقَيْلَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّكَ آتَيْتَ عَلَى شَهْرٍ ؟ قَالَ : «إِنَّ الشَّهْرَ تِسْعَ وَعِشْرُونَ»

Terjemahan: Daripada Anas RA, ia berkata; Rasulullah SAW bersumpah untuk tidak mendekati isteri-isterinya selama satu bulan. Kemudian baginda pun duduk di tempat minum miliknya, lalu baginda mendatangi mereka -para isterinya- pada hari yang dua puluh sembilan, maka dikatakanlah pada baginda, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya anda telah bersumpah untuk sebulan." Maka baginda bersabda: "Sesungguhnya bilangan bulan itu adalah dua puluh sembilan hari."<sup>71</sup>

<sup>70</sup> Ibn Hājar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharah al-Bukhārī*, ter. Amiruddin (Jakarta: Pustaka Azam , 2008), 25:728

<sup>71</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bab Qaulullah Ta’ala al-Rijālu Qowwāmūn „Alā al-Nīsa“ Bimā Faḍḍhallah, no Hadith 5201. Lihat Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dalam *Mawsū’ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub*

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: أَصْبَحْنَا يَوْمًا وَنِسَاءُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَبْكِينَ، عِنْدَ كُلِّ اِمْرَأَةٍ مِنْهُنَّ أَهْلَهَا، فَخَرَجْتُ إِلَى الْمَسْجِدِ، فَإِذَا هُوَ مَلْأَانُ مِنَ النَّاسِ، فَجَاءَهُمْ عُمُرُ بْنُ الْخَطَّابِ، فَصَعَدَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ فِي غُرْفَةٍ لَهُ، فَسَلَّمَ فَلَمْ يُجْبِهُ أَحَدٌ، ثُمَّ سَلَّمَ فَلَمْ يُجْبِهُ أَحَدٌ، ثُمَّ سَلَّمَ فَلَمْ يُجْبِهُ أَحَدٌ، فَنَادَاهُ، فَدَخَلَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: أَطَلَقْتَ نِسَاءَكَ؟ فَقَالَ: «لَا، وَلَكِنْ آتَيْتُ مِنْهُنَّ شَهْرًا» فَمَكَثَ تِسْعًا وَعِشْرِينَ ثُمَّ دَخَلَ عَلَى نِسَائِهِ

Terjemahan: Daripada Ibn „Abbās telah berkata; Pada suatu hari saat kami memasuki waktu pagi, ternyata isteri-isteri Nabi SAW menangis, dan di samping setiap orang dari mereka terdapat keluarganya. Lalu aku pun keluar menuju masjid, ternyata masjid telah dipenuhi oleh kerumunan orang-orang. Kemudian datanglah „Umar bin al-Khaṭṭāb, dan naik hendak menemui Nabi SAW yang tengah berada di dalam kamarnya. Ia pun mengucapkan salam, namun tak seorang pun yang membalas salamnya, lalu ia mengucapkan salam kembali, namun tak juga ada yang menjawabnya. Akhirnya ia pun dipanggil dan menemui Nabi SAW seraya bertanya, "Apakah Anda telah menceraikan isteri-isteri Anda?" baginda menjawab: "Tidak, tetapi aku telah bersumpah untuk tidak menemui mereka selama satu bulan." Setelah dua puluh sembilan hari berlalu, baginda pun menemui mereka.<sup>72</sup>

### **Ulasan hadith:**

Berselisih pandangan dalam kalangan ulamak hadith pada makna meninggalkan isteri.

Muawiyyah bin Haibah mengatakan bahawa meninggalkan isteri bemaksud tidak dijauhi kecuali di dalam rumah, iaitu sekadar mengasingkan dari tempat tidur.

(). Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Nisā' ayat 34

وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ

Terjemahanya : pulaukanlah mereka di tempat tidur,

---

*al-Sittah*. ed. Ṣalīḥ bin ,Abd al-,Azīz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 451. Diriwayatkan juga oleh Sunan al-Nasā'ī, Kitāb al-Thalāq, Bab Ila'', no Hadith 3485. Lihat *Sunan al-Nasā'ī* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalīḥ bin ,Abd al-,Azīz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2314.

<sup>72</sup> *Ibid.*, no Hadith 5203, 451

Manakala dalam riwayat al-Nasāī disebut في عليه iaitu di tempat tinggi yang bermaksud bilik tingkat atas.<sup>73</sup>

Daripada ulasan hadith ini dapatlah dinyatakan bahawa harus meninggalkan isteri yang bertujuan untuk kebaikan seperti memberi pengajaran atau peringatan atas kesilapan sikap para isteri sebagaimana yang telah dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW. Tindakan baginda Rasulullah SAW ini adalah untuk menyatakan baginda tidak suka di atas sikap para isterinya yang sangat cemburu.

Meninggalkan isteri ini tidak sama dengan meninggalkan isteri kerana ilā''. Ilā'' bermaksud bersumpah meninggalkan isteri tanpa disetubuh selama empat bulan atau lebih. Hukumnya adalah haram dan diwajibkan ke atas suami *kaffārah*.

### 2.3.8 Doa nabi dalam melaksanakan kewajipan terhadap isteri-isteri

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْسِمُ فَيَعْدِلُ، وَيَقُولُ  
«اللَّهُمَّ هَذَا قَسْمِي، فِيمَا أَمْلَكَ فَلَا تَلْمِنِي، فِيمَا تَمْلِكُ، وَلَا أَمْلِكُ»

Terjemahan: Daripada „Āishah telah berkata; Rasulullah SAW memberikan pembahagian dan berlaku adil dalam membahagi, dan baginda berkata: "Ya Allah, inilah pembahagianku yang aku mampu, maka janganlah engkau cela aku pada sesuatu yang engkau mampu dan tidak aku mampu."<sup>74</sup>

<sup>73</sup> Ibn Hājar al-Asqalāni, *Fath al-Bāri Sharah al-Bukhārī*, ter. Amiruddin (Jakarta: Pustaka Azam , 2008), 25:685-686

<sup>74</sup> Hadith riwayat Abī Dāwūd, Kitāb al-Nikāh, Bab Fī al-Qismu Bainā an-Nisa'', no Hadith 2134 Lihat Sunan Abū Dāwūd dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1380. Syeīkh al-Albānī menyatakan hadith ini ḥājīf. Diriwayatkan juga oleh Sunan al-Tirmidhī, Kitāb al-Nikāh, Bab Maa Ja a Fī al-Taswiyyatu Bainā al-Darāir, no Hadith 1140. Lihat *Jāmi' al-Tirmidhī* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1763. Diriwayatkan juga oleh Sunan al-Nasā'ī, Kitāb al-Nikāh, Bab „Asyrat al-Nisā'', no Hadith 3395, Lihat *Sunan al-Nasā'ī* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2307. Diriwayatkan juga oleh Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Nikāh, Bab al-Qismatu Bainā al- Nisā'ī, no Hadith 1971. Lihat *Sunan Ibn Mājah* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2594.

### **Ulasan hadith:**

Al-,,Allāmah Abī al-Ṭayyib Muḥammad Shamsuddin melalui kitab Sharah Sunan Abī Dāwūd kalimah يَقُسِّمُ فَيُعَدُّ dalam hadith menunjukkan hukumnya adalah wajib iaitu wajib berlaku adil. Manakala pandangan lain menyatakan tidak wajib ke atas suami berlaku adil bersandarkan firman Allah ( ترحب من تشاء منه ) Ini kerana kasih sayang dan kecintaan tidak mampu diadili oleh hamba kecuali Allah.<sup>75</sup>

Rasulullah SAW merupakan *Qudwah Hasanah* kepada umat manusia iaitu contoh ikutan yang terbaik dalam semua aspek kehidupan. Segala tingkah laku perbuatan Rasulullah SAW pula adalah merupakan wahyu daripada Allah jauh sekali mengikut hawa nafsu yang boleh mencacatkan atau menafikan kerasulan baginda. Sebagaimana Firman Allah:

وَمَا يَنْطِقُ عَنْ أَلْهَوَىٰ ﴿٣﴾ إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْدَهُ يُوحِيٌ ﴿٤﴾

Al-Najm 53: 3 & 4

Terjemahan: Dan tidaklah diucapkannya itu (yang berkaitan dengan agama Islam) mengikut kemahuannya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (Quran atau Hadith) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

Namun baginda tetap menunjukkan kebergantungannya kepada Allah dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang suami. Maka sudah menjadi kewajipan bagi para suami yang lain bergantung harap kepada Allah dengan berdoa dalam menyempurnakan amanah ke atas isteri, lebih-lebih lagi yang mengamalkan poligami, kerana mereka memikul bebanan amanah yang lebih besar dan berat.

---

<sup>75</sup> Al-,,Allāmah Abī al-Ṭayyib Muḥammad Shamsuddin, „Awn al-Ma’būd: Sharh Sunan Abī Dāwūd, (Beirut: Dār al-Kitāb al-,Alamiyyah, 1990), 6:121

### 2.3.9 Perasaan cemburu para isteri

عَنْ أَنَسٍ، قَالَ : كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ بَعْضِ نِسَائِهِ، فَأَرْسَلَتْ إِحْدَى أُمَّهَاتِ الْمُؤْمِنِينَ بِصَحْفَةٍ فِيهَا طَعَامٌ، فَضَرَبَتِ الْتِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي بَيْتِهِ ا يَدَ الْخَادِمِ، فَسَقَطَتِ الصَّحْفَةُ فَانْقَلَقَتْ، فَجَمَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِلَقَ الصَّحْفَةِ، ثُمَّ جَعَلَ يَجْمَعُ فِيهَا الطَّعَامَ الَّذِي كَانَ فِي الصَّحْفَةِ، وَيَقُولُ : «عَارِثُ أُمِّكُمْ» ثُمَّ حَبَسَ الْخَادِمَ حَتَّى أُتِيَ بِصَحْفَةٍ مِنْ عِنْدِ الَّتِي هُوَ فِي بَيْتِهَا، فَدَفَعَ الصَّحْفَةَ الصَّحِيحَةَ إِلَى الَّتِي كُسِّرَتْ صَحْفُهَا، وَأَمْسَكَ الْمُكْسُوَرَةَ فِي بَيْتِ الَّتِي كَسَرَتْ .

Terjemahan: Daripada Anas telah berkata; Suatu ketika Nabi SAW berada ditempat isterinya. Lalu salah seorang Ummahat al-Mu'minin mengirimkan hidangan berisi makanan. Maka isteri Nabi yang berada di sisinya ketika itu sedang berada di rumahnya memukul piring yang berisi makanan, maka baginda pun segera mengumpulkan makanan yang tercincir ke dalam piring, lalu baginda bersabda: "Ibu kalian rupanya sedang cemburu." Kemudian baginda menahan pembantu itu hingga didatangkan piring yang berasal dari rumah isteri yang baginda pergunakan untuk bermukim. Lalu baginda menyerahkan piring yang elok kepada isteri yang piringnya pecah, dan membiarkan piring yang pecah di rumah isteri yang telah memecahkannya.<sup>76</sup>

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ، أَنَّهَا يَعْنِي أَنَّهَا يَطْعَامُ فِي صَحْفَةٍ لَهَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَصْحَابِهِ، فَجَاءَتْ عَائِشَةُ مُتَنَزِّهَةً بِكِسَاءٍ، وَمَعَهَا فِهْرٌ، فَقَلَقَتْ بِهِ الصَّحْفَةُ، فَجَمَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ فُلَقَيِ الصَّحْفَةِ، وَيَقُولُ : «كُلُوا عَارِثَ أُمِّكُمْ» مَرَّتِينَ، ثُمَّ أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَحْفَةَ عَائِشَةَ، فَبَعَثَ إِلَيْهَا إِلَى أُمِّ سَلَمَةَ، وَأَعْطَى صَحْفَةَ أُمِّ سَلَمَةَ عَائِشَةَ.

Terjemahan: Daripada "Ummu Salamah bahawa dia datang dengan membawa makanan di atas piringnya kepada Rasulullah SAW dan para sahabat baginda, lalu datanglah ,Āishah dengan bersarungkan pakaian, dia datang membawa batu, lalu memecahkan piring itu dengannya, kemudian Nabi SAW mengumpulkan pecahan piring dan bersabda: "Makanlah, ibu kalian telah cemburu," dua kali, lalu Rasulullah SAW mengambil piring ,Āishah dan mengirimnya kepada "Ummu Salamah dan memberikan piring "Ummu Salamah kepada ,Āishah .<sup>77</sup>

<sup>76</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bab al-Ghairah, no Hadith 5225 Lihat *Sahih al-Bukhārī* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 451. Diriwayatkan juga oleh Sunan al-Nasā'i, Kitāb „Asyratū al-Nisā‘, Bab al-Ghaīrah, no Hadith 3407, 2308. Syeikh al-Albānī mengatakan hadith ini Ṣaḥīḥ.

<sup>77</sup> Hadith riwayat Sunan al-Nasā'i, Kitāb „Asyratū al-Nisā‘, Bab al-Ghaīrah, no Hadith 3408, Lihat *Sunan al-Nasā'i* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh.

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : مَا رَأَيْتُ صَانِعَةً طَعَامٍ مِثْلَ صَنِيَّةَ، أَهْدَتْ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَاءً فِيهِ طَعَامٌ، فَمَا مَلَكْتُ نَفْسِي أَنْ كَسَرْتُهُ، فَسَأَلَتِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كَفَارَتِهِ فَقَالَ : «إِنَاءٌ كِلَانِيٌّ، وَطَعَامٌ كَطَعَامٍ»

Terjemahan: Daripada ,Āishah , dia berkata; "Saya tidak melihat seorang wanita pembuat makanan seperti Šafiyyah, dia memberikan hadiah kepada Nabi SAW bekas yang berisi makanan, kemudian saya tidak dapat menahan diriku untuk memecahkannya. Lalu saya bertanya kepada Nabi SAW mengenai kaffārah hal tersebut maka baginda bersabda: "Bekas seperti bekas dan makanan seperti makanan."<sup>78</sup>

### **Ulasan hadith:**

Hadith yang mengisahkan kecemburuan para isteri baginda SAW telah menjelaskan bahawa sifat ini adalah sifat kemanusiaan yang biasa. Namun apa yang ingin diketengahkan ialah bagaimana cara Rasulullah SAW menguruskan rumah tangga dalam menangani kecemburuan para isterinya. Melalui hadith-hadith inilah ianya menjadi panduan untuk umat seluruhnya dalam melayari kehidupan berpoligami.

Ibnu Ḥajar al-Asqalānī berpendapat bahawa cemburu merupakan naluri kewanitaan. Namun jika berlebihan maka boleh mengakibatkan kerosakan. Manakala perempuan apabila cemburu terhadap suaminya kerana melakukan perbuatan yang haram seperti zina atau mengurangkan haknya dan tidak berlaku adil antara isteri-isterinya adalah cemburu yang disyariatkan. Apabila kecemburuan hanya atas dasar curiga tanpa bukti nyata. Maka inilah yang dinamakan cemburu keraguan.<sup>79</sup>

#### **2.3.10 Mengasihi salah seorang isteri melebihi isteri-isteri yang lain**

عَنْ عُبَيْدِ بْنِ حُنَيْنٍ، سَمِعَ ابْنَ عَبَّاسٍ، عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ : دَخَلَ عَلَى حَفْصَةَ قَوْلَ : يَا مُنَيَّةَ، لَا يَغْرِيَنَّكِ هَذِهِ الَّتِي أَعْجَبَهَا حُسْنُهَا حُبُّ رَسُولِ اللَّهِ

Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī, 2000), 2308. Syeīkh al-Albānī mengatakan hadith ini Ṣaḥīḥ.

<sup>78</sup> Ibid., no Hadith 3409

<sup>79</sup> Ibn Hājar al-Asqalānī, *Fath al-Bāri Sharah al-Bukhārī*, ter. Amiruddin (Jakarta: Pustaka Azam , 2008), 25: 764

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِيَّاهَا - يُرِيدُ عَائِشَةَ - فَقَصَصْتُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «فَتَبَسَّمَ».

Terjemahan: Daripada „Ubaíd bin Hunain, Ibn „Abbās mendengar daripada „Umar RA, bahawa ia menemui Ḥafṣah dan berkata, "Wahai anakku, janganlah kamu sampai terperdaya. Wanita inilah yang memang membuatnya cinta Rasulullah SAW ta'ajub lantaran kecantikan wajahnya." Maksudnya adalah ,Āishah . Lalu aku pun menceritakannya pada Rasulullah SAW dan baginda pun tersenyum.<sup>80</sup>

عَنْ ابْنِ شَهَابٍ قَالَ : أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنُ الْحَارِثِ بْنِ هِشَامٍ ، أَنَّ عَائِشَةَ قَالَتْ : أَرْسَلَ أَزْوَاجَ النِّسَاءِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاطِمَةَ بِنْتَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَاسْتَأْذَنَتْ عَلَيْهِ وَهُوَ مُضطَطِحٌ مَعِي فِي مِرْطِبِي ، فَأَذِنَ لَهَا ، فَقَالَتْ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنَّ أَزْوَاجَكَ أَرْسَلْنَا إِلَيْكَ يَسْأَلُوكَ الْعَدْلَ فِي ابْنَةِ أُبُّي قُحَافَةَ ، وَأَنَا سَاقِتَةُ ، فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : «أَيُّ بُنْيَةُ ، أَلَسْتِ تُحِبِّينَ مَنْ أَحِبُّ ؟ » قَالَتْ : بَلَى ، قَالَ : «فَأَحِبِّي هَذِهِ» . فَقَامَتْ فَاطِمَةُ حِينَ سَعَتْ دَلِيلَكَ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَرَجَعَتْ إِلَى أَزْوَاجِ النِّسَاءِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَأَخْبَرَتُهُنَّ بِالَّذِي قَالَتْ ، وَالَّذِي قَالَ لَهَا ، فَقُلْنَاهَا : مَا نَرَاكِ أَعْنَيْتِ عَنَّا مِنْ شَيْءٍ ، فَأَرْجَعَي إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُولَي لَهُ : إِنَّ أَزْوَاجَكَ يَسْأَلُوكَ الْعَدْلَ فِي ابْنَةِ أُبُّي قُحَافَةَ ، قَالَتْ فَاطِمَةُ : لَا وَاللَّهِ لَا أُكَلِّمُهُ فِيهَا أَبَدًا ، قَالَتْ عَائِشَةُ : فَأَرْسَلَ أَزْوَاجَ النِّسَاءِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَيْنَ بَنْتَ جَحْشٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَهِيَ الَّتِي كَانَتْ ثُسَامِيَّةً مِنْ أَزْوَاجِ النِّسَاءِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمُنْزَلِ إِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَمَأْرُ أَرْ قَطُّ خَيْرًا فِي الدِّينِ مِنْ زَيْنَبَ ، وَأَنْقَى لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ ، وَأَصْدَقَ حَدِيثًا ، وَأَوْصَلَ لِلرَّحِيمِ ، وَأَعْظَمَ صَدَقَةً ، وَأَشَدَّ ابْتِدَالًا لِتَنْفِيْسِهَا فِي الْعَمَلِ الَّذِي تَصَدَّقُ بِهِ ، وَتَقْرَبُ بِهِ مَا عَدَّا سَوْرَةً مِنْ حِدَّةِ كَانَتْ فِيهَا ، تُسْرِعُ مِنْهَا الْفَيْغَةَ ، فَاسْتَأْذَنَتْ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَعَ عَائِشَةَ فِي مِرْطِبِهَا عَلَى الْخَالِ الَّتِي كَانَتْ دَخَلَتْ فَاطِمَةَ عَلَيْهَا ، فَأَذِنَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَتْ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنَّ أَزْوَاجَكَ أَرْسَلْنَا إِلَيْكَ الْعَدْلَ فِي ابْنَةِ أُبُّي قُحَافَةَ ، وَوَقَعَتْ بِي فَاسْتَطَالَتْ ، وَأَنَا أَرْقَبُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَأَرْقَبُ طَرْفَهُ ، هَلْ أُذِنَ لِي فِيهَا ، فَلَمْ تَبْرُحْ زَيْنَبَ حَتَّى عَرَفْتُ

<sup>80</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bab Hubbu al-Rajulu Ba”da Nisāhi Afḍal Min Ba”di, no Hadith 5218. Lihat Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dalam Mawsū’ah al-Ḥadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 451

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَكُرُّهُ أَنْ أَنْتَصِرَ، فَلَمَّا وَقَعَتْ بِهَا مَأْنَشِبَهَا  
 بِشَيْءٍ، حَتَّىٰ أَنْجَيْتُهُ عَلَيْهَا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : «إِنَّهَا ابْنَةُ أَيِّ  
 بَكْرٍ».

Terjemahan: Daripada Ibn Syihāb telah menghabarkan kepadaku Muhammad bin „Abd al-Rahman bin al-Hārith bin Hisyām bahawa „Āishah berkata; "Para isteri Nabi SAW mengirim Fātimah binti Rasulullah SAW kepada Rasulullah SAW, kemudian dia meminta izin kepada baginda sedang baginda dalam keadaan berbaring bersamaku dalam pakaian buluku. Kemudian baginda memberikan izin kepadanya, lalu Fātimah berkata; "Wahai Rasulullah, sesungguhnya para isteri Tuan mengirimku kepada Tuan, mereka meminta keadilan mengenai anak Abu Quhafah. Dan saya dalam keadaan diam, kemudian Rasulullah SAW bersabda kepadanya: "Wahai anakku, bukankah engkau mencintai orang yang saya cintai?" Dia berkata; "Ya". Baginda bersabda: "Maka cintailah orang ini." Kemudian Fātimah bangkit ketika dia mendengar hal tersebut dari Rasulullah SAW. Kemudian dia kembali kepada para isteri Nabi SAW dan menghabarkan kepada mereka apa yang telah dia katakan dan apa yang baginda sabdakan kepadanya. Kemudian mereka berkata; kami tidak melihat dirimu memuaskan kami sedikitpun, maka kembalilah kepada Rasulullah SAW dan katakan kepada baginda ; sesungguhnya isteri-isteri Tuan menuntut keadilan mengenai anak Abu Quhafah." Fātimah berkata; "Tidak. Demi Allah saya tidak akan berbicara dengan baginda mengenainya selamanya. „Āishah berkata; "Kemudian isteri-isteri Nabi SAW mengirim Zainab binti Jahsy kepada Rasulullah SAW dan dia adalah orang yang menjadi sainganku di antara isteri-isteri Nabi SAW di dalam kedudukan di sisi Rasulullah SAW, saya tidak melihat seorang wanita yang paling baik dalam agama lebih baik daripada Zainab dan lebih bertakwa kepada Allah 'azza wajalla, lebih jujur perkataannya, lebih sering menyambung ikatan kekerabatan, lebih besar sedekahnya, dan lebih rendah diri dalam hal amalan yang dia sedekahkan dan dia gunakan untuk mendekatkan diri kepada Allah selain cepat marah kerana keras budi pekertinya, namun dia cepat menarik diri dari kemarahan. Dia meminta izin kepada Rasulullah SAW, sedang Rasulullah SAW tengah bersama „Āishah dalam baju bulunya sebagaimana ketika Fātimah menemui baginda. Kemudian Rasulullah SAW memberikan izin kepadanya, kemudian dia berkata; "Wahai Rasulullah SAW, sesungguhnya isteri-isteri Tuan mengirimku, mereka meminta keadilan mengenai anak Abu Quhafah." Dan dia mencelaku, dia berbicara lama sedang saya memperhatikan Rasulullah SAW dan memperhatikan ujung matanya, apakah baginda mengizinkan saya (membalas) ucapannya. Zainab tidak kunjung pergi hingga saya mengetahui bahawa Rasulullah SAW tidak membenci saya jika saya membalaunya Kemudian tatkala saya mencelanya saya tidak diam begitu saja (mendengar celaannya) hingga (kemudian) saya

menyerangnya. Kemudian Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya dia adalah anak Abu Bakar."<sup>81</sup>

عَنْ عَمْرِو بْنِ مُرَّةَ، عَنْ مُرَّةَ الْجُهْنِيِّ، عَنْ أَبِي مُوسَىٰ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «فَضْلٌ عَائِشَةَ عَلَى النِّسَاءِ كَفَضْلٍ الشَّرِيدِ عَلَى سَائِرِ الطَّعَامِ».

Terjemahan: Daripada „Amru bin Murrah, daripada Murrah al-Juhaniy, daripada Abī Mūsa daripada Nabi SAW, baginda bersabda: "Keutamaan „Āishah atas wanita yang lain seperti keutamaan bubar atas makanan yang lain."<sup>82</sup>

عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «يَا أُمَّ سَلَمَةَ لَا تُؤْذِنِي فِي عَائِشَةَ، فَإِنَّهُ وَاللَّهُ مَا أَتَانِي الْوَحْيُ فِي لَحْافِ امْرَأَةٍ مِنْكُنَّ إِلَّا هِيَ».

Terjemahan: Daripada Hisyām bin „Urwah, daripada ayahnya, daripada „Āishah telah berkata; Rasulullah SAW bersabda: "Wahai Ummu Salamah, janganlah engkau menyakitiku mengenai diri „Āishah , kerana demi Allah, sesungguhnya tidaklah datang kepadaku wahyu dalam selimut seorang wanita di antara kalian kecuali dia."<sup>83</sup>

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: أَوْحَى اللَّهُ إِلَيَّ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا مَعَهُ، فَقُمْتُ، فَأَجْحَفْتُ الْبَابَ بَيْنِي وَبَيْنَهُ، فَلَمَّا رُفِّهَ عَنْهُ، قَالَ لِي: «يَا عَائِشَةَ إِنَّ جِبْرِيلَ يُفْرِنُكِ السَّلَامَ».

Terjemahan: Daripada „Āishah , dia berkata; "Allah mewahyukan kepada Nabi SAW ketika saya tengah bersama baginda kemudian saya berdiri dan menutup pintu antara diriku dan baginda, kemudian tatkala baginda beristirahat darinya (selesai menerima wahyu) baginda bersabda kepadaku: "Wahai „Āishah , sesungguhnya Jibril mengucapkan salam kepadamu."<sup>84</sup>

<sup>81</sup> Hadith riwayat al-Nasā'ī, Kitāb „Asyratu al-Nisā“, Bab Hubbu al-Rajulu Ba”ḍa Nisā’ihī Akthar Min Ba”ḍi, no Hadith 3396. Lihat *Sunan al-Nasā’ī* dalam *Mawsū’ah al-Ḥadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin „Abd al-,Aziz Al Shaykh. Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 2307. Syeikh al-Albānī mengatakan hadith ini Ṣahih. Diriwayatkan juga oleh Ṣahīḥ Muslim, Kitāb Faḍā'il al-Šahābah, Bab Fī Faḍli „Āisyah RA, no Hadith 6283. Lihat Ṣahīḥ Muslim dalam *Mawsū’ah al-Ḥadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin „Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1105.

<sup>82</sup> *Ibid.*, no Hadith 3399. Diriwayatkan juga oleh Ṣahīḥ Muslim, Kitāb Faḍā'il al-Šahābah, Bab Fī Faḍli „Āisyah RA. no Hadith 6284, Lihat Ṣahīḥ Muslim dalam *Mawsū’ah al-Ḥadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin „Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1105.

<sup>83</sup> *Ibid.*, no Hadith 3401, 2308.

<sup>84</sup> *Ibid.*, no Hadith 3404. 2308

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهَا : «إِنَّ جِبْرِيلَ يَقُولُ عَلَيْكِ السَّلَامَ»  
قَالَتْ : وَعَلَيْهِ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، تَرَى مَا لَا نَرَى .

Terjemahan: Daripada „Āishah bahawa Nabi SAW bersabda kepada danya: "sesungguhnya Jibril mengucapkan salam kepadamu." „Āishah berkata; wa'alaihis salām wa rahmatullahi wa barakātuh. Tuan melihat apa yang tidak kami lihat.”<sup>85</sup>

### **Ulasan hadith:**

Hadith-hadith di bawah tema ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa kasih sayang Rasulullah SAW kepada Saidatina „Āishah melebihi kasih sayang Rasulullah SAW terhadap isteri-isterinya yang lain dalam kehidupan berpoligami. Hal ini disebabkan oleh beberapa keistimewaan „Āishah , antaranya :<sup>86</sup>

1. Rasulullah SAW tidak pernah menikahi anak dara selainnya.
2. Baginda pernah mandi dalam satu bekas bersama baginda Rasulullah SAW
3. Pernah berada bersama Rasulullah SAW ketika wahyu diturunkan.
4. Allah menurunkan ayat khusus untuk membersihkan dirinya daripada fitnah.

إِنَّ الَّذِينَ جَاءُوا بِالْإِفْكِ عُصَبَةٌ مِنْكُمْ لَا تَحْسَبُوهُ شَرًّا لَكُمْ بَلْ هُوَ خَيْرٌ لَكُمْ  
لِكُلِّ أَمْرٍ يِرِي مِنْهُمْ مَا أَكْتَسَبَ مِنَ الْإِثْمِ وَالَّذِي تَوَلَّ كِبَرُهُ مِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ

عَظِيمٌ

Surah al-Nur 24: 11

Terjemahanya: Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan dari kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu. Tiap-tiap seorang di antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarkannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar.

<sup>85</sup> *Ibid.*, no Hadith 3405. 2308

<sup>86</sup> Rusydi Ramli al-Jauhari, *Biografi Agung Rasulullah SAW* (Kuala Lumpur: Mustread Sdn. Bhd., 2012), 70.

Isteri pertama baginda, Saidatina Khādijah tidak termasuk dalam pebincangan ini kerana baginda tidak pernah dimadukan oleh Rasulullah SAW. Kasih sayang ini tidak pula termasuk dalam kewajipan melakukaan keadilan di antara para isteri. Maka mengasihi salah seorang isteri melebihi isteri-isteri yang yang adalah tidak menjadi kesalahan.

### 2.3.11 Larangan beristeri melebihi empat

عَنْ قَيْسِ بْنِ الْحَارِثِ، قَالَ : أَسْلَمْتُ وَعِنْدِي ثَمَانٌ نِسْوَةٌ، فَأَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقُلْتُ ذَلِكَ لَهُ، فَقَالَ : «اخْتُرْ مِنْهُنَّ أَرْبَعًا».

Terjemahan: Daripada Qaīs bin al-Ḥārith telah berkata: "Aku masuk Islam sementara aku mempunyai lapan orang isteri. Lalu aku mendatangi Nabi SAW dan menuturkan masalah itu. Maka baginda bersabda: "Pilihlah empat di antara mereka."<sup>87</sup>

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، قَالَ : أَسْلَمْتَ عَيْلَانَ بْنَ سَلَمَةَ وَحَتَّهُ عَشْرُ نِسْوَةً، فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : «خُذْ مِنْهُنَّ أَرْبَعًا».

Terjemahan: Daripada Ibnu Umar telah berkata, "Ghaylān bin Salamah telah memeluk Islam sementara dia mempunyai sepuluh isteri. Maka Nabi SAW bersabda kepadanya: "Ambillah empat dari mereka."<sup>88</sup>

#### Ulasan hadith:

Berpandukan hadith-hadith ini ulama“ bersepakat menyatakan bahawa had berpoligami adalah empat orang sahaja dalam satu masa. Kebenaran melebihi empat orang isteri pula hanya diberikan kepada Rasulullah SAW sahaja. hadith-hadith ini dikuatkan dengan firman Allah:

<sup>87</sup> Hadith riwayat Ibn Mājah, Kitāb al-Nikāh, Bab al-Rajulu Yusallimu Wa’indahu Akthar Min Arba‘a Niswah, no Hadith 1952. Lihat Sunan Ibn Mājah dalam Mawsū’ah al-Ḥadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 2593. Syaikh al-Albāñi mengatakan hadith ini ḥasan Ṣahīh. Diriwayatkan juga oleh Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Ṭalāk, Bab Fī Man Aslama Wa’indahu Nisa‘ Aktharu Min Arba‘a Au Akhtar, no Hadith 2241. Lihat dalam Sunan Abū Dāwūd dalam Mawsū’ah al-Ḥadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1615.

<sup>88</sup> Ibid., no Hadith 1953. 2593

فَإِنِّي كُحْوًا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ مَتَّنِي وَثُلَّتَ وَرُبَّعَ فَإِنْ خَفْتُمُ أَلَا تَعْدِلُوا  
فَوَاحِدَةٌ

Surah a-Nisā“ 4: 2

Terjemahan: Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah) seorang sahaja.

Ibn Ḥajar al-Asqalānī menjelaskan bahawa jika masuk islam maka tidak diperintahkan untuk memperbaharui nikah melainkan menghadkan bilanganya tidak melebihi empat orang dengan memilih empat sahaja dalam kalangan mereka, manakala bakinya wajib diceraikan. Abu Hanifah pula berpendapat bahawa empat isteri yang terawal adalah sah manakala pernikahan kelima adalah batal. Begtu juga pandangan dari al-Tirmidzi dan Ibn Mājah berdasarkan hadith „Abdullah bin Umar bahawa Ghailān bin Salamah al-Thaqafī yang memeluk Islam bersama isterinya seramai sembilan orang maka diperintahkan oleh baginda Rasulullah SAW supaya memilih 4 sahaja daripada isteri-isterinya.<sup>89</sup>

### 2.3.12 Larangan memadukan perempuan dengan ibu saudara

عَنِ الشَّعِيرِيِّ، سَمِعَ حَاجِرًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ  
تُنْكِحَ الْمُرْأَةَ عَلَى عَمَّتِهَا أَوْ خَالَتِهَا».

Terjemahan: Daripada al-Sya'biy bahawa dia mendengar Jabir RA berkata; "Rasulullah SAW melarang bila mana perempuan dimadukan dengan ibu saudaranya sama ada sebelah ibu atau sebelah bapanya."<sup>90</sup>

<sup>89</sup> Al-,Allāmah Abī al-Ṭayyib Muḥammad Shamsuddin,, *Awn al-Ma'būd: Sharh Sunan Abī Dāwūd*, (Beirut: Dār al-Kitāb al-,Alāmiyyah, 1990), 6:235-236

<sup>90</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bab Lā Tankihu al-Maratu ,Alā „Ammātihā, no Hadith 5108, Lihat *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalīḥ bin ,Abd al-,Azīz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 442. Diriwayatkan juga oleh Sunan al-Nasā'ī, Kitāb al-Nikāh, Bab al-Jam'u Baina al-Marati wa „Ammātihā, no Hadith 3291. Lihat *Sunan al-Nasā'ī* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalīḥ bin ,Abd al-,Azīz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2301. Diriwayatkan juga oleh Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Nikāh, Bab La Tankihu al-Maratu ,Ala „Ammātihā Wa Lā ,Alā Khālātihā, no Hadith 1930. Lihat *Sunan Ibn Mājah* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalīḥ bin ,Abd al-,Azīz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2592.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، "أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَىٰ عَنْ أَرْبَعِ نِسَوَةٍ، أَنْ يُجْمَعَ بَيْنَهُنَّ: الْمَرْأَةُ وَعَمْتِهَا، وَالْمَرْأَةُ وَخَالِتِهَا"

Terjemahan: Daripada Abī Hurairah RA sesungguhnya Rasulullah SAW melarang empat perempuan untuk dipoligami, iaitu menikahi perempuan dengan ibu saudaranya (dari pihak ayah) sekaligus, dan seorang perempuan dengan ibu saudaranya (dari pihak ibu).<sup>91</sup>

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : «لَا تُنْكِحُ الْعَمَّةَ عَلَىٰ بِنْتِ الْأَخِ، وَلَا ابْنَةَ الْأُخْتِ عَلَىٰ الْحَالَةِ»

Terjemahan: Daripada Abī Hurairah RA dia telah berkata; Saya telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Janganlah ibu saudara (dari pihak ayah) dinikahi bersamaan dengan puterinya saudara laki-laki dan jangan pula puterinya saudara perempuan dinikahi dengan ibu saudaranya (dari pihak ibu) sekaligus."<sup>92</sup>

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : «لَا يَحْطُطُ الرَّجُلُ عَلَىٰ خِطْبَةِ أَخِيهِ، وَلَا يَسْوُمُ عَلَىٰ سَوْمِ أَخِيهِ، وَلَا تُنْكِحُ الْمَرْأَةَ عَلَىٰ عَمْتِهَا وَلَا عَلَىٰ خَالِتِهَا، وَلَا تَسْأَلُ الْمَرْأَةَ طَلاقَ أَخْتِهَا لِتَكْتِفِي صَحْفَتَهَا وَلَتُنْكِحْ فَإِنَّمَا لَهَا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَهَا»

Terjemahan: Daripada Abī Hurairah daripada Nabi SAW bersabda: "Janganlah meminang perempuan yang telah dipinang saudaranya, dan janganlah menawar barang yang telah ditawar saudaranya, dan janganlah perempuan dipoligami dengan ibu saudaranya (baik dari saudara ayah atau ibu), dan janganlah seorang isteri meminta suaminya supaya menceraikan madunya agar segala keperluannya dipenuhi, akan tetapi biarkanlah suami berkahwin (sesuai dengan kemampuannya), kerana Allah telah menentukan bahagiannya (isteri)."<sup>93</sup>

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : «لَا تُنْكِحُ الْمَرْأَةَ عَلَىٰ عَمْتِهَا، وَلَا الْعَمَّةَ عَلَىٰ بِنْتِ أَخِيهَا، وَلَا الْمَرْأَةَ عَلَىٰ خَالِتِهَا، وَلَا الْحَالَةُ عَلَىٰ بِنْتِ أُخْتِهَا، وَلَا تُنْكِحُ الْكُبَرَى عَلَىٰ الصُّغْرَى، وَلَا الصُّغْرَى عَلَىٰ الْكُبَرَى»

Terjemahan: Daripada Abū Hurairah RA telah berkata; Rasulullah SAW bersabda: "Tidak boleh seorang perempuan dinikahi sebagai madu ibu saudaranya (sebelah ayah), dan seorang ibu saudara dinikahi sebagai madu anak perempuan saudara laki-lakinya, dan tidak boleh seorang perempuan dinikahi sebagai madu ibu saudaranya (sebelah

<sup>91</sup> Hadith riwayat *Şahih Muslim*, Kitāb al-Nikāh, Bab Tahrīm al-Jam' u Baina al-Marati Wa ,Ammātihā Au Khālātihā Fī al-Nikāh, no Hadith 3437, Lihat *Şahih Muslim* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 912.

<sup>92</sup> *Ibid.*, no Hadith 3438.

<sup>93</sup> *Ibid.*, no Hadith 3442.

ibu) dan seorang ibu saudara sebagai madu bagi anak perempuan saudara perempuannya. Dan tidak boleh seorang kakak dinikahi sebagai madu adik perempuannya, dan adik perempuan dinikahi sebagai madu kakaknya."<sup>94</sup>

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : «لَا يُجْمِعُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَعَمَّتِهَا، وَلَا بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَخَالِتِهَا»

Terjemahan: Daripada Abī Hurairah RA telah berkata; Rasulullah SAW bersabda: "Tidak boleh dua perempuan dihimpun (diperisterikan seorang lelaki secara bersama) iaitu, antara seorang perempuan dan saudara perempuan ayahnya (ibu saudara dari sebelah ayah) dan antara seorang perempuan dan saudara ibunya (dari sebelah ibu)."<sup>95</sup>

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، «يَنْهَا عَنْ نِكَاحِهِنَّ، أَنْ يَجْمِعَ الرَّجُلُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَعَمَّتِهَا، وَبَيْنَ الْمَرْأَةِ وَخَالِتِهَا»

Terjemahan: Daripada Abī Sa'īd al-Khudrī telah berkata, "Aku mendengar Rasulullah SAW melarang dari dua bentuk pernikahan; seorang lelaki menikahi perempuan dan menikahi ibu saudara (isteri) dari sebelah ayah, dan seorang lelaki menikahi perempuan dan menikahi ibu saudaranya dari sebelah ibu."<sup>96</sup>

### **Ulasan hadith:**

Hadith-hadith yang terkumpul menjelaskan antara golongan yang haram dimadukan adalah dengan ibu saudara, sama ada ibu saudara sebelah ibu maupun sebelah bapa. Hukum haram memadukan anak perempuan dengan ibu saudara merupakan sepakat ulamak kecuali golongan Khawarij. Manakala Imam Nawawi mengatakan golongan

<sup>94</sup> Hadith riwayat Abī Dāwūd, Kitāb al-Nikāh, Bab Ma Yakrahu An Yajma'u Bainahunna Min al-Nisā'', no Hadith 2065. Lihat Sunan Abū Dāwūd dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1375. Syeikh al-Albānī mengatakan hadith ini Ṣaḥīḥ. Diriwayatkan juga oleh Sunan al-Nasā'i, Kitāb al-Nikāh, Bab al-Jam'u Baina al-Marati Wa Khālātihā, no Hadith 3297. Lihat *Sunan al-Nasā'i* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2301.

<sup>95</sup> Hadith riwayat Sunan al-Nasā'i, Kitāb al-Nikāh, Bab al-Jam'u Baina al-Marati Wa Khālātihā, no Hadith 3290. Lihat *Sunan al-Nasā'i* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2301. Syeikh al-Albānī mengatakan bahawa hadith ini Ṣaḥīḥ.

<sup>96</sup> Hadith riwayat Ibn Mājah, Kitāb al-Nikāh, Bab Lā Tankihu al-Maratu ,Ala ,Ammātihā Wa Lā ,Alā Khālātihā, no Hadith 1930. Lihat *Sunan Ibn Mājah* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2592. Syeikh al-Albānī mengatakan bahawa hadith ini Ṣaḥīḥ.

Khawarij dan Shi'ah. Namun perbezaan pandangan ini tidak perlu dibahaskan kerana mereka telah terkeluar dari agama.<sup>97</sup>

### 2.3.13 Larangan memadukan adik beradik

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : «لَا تُنْكِحُ الْمَرْأَةَ عَلَى عَمَّتِهَا، وَلَا الْعَمَّةَ عَلَى بُنْتِ أَخِيهَا، وَلَا الْمَرْأَةَ عَلَى خَالِتِهَا، وَلَا الْخَالَةَ عَلَى بُنْتِ أُخْتِهَا، وَلَا تُنْكِحُ الْكُبْرَى عَلَى الصُّغْرَى، وَلَا الصُّغْرَى عَلَى الْكُبْرَى»

Terjemahan: Daripada Abī Hurairah telah berkata; Rasulullah SAW bersabda: "Tidak boleh seorang perempuan dinikahi sebagai madu ibu saudaranya (sebelah ayah), dan seorang ibu saudara dinikahi sebagai madu anak perempuan saudara laki-lakinya, dan tidak boleh seorang perempuan dinikahi sebagai madu ibu saudaranya (sebelah ibu) dan seorang ibu saudara sebagai madu bagi anak perempuan saudara perempuannya. Dan tidak boleh seorang saudara perempuan dinikahi sebagai madu adik perempuannya, dan adik perempuan dinikahi sebagai madu saudara perempuannya (kakak)."<sup>98</sup>

عَنْ أَبِي حَرَاشِ الرُّعَيْدِيِّ، عَنِ الدَّيْلَمِيِّ، قَالَ : قَدِمْتُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَعِنِّي أُحْتَانٌ تَرَوْجُّتُهُمَا فِي الْجَاهِلِيَّةِ، فَقَالَ : «إِذَا رَجَعْتَ فَطَلِّقْ إِحْدَاهُمَا»

Terjemahan: Daripada Abī Khirāsy al-Ru'aīny daripada al-Dailamiy telah berkata, "Aku datang kepada Rasulullah SAW sementara aku mempunyai dua isteri kakak beradik, aku menikahi mereka pada masa jahiliyyah. Baginda lantas bersabda: "Jika kamu kembali, maka cerai salah satu dari keduanya."<sup>99</sup>

<sup>97</sup> Ibn Hājar al-Asqalāni, *Fath al-Bāri Sharah al-Bukhārī*, ter. Amiruddin (Jakarta: Pustaka Azam , 2008), 25:205

<sup>98</sup> Hadith riwayat Abī Dāwūd, Kitāb al-Nikāh, Bab Mā Yakrahu An Yajma'a Bainahunna Min al-Nisā'', no Hadith 2065. Lihat dalam Sunan Abū Dāwūd dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalīḥ bin ,Abd al-,Azīz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1375. Syeikh al-Albānī mengatakan hadith ini Ṣaḥīḥ. Diriwayatkan juga oleh Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Nikāh, Bab Tahrim al-Jam'u Baina al-Marati Wa ,Ammātihā Au Khālātihā Fī al-Nikāh, no Hadith 3438 & 3440. Lihat Ṣaḥīḥ Muslim dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalīḥ bin ,Abd al-,Azīz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 912. Diriwayatkan juga oleh Sunan al-Nasā'i, Kitāb al-Nikāh, Bab al-Jam'u Baina al-Marati Wa Khālātihā, no Hadith 1929 & 1931. Lihat *Sunan al-Nasā'i* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalīḥ bin ,Abd al-,Azīz Al Shaykh. Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000),2592. Diriwayatkan juga oleh Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Nikāh, Bab La Tankihu al-Maratu ,Ala ,Ammātihā Wa La ,Alā Khālātihā, no Hadith 3294 & 3296. Lihat *Sunan Ibn Mājah* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalīḥ bin ,Abd al-,Azīz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2301.

<sup>99</sup> Hadith riwayat Ibn Mājah, Kitāb al-Nikāh, Bab al-Rajulu Yaslimu Wa ,Indahu Ukhtan, no Hadith 1950. Lihat *Sunan Ibn Mājah* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalīḥ bin ,Abd al-,Azīz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2593. Syeikh al-Albānī mengatakan hadith ini hadith ḥasan Bimā Ba'ḍahu.

عَنْ أَبِي وَهْبٍ الْجُيْشَانِيِّ، حَدَّثَهُ أَنَّهُ سَمِعَ الصَّحَّاكَ بْنَ فَيْرُوزَ الدَّيْلَمِيَّ، يُحَدِّثُ عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ: أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ، فَقُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَسْلَمْتُ وَخْتَيِّ أُخْتَانِ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِي: «طَلِقْ أَتَيْتُهُمَا شِفْتَ»

Terjemahan: Daripada Abī Wahb al-Jaisyāniy telah menceritakan kepadanya, bahawa ia mendengar al-Ḍahhāk bin Fayrūz al-Daīlamiy menceritakan riwayat daripada bapanya ia berkata, "Aku mendatangi Nabi SAW dan berkata, "Ya Rasulullah, sesungguhnya aku telah masuk Islam, dan aku mempunyai dua isteri yang bersaudara. Rasulullah SAW bersabda kepadaaku: "Ceraikan salah satu dari keduanya yang kamu kehendaki."<sup>100</sup>

### **Ulasan hadith:**

Larangan memadukan adik beradik yang dinyatakan dalam hadith-hadith ini adalah satu hukum yang sangat jelas dan disepakati oleh para ulama". Arahan Rasulullah SAW supaya sahabat menceraikan salah seorang daripada dua beradik yang dimadukan menjelaskan bahawa perbuatan itu adalah dilarang dalam syariat Islam.

Ibnu Ḥajar dalam kitabnya *Fath al-Bārī* menjelaskan bahawa Imam al-Bukhārī menyebut hadith Ummu Ḥabibah, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud : "*Janganlah kamu menawarkan kepadaku anak-anak perempuanmu dan jangan pula saudari-saudarimu*". Menikahi dua perempuan bersaudara dalam satu masa ini samada keduanya saudara kandung seibu seapa, seapa atau seibu. Hukum ini termasuk juga saudara sesusuan. Namun terjadi berbezaan jika keduanya hamba sahaya. Sebahagian ulamak riwayat Imam Ahmad contohnya membolehkan menikahi keduanya sekaligus. Manakala jumhur ahli fiqh tidak membenarnya.<sup>101</sup>

### **2.3.14 Larangan memadukan Fāṭimah binti Rasulullah dengan anak Abu Jahal**

عَنْ ابْنِ أَبِي مُلِيْكَةَ، عَنْ الْمَسْوُرِ بْنِ مَخْرَمَةَ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ وَهُوَ عَلَى الْمِنْبَرِ: «إِنَّ بَنِي هِشَامَ بْنِ الْمَغْرِبَةِ اسْتَأْذَنُوا فِي أَنْ يُنْكِحُوهَا ابْنَ تَهْمَمَ عَلَيَّ

<sup>100</sup> *Ibid.*, no Hadith 1951. Syeikh al-Albānī mengatakan hadith ini ḥasan.

<sup>101</sup> Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharah al-Bukhārī*, ter. Amiruddin (Jakarta: Pustaka Azam , 2008), 25:199

بْنَ أَبِي طَالِبٍ، فَلَا آذَنُ، ثُمَّ لَا آذَنُ، إِلَّا أَنْ يُرِيدَ أَبْنُ أَبِي طَالِبٍ أَنْ يُطْلَقَ  
ابْنَتِي وَيُنْكِحَ ابْنَتَهُمْ، فَإِنَّمَا هِيَ بَضْعَةٌ مِنِّي، يُرِيبُنِي مَا أَرَبَّهَا، وَيُؤْذِنِي مَا آذَاهَا » هَكَذَا  
قَالَ

Terjemahan: Daripada Ibni Abī Mulaykah daripada al-Miswar bin Makhramah telah berkata; Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda sedangkan baginda berada di atas mimbar: "Sesungguhnya bani Hisyām bin al-Mughīrah meminta izin kepadaku agar aku menikahkan anak wanita mereka dengan „Alī bin Abī Tālib, namun aku tidak mengizinkan kepada mereka, kecuali jika „Alī bin Abī Tālib menceraikan anakku lalu menikahi anak wanita mereka. Sesungguhnya anakku (Fātimah) adalah bahagian dariku, aku merasa senang dengan apa saja yang menyenangkannya dan aku merasa sakit atas semua yang menyakitinya."<sup>102</sup>

### **Ulasan hadith:**

Peristiwa ini menjadi hujah masyhur di kalangan pihak yang menolak poligami. Namun larangan memadukan puteri Rasulullah SAW dengan puteri Abu Jahal ini adalah larangan untuk mengelak berlakunya fitnah terhadap Rasulullah SAW dengan mengatakan bahawa Rasulullah SAW memerangi kuffar namun berbesan dengan musuh Allah. Rasulullah memerintahkan muslimin memerangi orang-orang kafir, namun Rasulullah SAW sendiri menyambung hubungan keluarga dengan pimpinan musuh Allah. Rasulullah SAW bersabda:

وَإِنِّي لَسْتُ أُحِرِّمُ حَلَالًا، وَلَا أُحِلُّ حَرَامًا، وَلَكِنَّ اللَّهَ لَا يَجْتَمِعُ بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى  
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَبِنْتُ عَدُوِّ اللَّهِ أَبَدًا

Terjemahan: Dan sesungguhnya aku bukan ingin mengharamkan sesuatu yang halal, bukan pula menghalalkan sesuatu yang haram. Akan tetapi demi Allah, selamanya tidak akan berkumpul puteri

<sup>102</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bab Dzibbu al-Rajulu „An Ibnatihī Fī al-Ghairati Wa al-Inshoffī, no Hadith 5230, Lihat Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 452. Diriwayatkan juga oleh Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb Faḍail al-Šahābah, Bab Faḍā'il Faṭīmah Binti al-Nabi AS, no Hadith 6307. Lihat Ṣaḥīḥ Muslim dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1107. Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Nikāh, Bab Mā Yakrahu An Yajma'a Bainahunna Min al-Nisā', no Hadith 2069. Lihat dalam Sunan Abū Dāwūd dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1375.

Rasulullah SAW dengan puteri musuh Allah di satu tempat selama-lamanya.<sup>103</sup>

Ibn Ḥajar al-Asqalānī menjelaskan bahawa apabila Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya aku takut terjadi fitnah pada agamanya, fitnah yang ditakuti ialah pengaruh buruk yang mungkin dibawa oleh anak musuh Allah kepada agama Fathimah. Sekalipun puteri Abu Jahal telah memeluk Islam, kemungkinan besar baginda mengetahui apa yang tidak diketahui oleh orang ramai ketika itu.

Apabila Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang menjadikannya marah bererti membangkitkan kemarahanku, kemarahan yang dimaksudkan ialah kemarahan Fathimah yang mengenangkan betapa zalim Abu Jahal kepada Rasulullah sejak saat awal dakwah Islam. Sesiapa yang menyayangi ayahnya pasti akan memarahi orang yang pernah menzalimi ayahnya satu ketika yang lalu. Oleh itu larangan ini adalah khusus untuk puteri-puteri Rasulullah SAW.

Adapun yang nampak bagiku bahawa tidak terlalu jauh bila dikatakan ini termasuk kekhususan Nabi SAW untuk tidak memadukan anak-anak wanitanya. Mungkin juga yang demikian khusus bagi Fathimah AS.<sup>104</sup>

### 2.3.15 Larangan memadukan anak perempuan dengan ibunya

عَنْ زَيْنَبِ بْنَتِ أُمِّ حَيْيَةَ، أَنَّ أُمَّ حَيْيَةَ، زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَتْ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَنْكِحْ بِنْتَ أُمِّي - تَعْنِي أُخْرَاهَا - فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : «وَتُحِبِّينَ ذَلِكَ؟» قَالَتْ: نَعَمْ، لَسْتُ لَكَ بِمُخْلِيَّةٍ، وَأَحَبُّ مَنْ شَرِكْنِي فِي حِيلَتِي؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : «إِنَّ ذَلِكَ لَا يَحِلُّ» قَالَتْ أُمُّ حَيْيَةَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَاللَّهُ لَقَدْ تَحَدَّثَنَا أَنَّكَ تَنْكِحُ دُرَّةَ بِنْتَ أُمِّ سَلَمَةَ، فَقَالَ : «بِنْتُ أُمَّ سَلَمَةَ؟» قَالَتْ أُمُّ حَيْيَةَ : نَعَمْ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : «فَوَاللَّهِ لَوْ أَنَّهَا لَمْ تَكُنْ رَبِيعَتِي فِي

<sup>103</sup> Ibid., no Hadith 3110, 250.

<sup>104</sup> Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharah al-Bukhārī*, ter. Amiruddin (Jakarta: Pustaka Azam , 2008), 25:767 - 773

حَجْرِيٍّ مَا حَلَّتْ، إِنَّهَا لَابْنَةُ أَخِيٍّ مِنَ الرَّضَاعَةِ، أَرْضَعْتِنِي وَأَبَا سَلَمَةَ ثُوَبَيْبَةَ، فَلَا  
تَعْرِضْنَ عَلَيَّ بَنَاتِكُنَّ وَلَا أَخْوَاتِكُنَّ»<sup>105</sup>

Terjemahan: Daripada Zainab binti Abī Salamah bahawa Ummu Ḥabībah (isteri Nabi SAW) berkata; wahai Rasulullah, nikahilah anak wanita ayahku! Iaitu saudaranya. Maka Rasulullah SAW bersabda: "Apakah engkau menginginkan hal tersebut?" Ia berkata; ya. Bukan hanya saya yang anda miliki, dan orang yang bersamaku dalam kebaikan yang paling aku sukai adalah saudariku. Maka Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya hal itu tidaklah halal." Ummu Ḥabībah berkata; wahai Rasulullah, demi Allah, kami telah berbicara bahawa engkau akan menikahi Durrah binti Abī Salamah. Kemudian baginda bersabda: "Anak perempuan Ummu Salamah?" Ummu Salamah berkata; ya. Rasulullah SAW bersabda: "Demi Allah, kalaulah ia bukan anak isteriku yang ada dalam asuhanku, ia pun tidaklah halal bagiku, kerana ia adalah anak saudaraku sepersusuan. Thuwaibah telah menyusuiku dan Abī Salamah, maka janganlah kalian tawarkan kepadaku anak-anak wanita dan saudara-saudara wanita kalian."<sup>105</sup>

### **Ulasan hadith:**

Menikahi ibu (mentua) setelah dinikahi anak perempuannya atau menikahi anak perempuan (menantu) setelah dinikahi ibunya adalah dilarang di sisi syarak dan disepakati ulamak mazhab dalam hal ini. Larangan ini telah dijelaskan dalam al-Quran dengan firman Allah:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخْوَاتُكُمْ وَعَمَّتُكُمْ وَخَلَاتُكُمْ وَبَنَاتُ  
الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ وَأُمَّهَتُكُمُ الَّتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخْوَاتُكُمُ مِنْ أَرْضَعَةِ  
وَأُمَّهَتُ نِسَاءِكُمْ وَرَبِّيْبُكُمُ الَّتِي فِي حُجُورِكُمْ مِنْ نِسَاءِكُمُ الَّتِي دَخَلْتُمْ  
بِهِنَّ فَإِنْ لَمْ تَكُونُوا دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ وَحَلَّتِلُ أَبْنَاءِكُمْ  
الَّذِينَ مِنْ أَصْلَبِكُمْ وَأَنْ تَجْمِعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّ اللَّهَ  
كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا

Surah al-Nisā“ 4: 23

<sup>105</sup> Hadith riwayat al-Nasā'ī, Kitāb al-Nikāh, Bab Tahrim al-Jam‘ī Bainā al-Umm wa al-Bint, no Hadith 3287 dalam *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalih bin ‘Abd al-‘Azīz Al Shaykh. (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000), 2300. Syeikh al-Albānī mengatakan bahawa hadith ini sahih.

Terjemahan: Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan berikut) : ibu-ibu kamu, anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu, dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang menyusukan kamu, dan saudara-saudara perempuan susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi jika kamu belum campuri mereka (isteri) itu (dan telah pun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya). Dan haram juga kamu berkahwin dengan bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu sendiri kamu. Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

Larangan ini adalah termasuk dalam larangan berkahwin selama-lamanya. Jika mengahwini secara berasingan adalah dilarang maka mengumpulkan mereka juga adalah dilarang. Maka hadith yang dikemukakan ini menjelaskan lagi larangan tersebut.

Diriwayatkan bahawa hadith ini termasuk yang diterima oleh Imam al-Buhārī daripada Imam Ahmad melalui muzakarah. Imam al-Bukhārī menggunakan bentuk seperti pada riwayat-riwayat yang *mauquf*. Dan kadang-kadang menggunakan pada sesuatu yang kurang memenuhi kriterianya.<sup>106</sup>

### 2.3.16 Larangan menampakkan kepuasan kepada madu

عَنْ فَاطِمَةَ، عَنْ أَسْمَاءَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، (ح) حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ الْمُتَّهَّنِ،  
حَدَّثَنَا يَحْيَى، عَنْ هِشَامٍ، حَدَّثَنِي فَاطِمَةُ، عَنْ أَسْمَاءَ، أَنَّ امْرَأَةً قَالَتْ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ  
لِي ضَرَّةً، فَهَلْ عَلَيَّ جُنَاحٌ إِنْ تَشَبَّعْتُ مِنْ زَوْجِي عَيْرَ الَّذِي يُعْطِينِي؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : «الْمَوْتَشَبِّعُ بِمَا لَمْ يُعْطَ كَلَابِسَ ثَوْبَيْ رُورِ»

Terjemahan: Daripada Fātīmah, daripada Asmā', daripada Nabi SAW - dalam riwayat lain- Muḥammad bin al-Muthanna telah menceritakan kepadaku, Yaḥya telah menceritakan kepada kami, daripada Hisyām daripada Fātīmah daripada Asmā', bahawa seroang wanita bertanya, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku memiliki madu (isteri lain dari suaminya), kerana itu apakah aku akan mendapat dosa, bila aku menampak-nampakkan kepuasan dari suamiku dengan suatu hal yang

<sup>106</sup> Ibn Hājar al-Asqalāni, *Fath al-Bāri Sharah al-Bukhārī*, ter. Amiruddin (Jakarta: Pustaka Azam , 2008), 25:179

tak diberikannya kepadaku? "Maka Rasulullah SAW bersabda: "Seorang yang menampakkan kepuasan dengan sesuatu yang tidak diberikan kepadanya adalah seperti halnya seorang yang memakai pakaian kepalsuan."<sup>107</sup>

### **Ulasan hadith:**

Hadith di atas jelas menyatakan bahawa perbuatan menunjukkan kepuasan terhadap madu tetapi hakikatnya tidak adalah umpama memakai pakaian yang palsu dan jelas hukumnya adalah haram. Perbuatan ini juga dikatogarkan sebagai perbuatan berbohong dan ianya dilarang keras oleh baginda Rasulullah SAW.

Ibn Hajar al-Asqalāni melalui kitabnya *Fath al-Bārī* menjelaskan bahawa perkataan (الْمَتَّبِعُ ) maksudnya berpura-pura kenyang, ertinya berhias dengan apa yang tidak dimiliki dan berpura-pura cukup dan berhias dengan kebatilan. Seorang isteri memiliki madu bersaing mendapatkan memperolehi bahagiannya, maka ia berpura-pura memperolehi bahagiannya daripada suaminya berbanding madunya. Hal ini bertujuan memancing emosi madunya. Manakala kalimah (نَوْيَةُ نُورٍ ) merupakan isyarat bahawa yang digunakan merupakan terdiri daripada dua dusta iaitu berdusta pada dirinya berkaitan apa yang tidak diambilnya, dan berdusta kepada orang lain berkaitan dengan apa tidak diberikan kepadanya. Samalah seperti menzalimi dirinya dan menzalimi orang lain.<sup>108</sup>

---

<sup>107</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bab al-Mutasyabbi'u Bimā Lam Yail Wama Yanhā Min Iftikhār al-Durrah, no Hadith 5219. Lihat *Şaḥīḥ al-Bukhārī* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 451. Diriwayatkan juga oleh Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Liabasu wa al-Zinah, Bab al-Nahyu ,An Tazwir Fī al-Libāsu Wa Ghairihi wa al-Tashbi'u Bimā Lam Yu't, no Hadith 5584 & 5585. Lihat *Şaḥīḥ Muslim* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1058. Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Adab, Bab Fī al-Mutasyabba" Bimā Lam Yu't, no Hadith 4997. Lihat Sunan Abū Dāwūd dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1589.

<sup>108</sup> Ibn Hājar al-Asqalāni, *Fath al-Bārī Sharah al-Bukhārī*, ter. Amiruddin (Jakarta: Pustaka Azam , 2008), 25: 738

## **2.4. ANALISIS TEKS-TEKS HADITH BERKAITAN POLIGAMI**

Teks-teks hadith yang telah dikenalpasti sebanyak tujuh puluh satu hadith akan dianalisis berdasarkan sumber iaitu *Şahīh al-Bukhārī*, *Şahīh Muslim*, *Jāmi' al-Tirmidhī*, *Sunan Abū Dāwūd*, *al-Nasā'i*, dan *Ibn Mājah*. Setiap sumber hadith akan dinyatakan juga nombor hadith dan jumlah hadith yang disenaraikan.

Di samping itu pengkaji juga akan menganalisis setiap teks-teks hadith berdasarkan kitab dan bab serta dimasukkan juga taraf atau kedudukan setiap hadith yang disenaraikan. Bagi meletakkan taraf<sup>109</sup> hadith-hadith ini, pengkaji akan menyatakan taraf hadith berdasarkan penilaian yang telah dibincangkan oleh para ulama<sup>109</sup> hadith. Kesemua maklumat berkaitan teks-teks hadith yang dianalisis akan dimasukkan ke dalam jadual dan dipaparkan juga melalui rajah yang disediakan agar ianya mudah difahami dengan lebih jelas.

## **2.5. METODE YANG DIGUNAKAN DALAM MENGANALISIS TEKS-TEKS HADITH**

Dalam menganalisis hadith-hadith berkaitan poligami dalam *al-Kutub al-Sittah*, pengkaji akan menumpukan kepada hadith-hadith yang berbeza, iaitu sebanyak empat puluh dua hadith. Manakala teks-teks hadith yang sama akan dianalisis secara umum sahaja. Untuk menganalisis teks-teks hadith ini, pengkaji akan mengutamakan kitab sumber yang diriwayatkan oleh *al-Bukhārī* dan *Muslim* dalam kitab *şahīh* mereka berbanding daripada riwayat baki yang empat iaitu *Abū Dāwūd*, *al-Tirmidhī*, *al-Nasā'i* dan *Ibn Mājah*. Namun begitu, jika terdapat hadith-hadith yang bukan diriwayatkan oleh *al-Bukhārī* dan *Muslim*, maka hadith-hadith tersebut akan dilakukan penelitian taraf

<sup>109</sup> Pengkaji merujuk kepada laman web al-Durar al-Saniyah <http://www.dorar.net/enc/hadith.php> dan perisian hadith dari Ensiklopedi Hadits-Kitab 9 Imam dari Lidwa Pusaka (<http://lidwapusaka.com>). Kedua-dua perisian ini merupakan perisian yang dapat memelihara sunnah Nabi SAW di zaman teknologi maklumat dan ianya juga sebagai perisian yang berautoriti dari segi kesahihannya dalam mengeluarkan hukum sesuatu hadith.

yang akan dimasukkan dalam perbincangan dalam bab ini, agar kenyataan dan hujah yang akan dikemukakan dapat diketahui kesahihannya.

Keseluruhan hadith-hadith yang akan dibincangkan disenaraikan mengikut tema yang ditentukan oleh pengkaji sendiri dan Tarājim al-Abwāb dalam kitab sumber hadith tersebut. Selain itu, pengkaji juga akan meneliti setiap Tarājim al-Abwāb bagi setiap hadith kerana ianya dapat membantu pengkaji dalam memahami maksud hadith dengan lebih jelas.

Dalam bab ini juga pengkaji tidak memasukkan perbincangan ulama“ hadith mengenai perbahasan setiap hadith kerana melalui bab ini pengkaji hanya menganalisis hadith-hadith berkaitan poligami serta menyatakan sumber dan taraf setiap hadith yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah*. Kesemua perbincangan yang dibentangkan akan dijelaskan dalam bentuk jadual dan carta supaya ia lebih mudah difahami.

Perbahasan dalam tajuk ini hanya memberi tumpuan terhadap hadith-hadith berkaitan poligami yang telah disusun di dalam *al-Kutub al-Sittah*. Oleh itu, pada tajuk di bawah pengkaji akan menyenaraikan taburan hadith berkaitan poligami daripada sumber-sumber yang telah ditetapkan. Taburan-taburan tersebut akan dipaparkan melalui jadual yang ditentukan agar lebih jelas dan mudah difahami.

### **2.5.1 Analisis Hadith-hadith Berkaitan Poligami Mengikut Tema**

Dalam proses analisis dan penelitian yang telah dijalankan ke atas *al-Kutub al-Sittah*, terdapat tujuh puluh satu hadith yang berkaitan poligami. Daripada jumlah tersebut dapatlah dibahagikan kepada enam belas tema yang tertentu. Penetapan tema-tema ini adalah berdasarkan analisa daripada pengkaji sendiri berdasarkan kefahaman dan penelitian terhadap maksud hadith secara umum. Taburan hadith-hadith mengikut tema itu akan dipaparkan dalam jadual di bawah.

Jadual 2.1: Analisa hadith-hadith berkaitan poligami mengikut tema (termasuk yang sama dan berulang)

BIL	TEMA	B	M	A	T	N	I	J
1	Galakan berpoligami	1	-	-	-	-	-	1
2	Nabi memiliki isteri yang ramai	3	-	-	-	1	-	4
3	Keharusan hibahkan giliran kepada madu	2	-	1	-	-	1	4
4	Mencabut undi jika bermusafir	1	-	1	-	-	1	3
5	Ancaman kepada suami yang tidak berlaku adil	-	-	1	1	1	1	4
6	Bilangan bermalam jika menikahi gadis atau janda	1	1	1	1	-	-	4
7	Nabi tidak mengauli isteri-isteri selama satu bulan	2	-	-	-	1	-	3
8	Doa nabi dalam melaksanakan kewajipan terhadap isteri-isteri	-	-	1	1	1	1	4
9	Perasaan cemburu para isteri	1	-	-	-	3	-	4
10	Mengasihi salah seorang isteri melebihi isteri-isteri yang lain	1	2	-	-	5	-	8
11	Larangan beristeri melebihi empat	-	2	1	-	-	-	3
12	Larangan memadukan perempuan dengan ibu saudara	1	4	1	1	3	2	12
13	Larangan memadukan adik beradik	-	1	1	-	4	3	9
14	Larangan memadukan Fatimah binti Rasulullah dengan anak Abu Jahal	1	1	1	-	-	-	3
15	Larangan memadukan anak perempuan dengan ibunya	-	-	-	-	1	-	1
16	Larangan menampakkan kepuasan kepada madu	1	2	1	-	-	-	4
<b>JUMLAH</b>		<b>15</b>	<b>13</b>	<b>10</b>	<b>4</b>	<b>20</b>	<b>9</b>	<b>71</b>

Singkatan Abjad: B (Al-Bukhārī), M (Muslim), A (Abū Dāwūd), T (Al-Tirmidhī), N (al-Nasā'ī), I (Ibn Mājah) dan J (Jumlah)

Sumber: Hasil analisa pengkaji


Merujuk kepada Jadual 2.1 dapatlah dinyatakan bahawa teks-teks hadith yang berbentuk larangan lebih diberi perhatian oleh Rasulullah SAW berbanding tema-tema yang lain. Terdapat enam tema daripada enam belas tema atau sebanyak 37.5% yang menyentuh mengenai larangan. Daripada tema larangan ini juga teks hadith yang

menjelaskan perihal larangan memadukan perempuan dengan ibu merupakan tema paling banyak teks hadithnya berbanding tema-tema yang lain iaitu sebanyak dua belas hadith atau 16.9% daripada keseluruhan teks yang dikumpulkan. Jika dikumpulkan kesemua tema larangan, terdapat sebanyak tiga puluh dua teks atau 45% adalah yang berbentuk larangan daripada Rasulullah SAW.

Manakala teks hadith yang paling sedikit ialah di bawah tema galakan berpoligami dan tema larangan memadukan anak perempuan dengan ibunya iaitu masing-masing mempunyai satu teks hadith sahaja. Daripada keseluruhan teks hadith ini juga dapat dinyatakan bahawa Sunan al-Nasā'ī adalah sumber yang paling banyak mempunyai teks hadith berkaitan poligami iaitu sebanyak dua puluh teks atau 28%. Jumlah ini diikuti dengan Ṣahīḥ al-Bukhārī iaitu sebanyak lima belas hadith atau 21%. Di samping itu Jāmi' al-Tirmidhī adalah penyumbang teks hadith yang paling sedikit berkaitan poligami iaitu hanya sebanyak empat hadith atau 6% berbanding dengan sumber-sumber yang lain.


Apa yang dapat disimpulkan daripada analisis hadith mengikut tema ini adalah peringatan daripada Rasulullah SAW terhadap sesiapa yang ingin berpoligami supaya mengambil berat terhadap beberapa larangan supaya konsep poligami ini tidak dianggap mudah sedangkan ianya mempunyai tanggungjawab besar yang perlu disempurnakan supaya berpoligami tidak tersasar daripada konsep beribadat kepada Allah.

Rajah 2.1 Bilangan hadith mengikut tema



Sumber: Hasil Analisis Pengkaji

Rajah 2.2 Pecahan hadith mengikut tema  
(termasuk hadith yang sama)



Sumber: Hasil Analisis Pengkaji

### 2.5.2 Analisis Teks-Teks Hadith Berkaitan Poligami Mengikut Sumber

Daripada tujuh puluh satu hadith di atas pengkaji sekali lagi membuat analisis dengan tidak menyenaraikan mana-mana hadith yang sama. Ini bermaksud hanya sebanyak empat puluh dua hadith sahaja yang disenaraikan untuk dianalisis. Jumlah ini dipecahkan mengikut sumber iaitu daripada al-Bukhārī sebanyak lima belas hadith, Muslim sebanyak tiga hadith, Abū Dāwūd sebanyak enam hadith, al-Tirmidhī sebanyak

satu hadith, al-Nasā'ī sebanyak sepuluh hadith dan Ibn Mājah sebanyak tujuh hadith. Dalam proses memaparkan hadith dalam jadual, pengkaji menggunakan kaedah *atrāf* (pangkal) hadith sahaja. Bagi memudahkan proses rujukan pula pengkaji memasukkan nombor-nombor hadith bagi setiap teks yang dipaparkan supaya ianya lebih lengkap dan sempurna. Secara keseluruhannya hadith itu boleh dilihat melalui Jadual 2.2 di bawah.

Jadual 2.2 Hadith-hadith berkaitan poligami mengikut sumber  
(termasuk yang sama dan berulang)

Bil	Matan hadith	Sumber	No. hadith	Jumlah
<b>Tema 1: Galakan berpoligami.</b>				
1	هَلْ تَرَوْحَتْ قُلْتُ لَا قَالَ فَتَرَوْجُ فَإِنَّ حَيْرَ هَذِهِ الْأُمَّةِ أَكْثُرُهُمْ نِسَاءً.	Al-Bukhārī	5069	1
<b>Tema 2: Nabi memiliki isteri yang ramai.</b>				
2	حَضَرَنَا مَعَ ابْنِ عَبَّاسٍ جِنَازَةً مَيْمُونَةَ بِسَرْفَ...	Al-Bukhārī	5067	4
3	أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَطْعُوفُ عَلَى نِسَائِهِ فِي أَيْلَةٍ وَاحِدَةٍ وَلَهُ تِسْعَ نِسْوَةً.	Al-Bukhārī	5068	
4	كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا انْصَرَفَ مِنْ الْعَصْرِ دَخَلَ عَلَى نِسَائِهِ...	Al-Bukhārī	5216	
5	تُؤْفَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعِنْدَهُ تِسْعَ نِسْوَةً يُصِيبُهُنَّ إِلَّا سُودَةَ...	Al-Nasā'ī	3199	
<b>Tema 3: Keharusan hibahkan giliran kepada madu.</b>				
6	أَنَّ سُودَةَ بِنْتَ زَمْعَةَ وَهَبَتْ يَوْمَهَا لِعَائِشَةَ...	Al-Bukhārī	5212	4
7	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَسْنَالُ فِي مَرْضِهِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ أَيْنَ أَنَا عَدَا أَيْنَ أَنَا عَدَا...	Al-Bukhārī	5217	
8	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ إِلَى النِّسَاءِ تَعْنِي فِي مَرْضِهِ فَاجْتَمَعْنَ...	Abū Dawūd	2137	
9	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَجَدَ عَلَى صَفِيَّةَ بِنْتِ حُبَيْبٍ فِي شَيْءٍ...	Ibn Mājah	1973	
<b>Tema 4: Mencabut undi jika musafir.</b>				
10	أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا خَرَجَ أَقْرَعَ بَيْنَ نِسَائِهِ فَطَارَتِ الْقُرْعَةُ لِعَائِشَةَ وَحْفَصَةَ...	Al-Bukhārī	5211	3
11	كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَرَادَ سَفَرًا أَقْرَعَ بَيْنَ نِسَائِهِ فَأَيْتَهُنَّ خَرَجَ سَهْمُهَا خَرَجَ بِهَا مَعَهُ...	Abū Dāwūd	2138	
12	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، كَانَ إِذَا سَافَرَ أَقْرَعَ بَيْنَ نِسَائِهِ.	Ibn Mājah	1960	


Tema 5: Ancaman kepada suami yang tidak adil.				
13	مَنْ كَانَتْ لَهُ امْرَأَتِنَ فَمَالَ إِلَى إِخْدَاهُمَا... .	Abū Dāwūd	2133	2
14	إِذَا كَانَتْ عِنْدَ الرَّجُلِ امْرَأَتِنَ فَلَمْ يَعْدِلْ بَيْنَهُمَا... .	Al-Tirmidhī	1141	
Tema 6: Bilangan bermalam jika menikahi gadis dan janda.				
15	مِنْ السُّنَّةِ إِذَا تَرَوْجُ الرَّجُلُ الْبُكْرَ عَلَى الشَّبِّ أَقَامَ عِنْدَهَا سَبْعًا وَقَسَّمَ... .	Al-Bukhārī	5213	1
Tema 7: Nabi tidak mengauli isteri-isteri selama satu bulan.				
16	آتَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ نِسَائِهِ شَهْرًا، وَقَعَدَ فِي مَشْرُبَةِ لَهُ ....	Al-Bukhārī	5201	2
17	أَصْبَحْنَا يَوْمًا وَنِسَاءُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَبْكِينَ، عِنْدَ كُلِّ امْرَأَةٍ مِنْهُنَّ أَهْلُهَا،... .	Al-Bukhārī	5203	
Tema 8: Doa Nabi dalam melaksanakan kewajiban terhadap isteri-isteri.				
18	كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَفْسِمُ فَيَعْدِلُ، وَيَقُولُ: «اللَّهُمَّ هَذَا قَسْبِيِّ»،...	Abū Dāwūd	2134	1
Tema 9: Perasaan cemburu para isteri.				
19	كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ بَعْضِ نِسَائِهِ، فَأَرْسَلَتْ إِلَيْهِ أَمْهَاتِ الْمُؤْمِنِينَ بِصَحْفَةٍ فِيهَا طَعَامٌ،... .	Al-Bukhārī	5225	
20	أَنَّهَا يَعْنِي أَنَّهُ بِطَعَامٍ فِي صَحْفَةٍ لَهَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَصْحَابِهِ،... .	Al-Nasā'ī	3408	3
21	مَا رَأَيْتُ صَانِعَةً طَعَامٍ مِثْلَ صَفِيفَةَ، أَهَدَتْ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَاءً فِيهِ طَعَامٌ،... .	Al-Nasā'ī	3409	
Tema 10: Mengasihi salah seorang isteri melebihi isteri-isteri yang lain.				
22	دَخَلَ عَلَى حَفْصَةَ قَوَالٌ: يَا بُنْيَّةَ،...	Al-Bukhārī	5218	
23	أَرْسَلَ أَنْوَاجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاطِمَةَ بِنْتَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَاسْتَادَنَتْ عَلَيْهِ وَهُوَ مُضْطَجَعٌ مَعِيْ فِي مِرْطِبٍ،... .	Al-Nasā'ī	3396	
24	فَضَلَّ عَائِشَةَ عَلَى النِّسَاءِ كَفَضَلَ الشَّرِيدَ عَلَى سَائِرِ الطَّعَامِ	Al-Nasā'ī	3399	6
25	يَا أُمَّ سَلَمَةَ لَا تُؤْذِنِي فِي عَائِشَةَ، فَإِنَّهُ وَاللَّهُ مَا أَتَانِي الْوَحْيُ فِي لِحَافِ امْرَأَةٍ مِنْكُنَّ إِلَّا هِيَ.	Al-Nasā'ī	3401	
26	أَوْحَى اللَّهُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا مَعَهُ، فَقُمْتُ، فَأَجْحَفْتُ الْبَابَ بَيْنِي وَبَيْنَهُ،... .	Al-Nasā'ī	3404	
27	إِنَّ جِبْرِيلَ يَقْرَأُ عَيْنِكَ السَّلَامَ...	Al-Nasā'ī	3405	
Tema 11: Larangan beristeri melebihi empat.				
28	أَسْلَمْتُ وَعِنْدِي ثَمَانِ نِسْوَةٍ، فَأَتَيْتُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ،...	Ibn Mājah	1952	2
29	أَسْلَمْ عَيْلَانُ بْنُ سَلَمَةَ وَخَتَّةَ عَشْرَ نِسْوَةٍ،...	Ibn Mājah	1953	

Tema 12: Larangan memadukan perempuan dengan ibu saudara.				
30	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تُنْكِحَ الْمَوَأْدَةَ عَلَى عَمَّتِهَا أَوْ خَالِتِهَا.	Al-Bukhārī	5108	7
31	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ أَرْبِعِ نِسَوَةٍ...	Muslim	3437	
32	لَا تُنْكِحُ الْعَمَّةَ عَلَى بُنْتِ الْأَخِ،...	Muslim	3438	
33	لَا يُنْكِثُ الرَّجُلُ عَلَى حِطْبَةِ أَخِيهِ، وَلَا يَسْوُمُ عَلَى سَوْمِ أَخِيهِ،...	Muslim	3442	
34	لَا تُنْكِحُ الْمَرْأَةَ عَلَى عَمَّتِهَا،...	Abū Dāwūd	2065	
35	لَا يُجْمِعُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَعَمَّتِهَا، وَلَا بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَخَالِتِهَا.	Al-Nasā'ī	3290	
36	يَنْهَا عَنْ زَكَاхِينَ، أَنْ يُجْمِعَ الرَّجُلُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَعَمَّتِهَا، وَبَيْنَ الْمَرْأَةِ وَخَالِتِهَا.	Ibn Mājah	1930	
Tema 13: Larangan memadukan adik beradik.				
37	لَا تُنْكِحُ الْمَرْأَةَ عَلَى عَمَّتِهَا، وَلَا الْعَمَّةَ عَلَى بُنْتِ أَخِيهَا،...	Abū Dāwūd	2065	3
38	فَلِمْتُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَعِنْدِي أُخْتَانٌ تَرَوَجُّهُمَا فِي الْجَاهِلِيَّةِ،...	Ibn Mājah	1950	
39	يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَسْلَمْتُ وَخْتِي أُخْتَانِ،...	Ibn Mājah	1951	
Tema 14: Larangan memadukan Fatimah binti Rasulullah SAW dengan anak Abu Jahal.				
40	إِنَّ بَنِي هِشَامَ بْنِ الْمُغَيْرَةِ اسْتَأْذَنُوا فِي أَنْ يُنْكِحُوهُمْ عَلَيَّ بْنَ أَيِّ طَالِبٍ،...	Al-Bukhārī	5230	1
Tema 15: Larangan memadukan anak perempuan dengan ibunya.				
41	يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَنْكِحْ بُنْتَ أَيِّ - تَعْنِي أُخْتَهَا - ...	Al-Nasā'ī	5287	1
Tema 16: Larangan menampakkan kepuasan kepada madu.				
42	يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ لِي صَرَرٌ، فَهَلْ عَلَيَّ جُنَاحٌ إِنْ تَشَبَّثُ مِنْ رَوْحِي عَيْرَ الدُّرِّي يُعْطِينِي؟...	Al-Bukhārī	5219	1
<b>JUMLAH</b>				
<b>42</b>				


Sumber: Hasil Analisis Pengkaji

Merujuk kepada Jadual 2.2 dapatlah dinyatakan di sini bahawa daripada empat puluh dua teks hadith yang terkumpul *Şahih al-Bukhārī* merupakan perawi terbanyak dengan lima belas daripada empat puluh dua hadith atau 36% daripada jumlah hadith yang terkumpul. Begitu juga berkaitan *şahih al-Bukhārī* menunjukkan bahawa hampir keseluruhan tema ada hadith daripadanya. Manakala *Jāmi' al-Tirmidhī* pula adalah yang terendah iaitu satu hadith atau sekadar 2% daripada keseluruhan hadith.

Rajah 2.3 Bilangan hadith mengikut sumber



Rajah 2.4 Pecahan Hadith Mengikut Sumber



Sumber: Hasil Analisis Pengkaji

### 2.5.3 Analisis Hadith-hadith Berkaitan Poligami Mengikut Kitab dan Bab

Daripada dapatan analisis yang dibuat, dapatlah dinyatakan bahawa daripada empat puluh dua hadith yang disenaraikan terdapat sebanyak tiga puluh lima hadith atau 83% adalah diletakkan dalam *Kitab al-Nikāh* manakala bakinya iaitu sebanyak tujuh hadith atau 17% diletakkan dalam *Kitab „Ayratu al-Nisā“* yang mana ianya dari sumber Sunan al-Nasā'ī sahaja.

Manakala bilangan bab yang berkaitan pula ialah melibatkan sebanyak dua puluh tiga bab. Iaitu Daripada keseluruhan hadith yang disenaraikan di bahagian ini

pula pengkaji akan paparkan mengikut sumber iaitu al-Bukhārī, Muslim, al-Tirmidhī, al-Nasā'ī dan Ibn Mājah. Hadith-hadith daripada al-Bukhārī dan Muslim tidak perlu dinyatakan tarafnya, ini kerana kesahihannya tidak lagi dipertikaikan. Manakala empat lagi sumber akan dilakukan penelitian. Jadual di bawah pengkaji akan memaparkan analisis tersebut dengan lebih jelas. Dalam proses memaparkan hadith dalam jadual di bawah, pengkaji menggunakan kaedah *atraf* (pangkal) hadith sahaja.

Jadual 2.3 Analisis Hadith-hadith berkaitan poligami mengikut Kitab dan Bab  
(*Šahīh al-Bukhārī*)

Bil	Matan Hadith	Kitab	Bab
1	هُنَّ تَرَوَجْتَ فُلْثٌ لَا قَالَ فَتَرَوْجَ فِيَنْ خَيْرٌ هَذِهِ الْأُمَّةُ أَكْثَرُهَا نِسَاءٌ.	al-Nikāh	كثرة النساء
2	خَضَرْنَا مَعَ ابْنِ عَبَّاسٍ جَهَارَةً مِيمُونَةً يُسَرِّفُ...	al-Nikāh	
3	أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَطْلُوفُ عَلَى نِسَائِهِ فِي لَيْلَةٍ وَاحِدَةٍ وَلَهُ تِسْعُ نِسْوَةً.	al-Nikāh	
4	كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا انْصَرَفَ مِنْ الْعَصْرِ دَخَلَ عَلَى نِسَائِهِ...	al-Nikāh	
5	أَنَّ سَوْدَةَ بِنْتُ رَمْعَةَ وَهَبَتْ يَوْمَهَا لِعَائِشَةَ...	al-Nikāh	اذا استأند الرجل نساءه في ان يعرضوا في بيت بعضهن
6	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَسْأَلُ فِي مَرْضِيهِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ أَيْنَ أَنَا عَدَا أَيْنَ أَنَا عَدًا...	al-Nikāh	
7	أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا خَرَجَ أَقْرَعَ بَيْنَ نِسَائِهِ فَطَارَثَ الْفَرْعَعَةُ لِعَائِشَةَ وَحْفَصَةَ...	al-Nikāh	قرعه بين النساء اذا اراد سفر
8	مِنْ السُّنْنَةِ إِذَا تَرَوَجَ الرَّجُلُ الْبِكْرُ عَلَى النَّبِيِّ أَقَامَ عِنْدَهَا سَبْعًا وَقَسْمًا...	al-Nikāh	العدل بين النساء
9	آتَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ نِسَائِهِ شَهْرًا...	al-Nikāh	قوله تعالى الرجال قوامون على النساء ما فضل الله
10	أَصْبَحْنَا يَوْمًا وَنِسَاءُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَبْكِينَ، عِنْدَ كُلِّ امْرَأٍ مِنْهُنَّ أَهْلُهَا...	al-Nikāh	
11	كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ بَعْضِ نِسَائِهِ، فَأَرْسَلَتْ إِلَيْهِ أُمَّهَاتِ الْمُؤْمِنِينَ بِصَحْفَةٍ فِيهَا طَعَامٌ،...	al-Nikāh	الغيرة
12	دَخَلَ عَلَى حَفْصَةَ قَهْقَاهَ: يَا بُنْيَةَ،...	al-Nikāh	حب الرجل بعض نساءه أفضل من بعض

13	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تُنْكِحَ الْمُؤْمِنَةَ عَلَى عَمَّتِهَا أَوْ خَالِتِهَا.	al-Nikāh	لا تنكح المرأة على عماتها
14	إِنَّ نَبِيًّا هِشَامَ بْنِ الْمَغْرِبِ اسْتَأْذَنُوا فِي أَنْ يُنْكِحُوا ابْنَتَهُمْ عَلَيَّ إِنْ بْنَ أَبِي طَالِبٍ، ...	al-Nikāh	ذب الرجل عن ابنته في الغيرة والإنصاف
15	يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ لِي صَرَرَةً، فَهَلْ عَلَيَّ جُنَاحٌ إِنْ تَشَبَّعْ مِنْ رَوْجِي غَيْرُ الَّذِي يُعْطِينِي؟ ...	al-Nikāh	المتشبع بما لم يبن وما ينهى من افخار الضره

Sumber: Hasil Analisis Pengkaji

Berdasarkan jadual di atas dapatlah dinyatakan bahawa dalam *Şahīh al-Bukhārī* disenaraikan sebanyak lima belas hadith yang disusun dalam satu kitab sahaja iaitu Kitab al-Nikāh yang melibatkan sebelas bab kesemuanya. Daripada jumlah hadith tersebut sepakat ulamak hadith mengatakan bahawa kesemuanya adalah bertaraf sahīh.

Jadual 2.4 Analisa Hadith-hadith berkaitan poligami mengikut Kitab dan Bab (*Şahīh Muslim*)

Bil	Matan Hadith	Kitab	Bab
1	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ أَزْيَعِ نِسْوَةٍ، ...	al-Nikāh	تجريم الجمع بين المرأة والعماتها أو حالاتها في النكاح
2	لَا تُنْكِحُ الْعَمَّةَ عَلَى بِنْتِ الْأَخِ، ...	al-Nikāh	
3	لَا يَجْتَبُ الرَّجُلُ عَلَى حَطْبَةِ أَخِيهِ، ...	al-Nikāh	


Sumber: Hasil Analisis Pengkaji

Berdasarkan jadual 2.4 pula dapatlah dinyatakan bahawa dalam *Şahīh Muslim* disenaraikan sebanyak tiga hadith sahaja yang disusun dalam satu kitab sahaja iaitu Kitab al-Nikāh yang juga melibatkan satu bab sahaja. Daripada jumlah hadith tersebut sepakat ulama“ hadith juga bahawa kesemuanya adalah bertaraf sahīh.

Jadual 2.5 Analisa Hadith-hadith berkaitan poligami mengikut Kitab dan Bab (Abū Dāwūd)

Bil	Matan Hadith	Kitab	Bab	Taraf
1	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ إِلَيْ الْمُسَافِرَاتِ تَعْنِي فِي مَرْضِيهِ فَاجْتَمَعْنَ...	al-Nikāh	في القسم بين النساء	Sahīh
2	كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَرَادَ سَفَرًا أَفْرَغَ بَيْنَ نِسَاءِهِ فَأَيْتُهُنَّ خَرَجَ سَهْمُهَا خَرَجَ هُنَّا مَعَهُ...	al-Nikāh		Sahīh
3	مَنْ كَانَتْ لَهُ امْرَأَتَانِ فَمَا لَهُ إِلَّا إِحْدَاهُنَّا...	al-Nikāh		Sahīh
4	كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْسِمُ فَيَعْدِلُ،...	al-Nikāh		Daif
5	لَا تُنْكِحُ الْمَرْأَةَ عَلَى عَمَّتِهَا،...	al-Nikāh		Sahīh
6	لَا تُنْكِحُ الْمَرْأَةَ عَلَى عَمَّتِهَا، وَلَا الْعُمَّةُ عَلَى بُنْتِ أَخِيهَا،...	al-Nikāh		Sahīh

Rajah 2.5 Pecahan taraf Hadith Abū Dāwūd



Sumber: Hasil Analisis Pengkaji

Merujuk Rajah 2.5 pula dapat dipaparkan bahawa daripada enam hadith dari sunan Abū Dāwūd lima daripadanya adalah sahīh dan hanya satu bertaraf da'if. Manakala dari sumber Jāmi‘ al-Tirmidhī pula hanya satu hadith sahaja yang disenaraikan. Hadith yang disenaraikan bertaraf sahīh. Jadual 2.6 menyatakan maklumat yang lengkap sebagai rujukan.

Jadual 2.6 Analisa hadith-hadith berkaitan poligami mengikut Kitab dan Bab (Jāmi‘ al-Tirmidhī)


Bil	Matan hadith	Kitab	Bab	Taraf
1	إِذَا كَانَتْ عِنْدَ الرَّجُلِ امْرَأَتَانِ فَلَمْ يَعْدِلْ بَيْنَهُمَا...	al-Nikāh	ما جاء في تسوية بين الضرائر	Sahīh

Sumber: Hasil Analisis Pengkaji

Jadual 2.7 Analisa Hadith-hadith berkaitan poligami mengikut Kitab dan Bab (Sunan al-Nasā'ī)

Bil	Matan hadith	Kitab	Bab	Taraf
1	ثُوْقَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعِنْدَهُ تِسْعَ نِسْوَةٍ يُصِيبُهُنَّ إِلَّا سُودَةُ...	al-Nikāh	امر رسول الله في النكاح	Sahīh al-Isnād
2	أَنَّهَا يَعْنِي أَنَّهُ بِطَعَامٍ فِي صَحْقَةٍ لَهَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَصْحَابِهِ،...	, „Asyratu al-Nisā“	الغيرة	Sahīh
3	مَا زَأْيَتْ صَانِعَةً طَعَامٍ مِثْلَ صَفَيَّةَ، أَهَدَتْ إِلَى الَّتِيْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَاءَ فِيهِ طَعَامٍ،...	, „Asyratu al-Nisā“		Sahīh
4	أَرْسَلَ أَرْوَاحَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاطِمَةَ بِنْتَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَاسْتَأْذَنَتْ عَلَيْهِ وَهُوَ مُضْطَجِعٌ مَعِي فِي مِرْطِبِي،...	, „Asyratu al-Nisā“		Daif
5	فَضْلٌ عَائِشَةَ عَلَى النِّسَاءِ كَفْضُلِ الشَّرِيدِ عَلَى سَائِرِ الطَّعَامِ.	, „Asyratu al-Nisā“	حب الرجل بعض نسائه أكثر من بعض	Sahīh
6	يَا أُمَّ سَلَمَةَ لَا تُؤْذِنِي فِي عَائِشَةَ، فَإِنَّهُ وَاللَّهُ مَا أَتَانِي الْوُحْشِيَّ فِي لِحَافٍ امْرَأَةٌ مَنْكَرٌ إِلَّا هِيَ.	, „Asyratu al-Nisā“		Sahīh
7	أَوْحَى اللَّهُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا مَعَهُ، فَقُفِّمْتُ، فَأَجَحْفَتُ الْبَابَ بَيْنِي وَبَيْنَهُ،...	, „Asyratu al-Nisā“		Sahih Isnād
8	إِنَّ جِرْبِيلَ يَغْرُرُ عَلَيْكَ السَّلَامُ...	, „Asyratu al-Nisā“		Sahīh
9	لَا يُجْمِعُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَعَمَّتِهَا، وَلَا بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَخَالِتِهَا.	al-Nikāh	الجمع بين المرأة وخلافها	Hasan
10	يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَنْكِحْ بَنْتَ أَبِي -تَعْنِي أُخْتَهَا-	al-Nikāh		Sahīh

Rajah 2.6 Pecahan taraf hadith al-Nasā'ī




Sumber: Hasil Analisis Pengkaji

Jadual 2.8 Analisa Hadith-hadith berkaitan poligami mengikut Kitab dan Bab (Sunan Ibn Mājah)

Bil	Matan hadith	Kitab	Bab	Taraf
1	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَجَدَ عَلَى صَفِيَّةَ بْنَتِ حُبَيْبَيْ فِي شَيْءٍ ...	al-Nikāh	في القسم بين النساء	Da'if
2	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، كَانَ إِذَا سَافَرَ أَقْرَعَ بَيْنَ نِسَاءِهِ.	al-Nikāh		Sahīh
3	أَسْأَمْتُ وَعِنْدِي ثَمَانٌ نِسْوَةٌ، فَأَتَيْتُ الَّبَيْنَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، ...	al-Nikāh	الرجل يسلم وعنه أكثر من أربع نسوة	Hasan
4	أَسْأَمْ عَيْلَانُ بْنُ سَلَمَةَ وَحَتَّهُ عَشْرُ نِسْوَةً، ...	al-Nikāh		Sahīh
5	يَنْهَى عَنِ نِكَاحِيْنِ، أَنْ يَجْمِعَ الرَّجُلُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَعَمَّهَا، وَبَيْنَ الْمَرْأَةِ وَخَالَتِهَا.	al-Nikāh	لا تنكح المرأة على عماتها ولا على خالاتها	Sahīh
6	فَدِيمْتُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَعِنْدِي أَخْتَانَ تَرَوَجُّتُهُمَا فِي الْجَاهِلِيَّةِ، ...	al-Nikāh	الرجل يسلم وعنه اختنان	Hasan
7	يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَسْأَمْتُ وَحْتَيْ أَخْتَانِ، ...	al-Nikāh		Hasan

Rajah 2.7 Pecahan taraf Hadith Ibn Mājah



Sumber: Hasil Analisis Pengkaji


Berdasarkan analisa setiap hadith berkaitan poligami yang dikumpul didapati sebilangan besarnya adalah bertaraf sahīh dan selain itu hanya beberapa hadith yang bertaraf ḥasan dan ḏa'if. Ini menunjukkan bahawa kesemua hadith yang dikumpul merupakan hadith yang makbul. Kesemua hadith selain dari sahīh al-Bukhārī dan Muslim yang bertaraf sahīh adalah mengikut pandangan Sheikh al-Albānī. Jadual 2.9 memaparkan rumusan berkaitan kedudukan atau taraf kesemua hadith yang dibincangkan.

Jadual 2.9 Analisa taraf hadith yang di senaraikan

Bil	Sumber	Şahīh	Şahīh Isnād	Hasan Şahīh	Hasan	Da'if	Jumlah
1	Al-Bukhārī	15	-	-	-	-	15
2	Muslim	3	-	-	-	-	3
3	Abū Dāwūd	5	-	-	-	1	6
4	Al-Tirmidhī	1	-	-	-	-	1
5	Al-Nasā'ī	4	2	-	3	1	10
6	Ibn Mājah	3	-	1	2	1	7
	<b>JUMLAH</b>	<b>31</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>5</b>	<b>3</b>	<b>42</b>

Sumber: Hasil Analisis Pengkaji

Rajah 2.8 Pecahan hadith Mengikut Taraf



Sumber: Hasil Analisis Pengkaji

## 2.6. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, jumlah hadith poligami dalam *al-Kutub al-Sittah* adalah sebanyak 71 hadith. Namun setelah dianalisis dan mengambil kira hadith-hadith yang tidak berulang maka jumlahnya adalah sebanyak 42 hadith. Daripada jumlah itu pula terdapat sebanyak 31 daripadanya adalah hadith yang Şahīh manakala bakinya adalah bertaraf hasan şahīh, hasan dan da'if. Hadith-hadith yang dikenalpasti ini pula disusun mengikut tema yang ditentukan supaya ianya menjadi mudah untuk dirujuk.

Melalui bab ini juga telah menjelaskan bagaimana konsep poligami Islam yang telah diterjemahkan oleh baginda Rasuullah SAW sebagai *Qudwah Hasanah* yang perlu dicontohi oleh pengamal serta perancang poligami agar ianya dilaksanakan mengikut sunnah yang sebenar, seterusnya mencapai tujuan pelaksanaannya menurut Islam.

## **BAB 3 : PENGAMALAN KEHIDUPAN PASANGAN BERPOLIGAMI DI SELANGOR DALAM PERSPEKTIF SUNNAH**

### **3.1 PENGENALAN**

Melalui bab ini pengkaji akan membentangkan langkah-langkah kajian yang telah dilakukan, masalah-masalah yang dihadapi dalam melengkapkan kajian serta mengemukakan hasil kajian yang diperolehi melalui proses temu bual ke atas lima pasangan terpilih di negeri Selangor. Antara kriteria pemilihan pasangan ini adalah dalam kalangan pasangan yang mengamalkan poligami dan mengekalkan keharmonian rumah tangga mereka.

Pemilihan pasangan keluarga ini adalah berdasarkan pandangan dan penilaian pengkaji sendiri atas faktor-faktor berikut:

**Pertama** : Mampu mengekalkan keharmonian rumah tangga.

**Kedua** : Tidak merahsiakan perkahwinan baharu daripada pengetahuan isteri-isteri yang sedia ada. Walaupun terdapat responden yang berkahwin di luar Selangor, namun isteri-isteri yang sedia ada turut dimaklumkan sama ada sebelum atau selepas berkahwin.

**Ketiga** : Hubungan yang baik antara pasangan, di kalangan para isteri (madu), anak-anak dan keluarga.

**Keempat** : Prestasi kerja yang tidak terganggu, malah ada yang semakin meningkat dan cemerlang setelah melalui kehidupan berpoligami. Begitu juga urusan-urusan sosial yang lain seperti program-program dakwah, khidmat masyarakat, bersukan dan sebagainya.

**Kelima** : Menjadi rujukan kepada masyarakat dalam urusan rumah tangga terutama dalam pelaksanaan poligami

**Keenam** : Pemilihan 9 responden ini adalah berdasarkan kaedah kajian kes kolektif iaitu beberapa kes yang dipilih dengan teliti untuk dijadikan perbandingan yang dibuat di antara beberapa kes. Pemilihan kes ini membolehkan pengujian teori di antara beberapa kes. Ia juga melibatkan kajian beberapa kes serentak atau berturut-turut dalam usaha untuk menjana pemahaman yang lebih luas mengenai sesuatu isu.

### 3.2 LANGKAH-LANGKAH KAJIAN

Pengkaji telah melakukan langkah-langkah berikut sebagai persediaan untuk memulakan kajian:

- i. Merangka soalan-soalan yang akan digunakan semasa temu bual bersama responden.
- ii. Soalan-soalan yang dibina, disemak dan mendapat pegesahan daripada penyelia.
- iii. Mengenalpasti responden. Melalui perbincangan bersama penyelia, pengkaji telah menetapkan lima pasangan yang terdiri daripada 9 responden iaitu 5 suami dan 4 isteri yang bermadu. Pasangan-pasangan ini menetap di Selangor.
- iv. Mengadakan sesi temu bual. Untuk mengadakan sesi temu bual pengkaji telah melalui proses berikut:
  - Menghubungi responden melalui telefon terlebih dahulu bagi memastikan kesediaan pasangan terbabit untuk dijadikan sebagai responden.

- Menetapkan temujanji untuk ditemu bual dari segi tarikh, masa dan tempat. Perkara-perkara ini penting supaya objektif kajian dapat dicapai dengan baik dan memuaskan.
  - Pengkaji menghantar terlebih dahulu soalan-soalan melalui email supaya responden lebih bersedia dengan jawapan-jawapan yang akan ditemu bual. Ia juga dapat melancarkan lagi proses temu bual.
  - Menemubual responden pada tarikh, masa dan tempat yang ditentukan.
  - Terdapat juga maklumat-maklumat yang diperolehi melalui pemerhatian semasa proses temu bual dijalankan.
  - Beberapa soalan tambahan juga dikemukakan sebagai pelengkap kepada soalan-soalan yang sedia ada.
  - Temu bual yang dirangka dapat ditamatkan dalam tempoh 30-40 minit kadang-kadang berlangsung sehingga hampir dua jam. Ini kerana terdapat responden yang banyak menceritakan pengalaman, tips-tips sebagai panduan dan beberapa pandangan dan nasihat yang perlu juga dimasukan dalam kajian ini mengikut pandangan pengkaji
- v. Semua butiran maklumat dari responden telah dicatat dan dirakam.
- vi. Setelah kesemua maklumat terkumpul dari semua responden, pengkaji mengasingkanya mengikut kategori tertentu terlebih dahulu. Ini bagi memudahkan proses membuat analisa.
- vii. Seterusnya hasil dapatan temu bual tersebut dibuat analisis
- viii. Akhir sekali satu rumusan dan kesimpulan dibuat berkaitan dapatan kajian yang diperolehi. Beberapa cadangan dikemukakan sebagai pelengkap kepada kajian.

### **3.3 MASALAH-MASALAH DALAM KAJIAN**

Semasa proses untuk memulakan kajian beberapa masalah terpaksa dilalui oleh pengkaji. Walaubagaimanapun pengkaji tetap menghargai kerjasama dari kesemua responden yang ditemu bual bagi menjayakan kajian ini. Antara masalah-masalah yang dihadapi ialah:

- i. Responden menangguhkan, bahkan ada yang membatalkan temujanji yang telah ditetapkan disebabkan urusan kerja dan keluarga.
- ii. Ada responden yang tidak membuat persediaan dengan soalan-soalan yang diemailkan sebelum ditemu bual.
- iii. Ada responden yang tidak menjawab soalan yang dikemukakan, sebaliknya lebih berkongsi pengalaman yang dilalui.
- iv. Sukar untuk menemubual responden pihak isteri kerana komitmen kerja dan keizinan suami.

### **3.4 LAPORAN KAJIAN**

Untuk mendapat hasil kajian ini pengkaji telah menyediakan beberapa soalan yang digunakan semasa proses temu bual dengan responden terpilih. Antara persoalan yang dikemukakan ialah:

#### **3.4.1 Latar Belakang Responden**

Hasil daripada temu bual bersama kelima-lima responden pihak suami maka dapatlah dirumuskan di dalam jadual berikut:

Jadual 3.1. Rumusan Latar Belakang Responden

BIL	PERKARA	RESPONDEN (SUAMI)				
		(R1)	(R2)	(R3)	(R4)	(R5)
01	Umur	49	63	41	40	38
02	Taraf Pendidikan	Ijazah Sarjana	STPM	PhD	PhD	PhD
03	Pekerjaan	Guru	Pesara Kerajaan	Guru	Pensyarah	Pensyarah

04	Bilangan Isteri	2	2	4	2	2
05	Status isteri	I1 – Gadis I2 - Ibu Tunggal (Anak 3)	I1 – Gadis I2 - Ibu Tunggal (Anak 1)	I1 - Gadis I2 – Gadis I3 – Ibu Tunggal (Anak 2) I4 – Janda	I1 – Gadis I2 – Gadis	I1 – Gadis I2 – Gadis

Sumber: Temu bual, 29 Julai – 13 September 2016 (I = Isteri)

Daripada jadual di atas didapati kebanyakan yang mengamalkan poligami adalah berkahwin dua dan jarang yang berkahwin tiga atau empat. Daripada kelima-lima responden didapati perkahwinan pertama semuanya adalah perempuan berstatus gadis. Manakala dua daripada lima responden (40%) memilih ibu tunggal sebagai isteri kedua. Pemilihan isteri berstatus ibu tunggal ini berasaskan untuk memberi perlindungan serta membantu membesar anak-anak isteri baharu. Hal ini selari dengan perkahwinan Rasulullah SAW sendiri yang mengahwini perempuan yang kehilangan suami akibat perperangan demi membela nasib serta menjadi pelindung kepada mereka. Tujuan perkahwinan ini telah dijelaskan dalam bab dua.

Manakala tiga daripada lima responden (60%) tetap memilih perempuan berstatus gadis sebagai isteri kedua. Antara faktor pemilihan ini adalah kerana lebih suka membesar anak sendiri berbanding anak hasil orang lain. Daripada kesemua responden hanya R3 seorang sahaja (20%) yang mengahwini janda dengan alasan memelihara maruah janda itu daripada fitnah.

Hasil kajian juga didapati kesemua responden merupakan kakitangan dan pesara kerajaan yang boleh dikatakan mempunyai pendapatan bulanan yang tetap. Ini membuktikan bahawa kekuatan ekonomi merupakan faktor penting dalam menyempurnakan nafkah kepada isteri masing-masing. Faktor usia pula tidak menjadi permasalahan dalam berpoligami. Penyataan ini berdasarkan kepada R3 yang hanya berusia 35 tahun ketika berkahwin dengan isteri keempatnya.

### **3.4.2 Proses Perkahwinan.**

Proses perkahwinan yang dimaksudkan ialah proses atau prosedur perkahwinan untuk berpoligami, sama ada perkahwinan kedua, ketiga atau keempat. Mengikut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003<sup>110</sup> telah mensyaratkan kepada sesiapa yang memohon untuk berpoligami mendapat kebenaran mahkamah terlebih dahulu sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Seksyen 23(1) dan Seksyen 23 (4) dalam bab satu.

Melalui enakmen-enakmen ini, menjadi kewajipan kepada suami memohon kebenaran daripada pihak mahkamah untuk berpoligami. Pihak mahkamah pula akan memanggil isteri sedia ada. Proses ini perlu melalui tempoh masa yang amat bergantung kepada kerjasama daripada sekurang-kurangnya tiga pihak, iaitu pihak suami, pihak isteri sedia ada dan pihak bakal isteri yang baharu.

Hasil temu bual ke atas kelima-lima responden mendapati ada responden yang mengadakan perkahwinan di luar negeri Selangor (R1 dan R3), seperti Kelantan (R5), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (R2, R3-perkahwinan ketiga dan R4) dan ada juga berkahwin di luar Malaysia iaitu Thailand (R3-perkahwinan keempat). Namun kesemuanya telah mendaftar perkawinan baharu mereka di Mahkamah Syariah Negeri Selangor.

Apabila dikemukakan persoalan berkaitan proses perkahwinan yang telah dilalui oleh kesemua responden maka hasilnya adalah seperti berikut:

Jadual 3.2. Rumusan Proses Pendaftaran Perkahwinan

RESPONDEN	TEMPAT AKAD NIKAH	MAKLUMAN KEPADA ISTERI SEDIA ADA	PENDAFTARAN PERKAHWINAN
R1	Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat	Sebelum majlis akad nikah	Daftar di Selangor

<sup>110</sup> YAA Dr Haji Mohd Naim Bin Haji Mokkhtar (Ketua Hakim Syarie Selangor, Mahkamah Syariah Negeri Selangor) dalam Seminar Fiqh Poligami yang dianjurkan oleh K-Fiqh Sdn. Bhd. pada 19 Disember 2015 bertempat di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur.

R2	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kualan Lumpur	Sebelum majlis akad nikah	Daftar di Selangor
R3	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kualan Lumpur	Selepas majlis akad nikah	Daftar di Selangor
	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kualan Lumpur	Selepas majlis akad nikah	Daftar di Selangor
	Thailand	Sebelum majlis akad nikah	Daftar di Selangor
R4	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kualan Lumpur	Selepas majlis akad nikah	Daftar di Selangor
R5	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kualan Lumpur	Sebelum majlis akad nikah	Daftar di Selangor

Sumber: Temu bual, 29 Julai – 13 September 2016 (I = Isteri)

Responden juga dikemukakan soalan tambahan berkaitan keperluan meminta izin isteri sedia ada untuk berkahwin lagi. Dua daripada lima responden yang ditemu bual menyatakan bahawa: “*Jika diminta izin atau ditanya persetujuan isteri sedia ada, maka sudah tentu jawapannya tidak bersetuju dan boleh dikatakan bahawa 95% perempuan tidak bersetuju suaminya berpoligami. Manakala 4% yang bersetuju itu pula bersyarat. Syarat ini saya katakan sebagai syarat berangkai. Contohnya bila syarat pertama dipenuhi akan ada syarat kedua. Jika syarat kedua dipenuhi pula, maka akan ada syarat ketiga. Begitulah seterusnya. Sebenarnya syarat-syarat itu diadakan bertujuan untuk menghalang lelaki berpoligami*”. Hanya 1% sahaja yang bersetuju tanpa syarat, itu pun kerana pasrah atau tiada pilihan.<sup>111</sup>

R4 pula berpendapat bahawa “...meminta kebenaran atau memaklumkan kepada isteri sedia ada untuk berpoligami merupakan langkah yang susah. Kenapa perlu pilih

---

<sup>111</sup> Responden 3 dalam temubual dengan pengkaji, 7 September 2016

*langkah itu? Sedangkan ada jalan altenatif yang senang (berkahwin dulu barulah maklum)”.<sup>112</sup>*

Hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa kelima-kelima responden mengikut prosedur dan undang yang digariskan. Walaupun meminta izin atau memaklumkan kepada isteri sedia ada bukan menjadi syarat sah dari segi hukum syarak namun undang-undang juga perlu dipatuhi untuk mengelak berlakunya fitnah yang membawa kepada permasalahan yang mungkin timbul dikemudian hari.

Berdasarkan pemerhatian dan kajian pengkaji sendiri bahawa antara fitnah dan permasalahan yang mungkin berlaku dan telah pun berlaku adalah seperti berikut:

- Suami hidup dalam pembohongan bersama isteri atau isteri-isteri yang sedia ada kerana merahsiakan perkahwinan yang baru.
- Perebutan harta pusaka di antara waris
- Terputusnya silaturahim dalam kalangan keluarga.
- Penganiayaan terhadap isteri-isteri, kesan daripada ketidakmampuan suami dalam memberi nafkah.
- Pergaduhan antara madu setelah berlakunya kematian suami.
- Mencemarkan kesucian agama Islam
- Anak-anak menjadi mangsa jika pergaduhan berlaku dan jalan penyelesaian terakhirnya adalah perceraian.

### **3.4.3 Tujuan Berpoligami.**

Daripada kajian atau temu bual yang dibuat terdapat kepelbagaiantujuan dalam melaksanakan poligami dalam kehidupan. Ini bergantung kepada keperluan hidup, peranan individu dalam masyarakat dan kefahaman konsep poligami itu sendiri. Secara umumnya kesemua responden menyatakan tindakan berpoligami adalah bersandarkan

---

<sup>112</sup> Responden 4 dalam temubual dengan pengkaji, 10 September 2016

kepada sunnah baginda Rasulullah SAW. Sebagaimana yang dinyatakan dalam bab kedua bahawa poligami Rasulullah SAW adalah antaranya bertujuan untuk membela janda, ibu tunggal dan anak-anak yatim. Di samping itu ada yang berpoligami bertujuan untuk mengembangkan dakwah dalam masyarakat.

Oleh kerana itulah R1 dan R2 menyatakan bahawa tujuan mereka berpoligami adalah untuk memastikan ibu tunggal ini terbela di samping memastikan anak-anak isteri baharu dapat membesar dengan sempurna serta mendapat perhatian dan kasih sayang daripada seorang bapa.

Selain itu, R3 pula menyatakan bahawa baginda berpoligami bertujuan untuk menyelamatkan kaum wanita dengan katanya: “...antara tujuan saya berpoligami adalah untuk menyelamatkan muslimat dari ancaman musuh-musuh Islam. Hari ini kita lihat bagaimana serangan daripada pihak musuh datang dalam pelbagai bentuk terhadap kaum wanita Islam (Muslimat). Antara yang terancam atau yang telah menjadi mangsa ialah ibu tunggal, janda, andartu (anak dara tua) dan perempuan yang kematian suami. Contohnya ancaman melalui seks bebas, LGBT (lesbian, gay, biseksual dan transgender), nikah mut’ah yang dihalalkan oleh fahaman syiah dan sebagainya. Kalau kita tidak mengahwini muslimat-muslimat kita, maka suatu hari nanti akan rosaklah masyarakat kita dengan lahirnya anak-anak yang tidak sah taraf. Cuba kita bayangkan suatu hari nanti berapa ramaikah anak-anak ini akan dilahirkan dan mereka akan membesar dan tidak mustahil mereka akan menjadi sebahagian daripada keluarga kita. Jadi bagaimanakah cara untuk menyelamatkan perkara ini terus berlaku?. Maka melalui perkahwinan (poligami) inilah kita mampu menyelamatkan mereka daripada terjerumus ke lembah kebinasaan. Sekurang-kurangnya saya telah menyelamat empat muslimat kita...”<sup>113</sup>

---

<sup>113</sup> Responden 3 dalam temubual dengan pengkaji, 7 September 2016

Manakala R4 dan R5 berpoligami bertujuan untuk memenuhi keperluan hidup di samping mengembangkan dakwah ke dalam keluarga isteri baharu. Ini dapat dibuktikan melalui perkahwinan kedua R4 dapat membimbing isteri ke arah yang lebih baik dari aspek pakaian, pergaulan, penjagaan maruah dan akhlak. Malah sebahagian keluarga juga berjaya dibimbing ke arah kehidupan beragama.<sup>114</sup>

Daripada kajian dapatlah dirumuskan bahawa kesemua responden mengamalkan poligami mempunyai tujuan tertentu dan bukanlah satu hiburan atau perkara yang boleh diambil mudah. Ini kerana konsep perkahwinan itu sendiri merupakan ibadat yang mempunyai hukum-hukum yang wajib dipatuhi. Oleh kerana itu perlaksanaan poligami ini perlulah mempunyai tujuan yang jelas supaya ianya selari dengan sunnah baginda Rasulullah SAW.

#### **3.4.4 Konsep Keadilan (giliran/undian).**

- i. Giliran bermalam.

Hasil temu bual ke atas kelima-lima responden berkaitan giliran bermalam dapat dinyatakan di sini bahawa penggiliran ini adalah bergantung kepada bagaimana setiap pasangan menguruskan rumah tangga masing-masing. Ia juga bergantung kepada tempat tinggal pasangan dan lokasi tempat kerja juga mempengaruhi jadual penggiliran setiap pasangan. Ini kerana penggiliran kelima-lima responden ini adalah berbeza sebagaimana berikut:

- Pertama: Selang satu hari. Pembahagian ini adalah kerana isteri-isteri tinggal berdekatan dan bekerja dilokasi yang dekat. Untuk berulang alik setiap hari tidak menimbulkan masalah.

---

<sup>114</sup> Responden 4 dalam temubual dengan pengkaji, 10 September 2016

- Kedua: Selang dua hari dan setiap hujung minggu bersama isteri keempat: hal ini kerana isteri keempat tinggal jauh (Pahang) manakala isteri pertama, kedua dan ketiga tinggal berdekatan.
- Ketiga: Ikut keperluan. Ia bermaksud adakala selang sehari dan adakala selang dua hari. Ini bergantung kepada urusan kerja.
- Keempat: Setiap hujung minggu bersama isteri pertama kerana tinggal jauh (Kelantan).

Melalui kajian yang dibuat dapatlah dirumuskan bahawa setiap pengiliran ini adalah bersandarkan kepada apa yang diamal oleh baginda Rasulullah SAW yang telah djelaskan melalui hadith-hadith dalam bab dua.

#### ii. Berhari raya

Manakala giliran berhari raya pula didapati kelima-lima responden memiliki cara tersendiri bergantung kepada kebijksanaan suami sebagai ketua dan penentu dalam membuat keputusan di samping perbincangan bersama dalam menguruskan kebahagiaan rumah tangga.

Secara umumnya dapat dirumuskan bahawa terdapat dua pilihan responden dalam membuat giliran berhari raya iaitu:

- Ikut giliran: sehari di rumah isteri pertama dan sehari di rumah isteri kedua atau sebaliknya. Semasa beraya di rumah isteri pertama maka dibawa bersama isteri kedua. Semasa beraya di rumah isteri kedua maka akan dibawa bersama isteri pertama
- Isteri-isteri beraya di rumah masing-masing. Manakala suami akan bergerak mengikut giliran bermalam.

#### iii. Bercuti dan bermusafir

Sebagaimana yang dinyatakan dalam bab dua bahawa Rasulullah SAW mengadakan undian jika ingin keluar bermusafir maka begitu juga cara yang diamalkan oleh kelima-lima responden. Namun tidak semua bergantung sepenuhnya kepada hasil undian kerana ia juga bergantung kepada faktor isteri-isteri yang bekerjaya. Apa yang diberi perhatian ialah konsep keadilan dipenuhi.

Sebagai contoh yang dinyatakan oleh R4 bahawa pernah membawa isteri pertama ke Australia kerana urusan keluarga sambil bercuti, maka tahun berikutnya baginda membawa isteri kedua pula bercuti ke Turkey.<sup>115</sup> Ini bermakna mengundi bukan syarat untuk adil, tetapi ia merupakan salah satu kaedah untuk berlaku adil.

Untuk memenuhi konsep keadilan dalam giliran bercuti ini pihak suami mestilah memiliki kekuatan kewangan yang baik. Maka tidak hairanlah jika masyarakat luar berpendapat bahawa faktor kewangan merupakan antara faktor terpenting dalam menguruskan pasangan berpoligami. Ini kerana ramai yang berhasrat untuk berpoligami tidak dapat merealisasikannya kerana faktor kemampuan kewangan.

#### **3.4.5 Hubungan Anak-Anak dan Keluarga.**

Kesemua responden yang ditemui bual menjelaskan bahawa hubungan anak-anak adalah baik dan tidak ada sebarang masalah. Hal ini disebabkan anak-anak semuanya masih kecil.

Berlainan pula hubungan dengan keluarga. Kesemua responden menyatakan bahawa hubungan keluarga pada peringkat awal adalah menghadapi sedikit tentangan. Tentangan daripada pihak keluarga ini bersifat normal atas alasan bimbang ianya boleh membawa kesan buruk kepada keluarga yang sedia ada atau yang baharu yang akhirnya akan membawa kepada perselisihan, pergaduhan dan perceraian.

---

<sup>115</sup> Responden 4 dalam temubual dengan pengkaji, 7 September 2016

Setelah responden mengamalkan poligami dan melaksanakan tanggungjawab dengan baik maka masalah hubungan kekeluargaan menjadi baik bahkan sentiasa memberi sokongan kepada pasangan. Ini dapat dibuktikan apabila tiba sambutan hari raya maka sambutan dan layanan dari mentua kedua-dua pihak adalah sama. Antara isteri saling bertukar hadiah apabila ulangtahun kelahiran. Program ziarah menziarahi ahli keluarga juga mengeratkan lagi perhubungan pasangan.

### **3.4.6 Masalah dan Langkah Penyelesaian**

„*Sedangkan lidah lagi tergigit*“ inilah pepatah melayu yang biasa kita dengar dalam mengisahkan perihal berkaitan hubungan suami isteri. Permasalahan dalam melayari bahtera rumah tangga ini merupakan asam garam yang biasa dilalui oleh pasangan suami isteri. Kadangkala ianya menjadi penyebab kepada hubungan pasangan menjadi semakin erat. Namun kadangkala masalah yang dihadapi ini jika tidak ditangani dengan baik maka akan membawa kepada pergaduhan dan perceraian.

Hasil kajian yang dibuat mendapati bahawa pasangan berpoligami tidak terkecuali dalam menghadapi masalah rumah tangga. Bahkan ianya lebih rumit untuk diselesaikan. Ini kerana banyak pihak yang perlu dihadapi oleh suami selaku ketua keluarga dalam mencari jalan penyelesaian. Maka tidak hairanlah jika negeri Selangor mencatat rekod perceraian tertinggi selama tiga tahun berturut-turut iaitu 11,297 kes (2014), 11,873 kes (2015) dan 7,731 kes (2016).<sup>116</sup>

Melalui temu bual terhadap responden mendapati kesemua responden menyatakan bahawa ianya bergantung kepada kebijaksanaan suami yang menghadapi dan mencari jalan penyelesaian. Namun ianya juga bergantung kepada kerjasama isteri-isteri. Daripada kajian ini juga dapatlah dirumuskan bahawa terdapat beberapa langkah

---

<sup>116</sup> Azizah Mohd Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dewan, Persidangan Dewan Rakyat pada 13 November 2016.

yang diambil oleh responden dalam menyelesaikan masalah rumah tangga yang dihadapi.

i. Kembali kepada agama (al-Quran dan al-Hadith)

Islam merupakan agama yang diutuskan untuk menyelesaikan masalah dalam semua aspek kehidupan manusia. Ajaran Islam yang syumul ini adalah selari dengan fitrah semulajadi manusia yang inginkan kedamaian dan kesejahteraan dalam kehidupan. Maka sudah tentulah ianya menjadi sumber menyelesaikan masalah rumah tangga.

Firman Allah:

فَإِنْ تَنْزَعُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ  
ذَلِكَ حَيْثُ وَأَحَسَنُ تَأْوِيلًا

Surah al-Nisā“ 4: 59

Terjemahan: Maka sekiranya kamu berselisihan dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran ) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

Dalam bab dua pengkaji juga telah menyenaraikan hadith-hadith sebagai sumber rujukan dalam meneladani kehidupan Rasulullah SAW berpoligami. Apa yang perlu diingatkan bahawa syaitan sentiasa sedaya upaya untuk meruntuhkan rumah tangga yang dibina melalui pelbagai cara. R3 turut berkongsi ilmu dengan menyatakan bahawa: “Ada empat kelemahan manusia yang syaitan boleh goda: lalai, kecewa, marah dan nafsu. Baginda yang sedang menyiapkan pengajian Phdnya menambah lagi: “...terdapat tiga cara menyelesaikan masalah yang dihadapi iaitu: kebijaksanaan, pengalaman yang sedia ada dan melalui kajian yang dibuat.”

## ii. Kebijaksanaan suami

Suami merupakan ketua keluarga, maka suamilah yang bertanggungjawab memimpin keluarga ke arah jalan yang diredhai Allah. Apa jua bentuk permasalahan yang timbul perlu hadapinya dengan bijaksana. Jika tindakan yang diambil salah maka bukan sahaja hubungan suami isteri yang bercerai bahkan perbalahan mungkin akan melibatkan keluarga dan akhirnya memberi kesan yang besar kepada anak-anak. Dalam hadith :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ سَمَعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ  
كُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ فَالْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ فِي أَهْلِهِ رَاعٍ وَهُوَ  
مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالمرْأَةُ فِي بَيْتِ رَوْجَهَا رَاعِيَةٌ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا وَالْحَادِمُ فِي  
مَالِ سَيِّدِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ قَالَ فَسَمِعْتُ هُؤُلَاءِ مِنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ وَأَخْسِبَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَالرَّجُلُ فِي مَالِ أَيِّهِ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ  
رَعِيَّتِهِ فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Terjemahan: Daripada „Abd Allah bin „Umar RA bahawa dia mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan akan diminta bertanggungjawab atas yang dipimpinnya. Seorang imam adalah pemimpin dan akan diminta bertanggungjawab atas rakyatnya. Seorang suami dalam keluarganya adalah pemimpin dan akan diminta bertanggungjawab atas orang yang dipimpinnya. Seorang isteri di dalam rumah tangga suaminya adalah pemimpin dia akan diminta bertanggungjawab atas siapa yang dipimpinnya. Seorang pembantu dalam urusan harta tuannya adalah pemimpin dan dia akan diminta bertanggungjawab atasnya. Dia berkata; "Aku mendengar semuanya ini dari Nabi SAW dan aku menduga Nabi SAW juga bersabda: "Dan seseorang dalam urusan harta ayahnya adalah pemimpin dan akan diminta bertanggungjawab atasnya. Maka setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan diminta bertanggungjawab atas yang dipimpinnya"<sup>117</sup>.

R3 turut berpendapat bahawa suami juga perlu bijak menguruskan keranah para isteri. Ini kerana kelemahan isteri (kaum hawa) mudah dipengaruhi unsur-unsur yang negatif. Contohnya mudah merajuk, cemburu tidak bertempat, mudah kecewa, sensitif dan sering menganggap penceraian sebagai jalan penyelesaian masalah rumah tangga

<sup>117</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-„itqu, Bab al-,Abdu Ra“in Fī Māli Saiyidihi, no Hadith 2558. Lihat *Şahih al-Bukhārī* dalam *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Şalih bin „Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 201. Diriwayat juga oleh Muslim, Kitab al-Imārah, Bab Faḍhilatū al-Amīr al-,Ādil wa „Uqūbatu al-Jāizu Wa al-Hithu ,Ala al-Rifqi, no Hadith 4724, Lihat *Şahih Muslim* dalam *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Şalih bin „Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1005.

tanpa memikirkan kesan buruk terhadap hubungan kekeluargaan dan anak-anak. Jika suami tidak bijak menguruskan permasalahan ini maka hubungan yang terbina tidak akan kekal lama.<sup>118</sup>

iii. Peranan dan kerjasama isteri

Disebalik kejayaan suami biasanya ada kehebatan isteri. Suami yang hebat sekalipun jika tidak mendapat sokongan isterinya maka agak sukar untuk mencapai kejayaan dan kebahagiaan rumah tangga. Banyak bukti sejarah boleh dilihat Sebagai contohnya peranan Saidatina Khadijah ketika mententeramkan baginda Rasulullah SAW dalam ketakutan ketika peristiwa penerimaan wahyu pertama sebagai bukti pentingnya peranan isteri dalam institusi keluarga bahagia. Begitu juga dalam perjuangan baginda ketika awal Islam di Mekah.

Maka tidak hairanlah jika R1 mengatakan bahawa baginda mampu berpoligami bukan kerana kehebatannya, akan tetapi kerana besarnya pengorbanan isterinya (sedia ada) yang memberi keizinan. Berapa ramai suami hari ini yang berkeinginan untuk berpoligami walaupun ada kemampuan, namun tidak dapat merealisasikan hasrat itu tanpa mendapat keizinan daripada isteri. Di samping itu berapa ramai juga suami yang berpoligami dan mencapai kebahagiaan disebabkan memiliki isteri yang hebat.<sup>119</sup>

Sebagai menyokong perentingnya peranan isteri dalam menyelesaikan masalah rumah tangga maka R4 berkongsi pengalaman isteri pertama yang banyak membantu isteri kedua ketika bersalin dan berpantang.

iv. Tidak terpengaruh pandangan negatif dari pihak luar

Dalam menyelesaikan masalah rumah tangga pelbagai langkah boleh diambil namun keluarga perlu bijak memilih antara langkah-langkah itu supaya masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan baik dan bukan melalui jalan penceraian. Kesemua responden

---

<sup>118</sup> Responden 3 dalam temubual dengan pengkaji, 7 September 2016

<sup>119</sup> Responden 1 dalam temubual dengan pengkaji, 29 Julai 2016

berkongsi pandangan yang sama iaitu masalah rumah tangga yang dihadapi sedaya upaya diselesaikan sendiri dan tidak perlu campurtangan daripada orang lain. Ini kerana orang lain tidak tahu punca masalah yang berlaku.

Para responden juga berpandangan bahawa mustahil rumah tangga yang dibina tiada masalah. Lebih-lebih lagi yang berpoligami. Namun ianya amat bergantung kepada orang yang menghadapi masalah itu sendiri. Jika kecil permasalahannya maka tidak perlulah dipanjangkan sehingga melibatkan orang lain, termasuklah keluarga sendiri. Jika tidak masalah yang kecil boleh bertukar menjadi masalah yang besar.

Manakala R3 berkongsi pandangan baginda bahawa hari ini banyak pasangan yang menyelesaikan masalah rumah tangga dengan menerima pandangan daripada orang lain. Sedangkan orang lain tidak memahami situasi dan punca permasalahan setiap pasangan. Akhirnya orang lain memberi cadangan yang negatif, seolah-olah menyimbah minyak pada bara api. Asalnya masalah yang kecil, akhirnya berakhir dengan perceraian.

Manakala R4 pula berpandangan bahawa masyarakat hari ini dimomokkan dengan buruknya poligami, sengsaranya hidup bermadu, apabila bermadu maka mesti berlakunya pergaduhan. Hal ini ditambah pula dengan cerita di media-media cetak dan elektronik yang mengisahkan keburukan kehidupan berpoligami. Maka sudah tentu pengaruh negatif itu menjadi sebatи dengan masyarakat. Sedangkan berapa ramai yang berpoligami mencapai kebahagiaan dalam rumah tangga mereka tidak pula ditonjolkan dan diambil contoh pengajaran.

Maka apa yang dapat dirumuskan di sini bahawa setiap permasalahan ada jalan penyelesaiannya. Ia amat bergantung kepada individu ataupun keluarga itu menguruskan permasalahan yang dihadapi dengan berpandukan ajaran-ajaran yang telah digariskan oleh al-Quran dan hadith- hadith baginda Rasulullah SAW. Jika salah panduan maka

salahlah jalan penyelesaiannya. Setiap pasangan perlu ingat bahawa iblis sentiasa berusaha untuk menyesatkan manusia. Sebagaimana janjinya yang dirakamkan dalam firman Allah:

قَالَ فَيُعَذِّبْكَ لَا يُغُرِّيَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ  
AT

Surah Al-Şād 38: 82

Terjemahan: Iblis berkata: "Demi kekuasaanmu (Wahai Tuhanku), Aku akan menyesatkan mereka (manusia) semuanya"

### 3.4.7 Panduan-Panduan Kebahagiaan Rumah tangga Berpoligami

Panduan-panduan ini merupakan hasil pengalaman yang telah dilalui oleh setiap responden yang ditemui. Panduan-panduan ini bergantung juga kepada bagaimana rumah tangga tersebut diurustadbir. Keperluan-keperluan lain seperti kerjaya, sokongan keluarga, kekuatan kewangan dan anak-anak juga turut menjadi faktor kebahagiaan.

Panduan-panduan ini telah dirumuskan dalam jadual berikut :

Jadual 3.3. Panduan-panduan Kebahagian Rumah tangga Berpoligami

R1	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kerjasama isteri-isteri sangat penting.</li> <li>Berikan tumpuan kepada anak-anak</li> </ol>
R2	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kebijaksanaan suami dalam menguruskan rumah tangga</li> <li>Kerjasama isteri-isteri dan tolak ansur sangat penting.</li> <li>Jika ada masalah tidak perlu dipanjangkan. Usaha selesaikan bersama.</li> <li>Berpandangan positif atau bersangka baik.</li> </ol>
R3	<ol style="list-style-type: none"> <li>Suami tidak boleh ego</li> <li>Jika melakukan kesalahan, rendah diri mohon maaf</li> <li>Sentiasa sebut "<i>saya sayang awak</i>" kepada isteri</li> <li>Sentiasa puji kebaikan isteri</li> <li>Elakkan campurtangan pihak ketiga</li> <li>Sentiasa bergurau dengan mereka</li> </ol>
R4	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kewangan kena kukuh</li> <li>Ilmu pengurusan keluarga kena mantap</li> <li>Ketegasan dari pihak suami</li> </ol>
R5	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kestabilan kewangan</li> <li>Kekuatan mental</li> <li>Hargai pasangan kita (puji/hadiah/perhatian)</li> <li>Orang lain tak perlu masuk campur, hatta keluarga sekalipun. Melainkan masalah besar.</li> <li>Bertolak ansur</li> </ol>

Sumber: Hasil dapatan kajian melalui temu bual

Berdasarkan kepada Jadual 3.3 berkaitan panduan-panduan kebahagian rumah tangga berpoligami dapatlah dirumuskan bahawa kerukunan dan kebahagiaan sesebuah rumah tangga itu bergantung kepada tiga faktor utama:

**Pertama: Kebijaksanaan suami sebagai pemimpin.**

Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa suami berperanan sebagai ketua keluarga yang merupakan tunjang kebahagian dalam rumah tangga. Suami perlu memiliki sifat kepimpinan dalam mengurus tadbir keluarga. Adakala suami memerlukan ketegasan dan adakala perlu juga bertolak ansur. Sifat ego, sompong perlu dihindari. Sering menghargai pengorbanan isteri seperti menyediakan hadiah, memuji-muji kebaikan isteri dan sentiasa memaafkan kesalahan isteri amat perlu diamalkan demi menjaga keharmonian rumah tangga berpoligami.

**Kedua: Kerjasama daripada isteri-isteri.**

Sejauhmana pun kebijaksanaan suami jika tidak mendapat sokongan dan kerjasama isteri sudah pasti kebahagian yang dibina tidak kekal lama. Isteri juga perlu memahami tangungjawab dan amanah yang dipikul oleh suami. Ada suami yang gagal disebabkan sikap isteri yang tidak memberi sokongan. Ada juga suami yang berjaya bahkan cemerlang memimpin keluarga dengan sokongan isteri. Oleh kerana itu ilmu pengurusan rumah tangga ini bukan sahaja perlu dimiliki suami bahkan isteri juga turut memilikinya.

**Ketiga: Kewangan yang baik.**

Faktor ini merupakan faktor luaran yang tidak kurang pentingnya terutama untuk memenuhi konsep keadilan dalam berpoligami. Kemampuan kewangan ini bukan semestinya memiliki duit yang banyak atau harta yang bertimbun tetapi ia bergantung kepada bagaimana menguruskan kewangan yang dimiliki. Sebagaimana yang diketahui bahawa kehidupan Rasulullah SAW yang tidak memiliki harta yang banyak namun

masih mampu berlaku adil kepada semua isteri baginda. Andai sekiranya tidak mampu menguruskan kewangan, bukan keluarga berpoligami sahaja yang beramasalah tetapi yang bermonogami juga mungkin bermasalah.

### **3.4.8 Temu bual bersama para isteri yang bermadu**

Bagi melengkapkan kajian ini pengkaji juga turut menemubual pihak isteri yang bermadu. Seramai empat orang isteri telah ditemu bual yang terdiri daripada dua orang isteri pertama seorang isteri kedua dan seorang isteri keempat. Beberapa soalan telah dikemukakan.

Jadual 3.4. Rumusan Latar Belakang Responden

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>RESPONDEN (ISTERI)</b>			
		<b>(R6)</b>	<b>(R7)</b>	<b>(R8)</b>	<b>(R9)</b>
01	Umur	43	63	39	40
02	Taraf Pendidikan	Sarjana Muda	SPM	Sarjana Muda	Diploma
03	Pekerjaan	Guru	Suri rumah	Suri rumah	Ahli peniagaan
04	Status	Isteri pertama	Isteri pertama	Isteri kedua	Isteri keempat
05	Status ketika berkahwin	Gadis	Gadis	Gadis	Janda

Sumber: Temu bual bersama para isteri yang bermadu, 29 Julai – 13 September 2016

#### **i. Penerimaan konsep poligami**

Secara umumnya kesemua isteri yang ditemu bual berpendapat bahawa poligami ini sebenarnya baik dan banyak memberi manfaat kerana ianya datang dari syariat Islam, namun ianya amat bergantung kepada bagaimana ianya diurustadbir oleh suami sebagai ketua keluarga di samping mendapat kerjasama yang baik daripada para isteri. “*Andai pasangan yang bermonogami sekalipun turut menghadapi masalah rumah tangga jika*

*pengurusan keluarga tidak baik. Apatah lagi yang memikul tanggungjawab lebih besar daripada itu (poligami)”<sup>120</sup>.*

Para isteri juga ditanya berkaitan reaksi awal apabila mengetahui bahawa mereka bermadu. R6 dan R7 menyatakan bahawa pada hakikatnya memang terasa kecewa kerana merasa diri seperti tidak sempurna. Setelah beberapa tempoh masa berlalu, ianya dapat diterima dengan baik. Asas penerimaan ini adalah ketaatan kepada suami dan mengharapkan keredhaan Allah semata-mata.

Manakala R8 merupakan isteri kedua menyatakan bahawa: “*Sebelum berkahwin suami mempertemukan kami (isteri pertama suami). Perhubungan kami amat baik sebelum bermadu lagi. Setelah bermadu perhubungan semakin erat. Kami pernah tinggal sebumbung. Kami saling bantu membantu dan kehidupan kami amat bahagia*”<sup>121</sup>.

Manakala R9 pula menyatakan kebahagiaannya bersama tiga madu yang sangat memahami. Oleh kerana baginda seorang usahawan dan tidak terikat dengan waktu kerja maka banyak ruang boleh dimanfaatkan dengan menziarahi madu-madu yang lain. “*Saya isteri keempat pada awalnya terasa sangat rendah diri seperti menumpang kasih, tapi Alhamdulillah mereka semua dapat menerima saya dengan baik.*”<sup>122</sup>

## **ii. Pembahagian giliran**

Kesemua isteri yang ditemu bual menyatakan bahawa keputusan bilangan giliran ini dibuat berdasarkan persetujuan bersama dan para isteri ikut sahaja. Apa yang penting bagi mereka mendapat keadilan dan pada masa yang sama mendapat redha suami. Adakalanya mereka bertukar-tukar giliran atas beberapa sebab-sebab tertentu seperti suami bekerja diluar kawasan dan tidak ada kesempatan untuk pulang mengikut giliran

<sup>120</sup> Responden 6 dalam temubual dengan pengkaji, 9 Oktober 2016

<sup>121</sup> Responden 8 dalam temubual dengan pengkaji, 2 November 2016

<sup>122</sup> Responden 9 dalam temubual dengan pengkaji, 28 Oktober 2016

dan kadang-kadang masalah kesihatan. Kesihatan ini sama ada pihak suami atau dari pihak isteri terutama ketika hampir bersalin dan awal pantang. “*Sepanjang tempoh saya berpantang, madu saya yang jaga saya dan begitu juga ketika madu saya yang berpantang. Kami rasa beruntung kerana bermadu dan kami rasa amat bahagia. Hidup kami saling lengkap melengkapinya. Kami juga kerap bercuti bersama*”<sup>123</sup>.

R9 turut berkongsi pengalaman baginda ketika suami ditahan di wad kerana sakit. Para isteri seramai empat orang bergilir menemani suami sepanjangan berada di hospital. Isteri yang bekerja tak perlu mengambil cuti. “*Kami susun jadual mengikut giliran dan mengikut persetujuan bersama, kami nampak inilah kelebihan keluarga berpoligami*”<sup>124</sup>.

### **iii. Hubungan bersama keluarga**

Diperingkat awal perkahwinan hubungan antara keluarga madu tidak begitu mesra. Faktor ini disebabkan oleh perkenalan yang masih baru dan belum mengenali dengan lebih dekat. Namun hubungan keluarga ini semakin baik dan mesra. “*Kunjung mengunjungi kerap diadakan antara keluarga kami terutama ketika sakit, hari raya dan kenduri kendara. Sekarang ini dah jadi satu keluarga yang besar. Secara peribadi saya katakan sayalah yang rasa paling bahagia di saat berkumpul bersama keluarga madu*”<sup>125</sup>.

### **iv. Masalah dan penyelesaiannya**

Jadual 3.5. Masalah dan Langkah Penyelesaian

RESPONDEN	MASALAH	PENYELESAIAN
R6	“Sudah tentu ada, yang bermonogami pun bermasalah, apatah lagi kami yang bermadu”	<i>Kami segera bincang bersama untuk elakkan ianya berpanjangan. Kadang-kadang saya mengalah demi untuk kebaikan bersama.</i>

<sup>123</sup> Responden 8 dalam temubual dengan pengkaji, 2 November 2016.

<sup>124</sup> Responden 9 dalam temubual dengan pengkaji, 28 Oktober 2016.

<sup>125</sup> Responden 8 dalam temubual dengan pengkaji, 2 November 2016 dan Responden 9, 28 Oktober 2016.

R7	<i>"Hanya sekadar perkara-perkara kecil sahaja dan tidak serius"</i>	<i>Kami bincang bersama dan biasanya suami yang membuat keputusan, kami sebagai isteri ikut saja</i>
R8	<i>Alhamdulillah setakat ni tiada masalah yang besar dalam keluarga kami</i>	<i>Kami bincang bersama. Apa yang penting kebahagiaan keluarga dapat dikekalkan</i>
R9	<i>Itu perkara biasa tetapi tidaklah membawa kepada perselisihan antara kami</i>	<i>Pihak terlibat sahaja yang berbincang. Suami selalu tegaskan agar tidak melibatkan orang luar dalam menyelesaikan masalah keluarga kami.</i>

Sumber: Temu bual bersama para isteri yang bermadu, 29 Julai – 13 September 2016

Seperti pasangan yang lain pasangan poligami juga menghadapi masalah dalam melayari bahtera rumah tangga. Berdasarkan jadual di atas dapatlah dijelaskan bahawa kesemua responden berpengalaman menghadapi masalah dalam rumah tangga dan mempunyai cara tersendiri dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Peranan suami dan kerjasama isteri-isteri merupakan faktor utama dalam menentukan tindakan dalam usaha mengekalkan keharmonian rumah tangga.

Jadual 3.6. Perasaan Cemburu Dan Langkah Penyelesaian

RESPONDEN	CEMBURU	PENYELESAIAN
R6	<i>Jujur saya katakan bahawa perasaan tu memang selalu.</i>	<i>Pandai-pandailah kita kawal, jangan sampai merosakkan hubungan keluarga.</i>
R7	<i>Masa muda-muda dulu memang sensitif, sekarang dah kurang. Mungkin dah jadi kebiasaan.</i>	<i>Biasanya saya tidak mengikut perasaan. Kadang-kadang sibukkan diri dengan tugas-tugas harian. Sekarang saya bersama cucu-cucu pula.</i>
R8	<i>Ummu Mukminat pun cemburu, apatah lagi saya. Kerana sifat ini merupakan fitrah manusia</i>	<i>Prinsip saya ialah akan memberi layanan yang terbaik untuk suami. Di samping menghormati madu</i>
R9	<i>Tipu jika tiada perasaan cemburu Cuma bagaimana ianya boleh diuruskan oleh kita sendiri.</i>	<i>Tunaikan amanah dan tanggungjawab sebagai isteri sebaik mungkin. InsyaAllah akan bantu kita. Di samping kena memahami juga perasaan orang lain (madu-madu). Maklumlah berkongsi kasih sayang suami.</i>

Sumber: Temu bual bersama para isteri yang bermadu, 29 Julai – 13 September 2016

Jadual di atas juga menjelaskan bahawa perasaan cemburu ini merupakan fitrah yang tidak boleh dihilangkan daripada sifat kemanusiaan. Akan tetapi kejayaan pasangan poligami ini mengekalkan kebahagiaan rumah tangga sangat bergantung kepada bagaimana perasaan itu dikawal dan diuruskan dengan baik sehingga ianya tidak membawa kepada permasalahan rumah tangga yang merumitkan.

### **3.5 KESIMPULAN**

Demikianlah yang dapat dipaparkan mengenai hasil atau dapatan kajian mengenai tajuk ini. Telah disenaraikan beberapa langkah dari kajian yang telah dilakukan dan kemudiannya diikuti dengan senarai beberapa masalah dan halangan yang ditempuhi oleh pengkaji dalam usaha menyiapkan tugas ini. Apa yang terpenting dalam bahagian ini adalah keputusan bagi kajian yang telah dilakukan. Di mana keputusan atau hasil kajian tersebut merupakan jawapan bagi persoalan-persoalan yang dikemukakan sebelum ini.

Hasil kajian mendapati bahawa kelima-lima pasangan mengamalkan sunnah dalam pengurusan rumah tangga mereka. Pengamalan sunnah itu adalah dari segi tujuan poligami yang selari dengan tujuan yang dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW. Manakala konsep keadilan dalam pembahagaian nafkah dan giliran bermalam serta kaedah pengundian sememangnya telah diaplikasikan dalam kalangan pasangan ini. Selain itu kepatuhan kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri juga terbukti melalui proses pendaftaran setiap perkahwinan baru dapat dipenuhi. Melalui enakmen ini maka rumah tangga yang dibina tiada unsur penipuan yang membawa kepada keberkatan dan kebahagiaan rumah tangga mereka. Ini membuktikan bahawa pengamalan sunnah dan kepatuhan kepada enakmen negeri merupakan asas kebahagiaan rumah tangga berpoligami.

**BAB 4 : GARIS PANDUAN UNTUK PELAKSANAAN POLIGAMI MENGIKUT  
SUNNAH DAN KESESUAIANNYA MENGIKUT UNDANG-UNDANG  
KELUARGA ISLAM SELANGOR**

#### **4.1 PENGENALAN**

Melalui bab ini pengkaji akan menjelaskan garis panduan yang boleh dijadikan rujukan kepada umat Islam yang merancang dan ingin melaksanakan poligami. Garis panduan ini adalah berdasarkan teks-teks hadith yang dianalisis melalui bab kedua dan hasil daripada kajian dan temu bual pengkaji bersama responden berkaitan pengamalan poligami mereka melalui bab ketiga.

#### **4.2 PANDUAN UNTUK PELAKSANAAN POLIGAMI MENGIKUT SUNNAH**

Berdasarkan teks-teks hadith dari bab kedua, maka pengkaji akan menyenaraikan sepuluh panduan yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan seperti berikut:

##### **4.2.1 Melaksanakan Poligami Bertujuan Untuk Ibadat**

Perkahwinan merupakan sebahagian daripada ibadat yang penting. Apabila dikatakan ianya sebahagian daripada ibadat, maka ia mestilah dilaksanakan kerana Allah SWT yang sudah pasti mempunyai tujuan tertentu dalam pelaksannanya. Allah berfirman:

وَمِنْ أَيَّتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ

مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Surah al-Rūm 30: 21

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berfikir.

Ayat ini menjelaskan bahawa perkahwinan sebahagian daripada bukti kebesaran Allah. Oleh itu ianya sudah pasti perlu dilaksanakan dengan penuh keikhlasan kerana Allah. Andai perkahwinan itu didirikan kerana hawa nafsu, matlamat kebendaan atau atas dasar cinta semata-mata ianya tersasar daripada matlamat asal kewujudan manusia. Firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Surah al-Zāriyāt 51: 56

Terjemahan: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka beribadat kepadaKu.

Berdasarkan teks-teks hadith yang dikumpul dalam bab dua jelas menunjukan bahawa kehidupan Rasulullah SAW merupakan contoh terbaik bagi panduan seluruh umat manusia dalam aspek kehidupan berkeluarga termasuklah hal berpoligami. Sesungguhnya poligami Rasulullah SAW bukanlah kerana suka-suka, jauh sekali kerana kepentingan hawa nafsu dan kebendaan sebagaimana yang digambarkan oleh musuh-musuh Islam.

#### 4.2.2 Berpoligami Tidak Melebihi Empat Orang Dalam Satu Masa

Sepakat ulama“ menyatakan tidak halal bagi suami menikahi perempuan melebihi empat orang dalam satu masa. Jika ingin mengahwini perempuan kelima maka wajib ke atasnya menceraikan salah seorang daripada isteri-isterinya.<sup>126</sup> Hukum ini bersandarkan firman Allah:

وَإِنْ خَفْتُمْ أَلَا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَمَّيْ فَإِنْ كَحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ الْبَنِسَاءِ مَثْنَى وَثُلَثَ  
وَرُبَعَ فَإِنْ خَفْتُمْ أَلَا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَنُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَى أَلَا  
تَعْوِلُوا

Surah al-Nisā“ 4:3

<sup>126</sup> Wahbah Zuhailī, *Al-Fiqh Al-Islāmī Wā Adillatuh: al-Ahwālū al-Syakhshiyah Ahkām al-Usrah*, (Kaherah Dār al-Fikr, 1997), 9:6667.

Terjemahan: Dan sekiranya kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian sekiranya kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih baik (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

Para sahabat dan tabi'īn juga telah berijma' mengatakan bahawa tidak harus mengahwini melebihi empat orang isteri.<sup>127</sup> Secara tidak langsung telah menolak pandangan yang mengharuskan mengahwini sehingga sembilan perempuan yang berdalikan zahir ayat di atas.<sup>128</sup>

Perkahwinan baginda Rasulullah SAW itu adalah selaras dengan rancangan besar perjuangan baginda dalam menyampaikan risalah dan syariat Islam kepada manusia sekaligus menghapuskan kekufuran. Maka seluruh kehidupan dan tindak tanduk baginda telah diatur oleh Allah untuk menghasilkan matlamat tersebut.

Bila ayat mengenai pembatasan poligami diturunkan, maka Rasulullah SAW telah menyuruh para sahabat yang mempunyai isteri yang melebihi empat orang supaya mengekalkan empat orang sahaja, manakala yang lain wajib dilepaskan. Walaubagaimanapun Rasulullah SAW terkecuali daripada pelaksanaan perintah Allah ini.

Sebaliknya Rasulullah SAW mengekalkan kesemua isteri-isterinya itu dan Allah tidak pula menegur perbuatan baginda itu. Ini menunjukkan bukti yang jelas bahawa hak untuk beristeri melebihi empat orang itu memang dikhatuskan untuk baginda sahaja. Firman Allah:

<sup>127</sup> Wahbah al-Zuhailī, *Tafsir al-Munīr* (Kaherah: Dār al-Fīkr al-,Arabī, 1998), 4:239.

<sup>128</sup> Wahbah al-Zuhailī, *Al-Fiqh Al-Islāmī Wā Adillatuh: al-Ahwālu al-Syakhshiyah Ahkām al-Usrah*, (Kaherah Dār al-Fikr, 1997), 9:6668.

الَّذِي أَوْلَى بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ وَأَزْوَاجُهُمْ أَمْهَمُهُمْ وَأُولُوا الْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَى بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُهَاجِرِينَ إِلَّا أَنْ تَفْعَلُوا إِلَيْهِمْ أُولَئِكُمْ مَعْرُوفًا كَانَ ذَلِكَ فِي الْكِتَابِ مَسْطُورًا

Surah al-Ahzāb 33: 6

Terjemahan: Nabi itu lebih menolong dan lebih menjaga kebaikan orang-orang yang beriman daripada diri mereka sendiri; dan isteri-isterinya adalah menjadi ibu mereka. dan orang-orang yang mempunyai pertalian kerabat, setengahnya lebih berhak (mewarisi) akan setengahnya yang lain - menurut (hukum) Kitab Allah - daripada orang-orang yang beriman dan orang-orang Muhajirin (yang bukan kerabatnya), kecuali jika kamu hendak berbuat baik kepada sahabat-sahabat karib kamu. Hukum yang demikian itu adalah termaktub dalam Kitab Allah.

Andai sekiranya baginda menceraikan isteri-isterinya sudah pasti berlakunya penganiayaan kepada mereka. Ini kerana isteri-isteri Rasulullah SAW dilarang berkahwin dengan orang lain setelah diceraikan atau selepas kewafatan baginda. Sebagaimana firman Allah:

وَمَا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُؤْذُوا رَسُولَ اللَّهِ وَلَا أَنْ تَنِكِحُوا أَزْوَاجَهُ مِنْ بَعْدِهِ  
أَبْدَأْ إِنَّ ذَلِكُمْ كَانَ عِنْدَ اللَّهِ عَظِيمًا

Surah al-Ahzab 33: 53

Terjemahan: Dan kamu tidak boleh sama sekali menyakiti Rasulullah SAW dan tidak boleh berkahwin dengan isteri-isterinya (Ummu Mukminin) sesudah ia (Nabi) wafat selama-lamanya. Sesungguhnya segala yang tersebut itu adalah amat besar dosanya di sisi Allah.

#### 4.2.3 Berkemampuan Dalam Menunaikan Nafkah

Kewajipan menunaikan nafkah ini adalah nafkah zahir iaitu penyediaan makanan, tempat tinggal, pakaian dan perkara-perkara lain berbentuk kebendaan yang menjadi keperluan kepada isteri. Namun ianya bergantung kepada kemampuan suami dan keperluan isteri. Keperluan isteri pula tidaklah sama, kerana isteri yang memiliki anak yang ramai memerlukan ruang rumah yang besar. Keperluan ruang rumah yang besar ini tidak diperlukan jika isteri tidak mempunyai anak.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor (EUUKIS) pula digubal bertujuan untuk mempastikan suami yang berhasrat untuk berpoligami mempunyai kemampuan dalam melaksanakan nafkah dan kewajipan, pada masa yang sama mengelak berlakunya penganiayaan terhadap isteri baharu atau yang sedia ada disebabkan ketidakmampuan suami.

#### 4.2.4 Konsep *al-'Adālah*

Keadilan merupakan syarat utama dalam melaksanakan tanggungjawab suami yang berpoligami. Keadilan yang dimaksudkan ini merangkumi pelbagai segi lahiriah, iaitu pembahagian nafkah, makan minum, pakaian, tempat tinggal dan termasuklah pembahagian giliran bersama. Pandangan ini disepakati oleh jumhur mazhab.<sup>129</sup>

Manakala keadilan dalam bentuk cinta dan kasih sayang tidak menjadi syarat utama kerana ia termasuk dalam kekuasaan Allah. Rasulullah SAW sendiri ternyata lebih mengasihi Saidatina „Āishah berbanding dengan isteri-isteri yang lain. Namun begitu perasaan lebih mengasihi ini tidak boleh dizahirkan kepada isteri-isteri yang lain kerana dikhuatiri akan menimbulkan fitnah. Maka bergantunglah kepada kebijaksanaan suami untuk menguruskannya. Dr. Wahbah Zuhaili menyatakan tidak wajib juga adil dalam melakukan persetubuhan akan tetapi wajib adil dalam pembahagian giliran bermalam.<sup>130</sup>

Oleh kerana adil ini merupakan syarat utama bagi yang berpoligami, maka wajiblah ianya ditunaikan. Jika kewajiban ini tidak mampu atau gagal dilaksanakan maka berkahwin seorang (monogami) adalah lebih baik. Sebagaimana firman Allah:

فِإِنْ خِفْتُمْ أَلَا تَعْدِلُوا فَوْحَدَةً أَوْ مَا مَلَكْتُ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَى أَلَا تَعُولُوا

Surah al-Nisā' 4: 3

<sup>129</sup> Wahbah Zuhailī, *Al-Fiqh Al-Islāmī Wā Adillatuh: al-Ahwālu al-Syakhṣiāh Ahkām al-Usrah*, 9:6593.

<sup>130</sup> *Ibid*, 9:6594.

Terjemahan: Maka sekiranya kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih baik (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

#### 4.2.5 Pengurusan Giliran Bermalam

*Al-Qasmu* dari sudut bahasa membawa erti habuan. Menurut istilah syarak pula bermaksud lelaki yang mempunyai lebih daripada seorang isteri apabila dia bermalam di rumah salah seorang dari isterinya, maka dia mestilah bermalam juga di rumah isteri-isterinya yang lain. Ini bermaksud suami yang berpoligami wajib membahagikan giliran bermalam kepada isteri-isterinya secara adil, sekalipun isteri dalam keadaan uzur seperti sakit, haid atau dalam keadaan ihram. Ini kerana bermalam bersama isteri bermaksud bermesra dan tinggal bersama isteri dengan pergaulan yang baik dan penuh kasih sayang. Sebagaimana Firman Allah:

وَلَا تَعْصُلُوهُنَّ لِتَذَهَّبُوا بِعَضٍ مَا أَتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَن يَأْتِينَ بِفَحْشَةٍ مُّبِينَ

وَعَاشُرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Surah al-Nisā“ 4: 19

Terjemahan: Dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan pergaulan yang baik.

Giliran bermalam merupakan hak semua isteri melainkan isteri yang nusuz atau derhaka. Maka suami hendaklah menunaikan hak isterinya iaitu bermalam serta tidur bersama dan tidak meninggalkannya. Setiap giliran bermalam itu tidak semestinya berlakunya perhubungan seks. Ini kerana perkara itu tidak menjadi wajib bahkan menjadi sunat sahaja jika mereka berhajat. Jika gagal menunaikan hak ini maka menjadi kewajipan ke atas suami untuk menggantikannya pada masa yang lain.

Tempoh giliran ini sekurang-kurangnya sehari semalam. Boleh juga dua hari dua malam dan paling lama ialah selama tiga hari tiga malam. Maka hukum menjadi haram

jika tempoh giliran melebihi tiga hari. Ini kerana tempoh yang lama menjadi beban kepada isteri untuk mendapatkan perhatian dan belaian kasih sayang.

Tempoh giliran ini pula adalah dikira malam dan siangnya atau siang dan malamnya. Firman Allah:

وَجَعَلْنَا الَّيْلَ لِبَاسًا وَجَعَلْنَا الَّهَارَ مَعَاشًا

Surah al-Nabā“ 78: 10-11

Terjemahan: Dan Kami telah menjadikan malam (dengan gelapnya) sebagai pakaian (yang melindungi). Dan Kami telah menjadikan siang (dengan cahaya terangnya) - masa untuk mencari rezeki.

Dr. Wahbah Zuhaili dalam kitabnya *at-Tafsīr al-Munīr* menjelaskan maksud „*libāsa*“ yang bermaksud pakaian itu ialah malam yang menutupi waktu siang yang digunakan untuk bekerja mencari rezeki. Maka malamnya digunakan untuk berhat dan tidur.<sup>131</sup>

Haram hukumnya jika suami hanya memberi malam sahaja kepada salah seorang dari isterinya sedangkan siangnya diberi kepada isterinya yang lain. Ini kerana malam dan siang mempunyai perbezaan. Bagi suami yang bekerja malam sebagai pegawai keselamatan contohnya maka waktu bersama isteri adalah siang. Namun andai pasangan mempunyai hajat seperti untuk menghantar barang keperluan atau melawat kerana sakit dibenarkan walaupun bukan masa giliran. Namun masanya adalah terbatas. Saidatina „Āishah berkata:

يَا ابْنَ أُخْتِي كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يُفَرِّضُ صِلْ بَعْضَنَا عَلَى بَعْضٍ فِي  
الْقُسْنِ مِنْ مُكْثِنِهِ عِنْدَنَا وَكَانَ قَلَّ يَوْمٌ إِلَّا وَهُوَ يَطْوُفُ عَلَيْنَا جَمِيعًا فَيَدْنُو مِنْ كُلِّ امْرَأَةٍ  
مِنْ غَيْرِ مَسِيسٍ حَتَّى يَبْلُغَ إِلَى الَّتِي هُوَ يَوْمُهَا فَيَبْيَسْتَ عِنْدَهَا

Terjemahan: “Wahai anak saudariku, Rasulullah SAW tidak melebihkan sebahagian kami atas sebahagian yang lain dalam

<sup>131</sup> Wahbah al-Zuhailī, *Tafsīr al-Munīr* (Kaherah: Dār al-Fikr al-,Arabī, 1998), 4:13

*membahagi waktu bersama kami. Setiap hari baginda mengelilingi kami semua dan mendekati kepada seluruh isteri tanpa menyentuh hingga sampai kepada rumah isteri yang hari itu merupakan giliranya, kemudian baginda bermalam bersamanya”<sup>132</sup>.*

Sebaik-baiknya pembahagian giliran ini ialah suami pergi ke rumah setiap isterinya mengikut giliran yang telah ditentukan. Maka untuk mencapai yang terbaik, sudah pasti menjadi kewajipan kepada suami menyediakan rumah kediaman secara berasingan kepada isteri-isterinya. Selain itu ia juga dapat mengelak berlakunya perselisihan keluarga dan perasaan cemburu di kalangan mereka. Imam al-„Alāmah Taqiyuddin dalam kitabnya *Kifāyatul Akhyār* menyatakan bahawa haram mengumpulkan dua atau lebih isteri dalam satu rumah<sup>133</sup> walaupun bertujuan untuk memenuhi keadilan.

Sekiranya seseorang suami itu tinggal berseorangan di sebuah rumah yang terpisah daripada isteri-isterinya, maka hendaklah pertemuan dia dengan isteri-isterinya itu pun dilakukan dengan baik dan adil. Umpamanya, apabila salah seorang isteri dipanggil ke rumahnya, maka isteri-isterinya yang lain pun hendaklah juga dipanggil juga mengikut giliran ditentukan. Maka tidak dibenarkan bagi suami memanggil salah seorang isteri-isterinya sedang yang lain didatangi atau sebaliknya.

#### **4.2.6 Pengurusan Perasaan Cemburu Dalam Rumah tangga**

Cemburu bermaksud hati-hati atau berjaga-jaga kerana takut kesucian adat, agama atau maruah akan dikotori atau dinodai.<sup>134</sup> Penjagaan ini dilakukan dengan perasaan. Perasaan cemburu juga boleh difahami bahawa perasaan ketidaksukaan bergabungnya orang lain dengan haknya.

---

<sup>132</sup> Hadith riwayat Sunan Abū Dāwūd, Kitab al-Nikāh, Bab Fī Qismu Bainā al-Nisā”, no Hadith 2135. Lihat Sunan Abū Dāwūd dalam *Mawsū’ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin „Abd al-„Aziz Al Shaykh. (*Riyād: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī'*, 2000), 1380 Syeikh al-Albānī mengatakan hadith ini hasan saḥīḥ.

<sup>133</sup> Imam al-„Alāmah Taqiyuddin Abi Bakar, *Kifāyatul Akhyār*, (Beirut, Darul al-Khair 1994), 377

<sup>134</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 261

Sesungguhnya perasaan cemburu adalah tabiat yang dialami oleh manusia biasa.

Ia merupakan fitrah yang tercipta pada diri setiap manusia, sesuai dengan tabiat manusia yang dipupuk dengan nilai-nilai keimanan dan kasih sayang. Ia berfungsi sebagai penjaga kemuliaan dan kehormatan manusia. Akan tetapi, perasaan cemburu tersebut haruslah sesuai dengan aturan agama yang mengutamakan kesabaran, ilmu, keadilan, dan kebijaksanaan dalam semua perkara.

### **Panduan dalam mengendalikan perasaan cemburu menurut sunnah Rasulullah SAW**

Sebagaimana diketahui bahawa sifat cemburu ini merupakan fitrah semulajadi manusia. Oleh kerana itu mustahil ianya dapat dipisahkan daripada naluri manusia. Namun demikian menjadi kewajipan bagi manusia yang berakal dalam menguruskan sifat ini supaya ianya tidak mendatangkan keburukan dalam diri, keluarga dan masyarakat amnya. Di sini pengkaji menyenaraikan beberapa panduan dalam menguruskan perasaan cemburu berdasarkan beberapa hadith Rasulullah SAW.

**Pertama:** Kawal perasaan cemburu dengan iman dan taqwa.

Seorang isteri hendaklah bertakwa kepada Allah SWT dan bersikap pertengahan dalam hal cemburu terhadap suami. Sikap pertengahan dalam setiap perkara merupakan sebahagian dari kesempurnaan agama dan akal seseorang. Dikatakan oleh Rasulullah SAW kepada „Āishah :

عَنْ عَائِشَةَ رَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يَا  
عَائِشَةً إِنَّ اللَّهَ رَفِيقٌ يُحِبُّ الرِّفِيقَ وَيُعْطِي عَلَى الرِّفِيقِ مَا لَا يُعْطِي عَلَى الْعُنْفِ وَمَا لَا  
يُعْطِي عَلَى مَا سِواهُ

Terjemahan: Daripada „, isteri Rasulullah SAW bahawa baginda telah bersabda: "Hai „, sesungguhnya Allah itu Maha Lembut. Dia mencintai sikap lemah lembut. Allah akan memberikan pada sikap lemah lembut sesuatu yang tidak Dia berikan pada sikap yang keras

dan juga akan memberikan apa-apa yang tidak diberikan pada sikap lainnya”<sup>135</sup>

Sepatutnya seorang isteri mengimbangi rasa cemburu kepada suami ini dengan taqwa kepada Allah, ini kerana bila rasa cemburu tersebut melampaui batas, ia juga boleh membawa kesan yang besar dalam institusi rumah tangga. Hilang kepercayaan dan perasaan kasih sayang sekaligus membenihkan kebencian yang mungkin berubah menjadi perselisihan yang akhirnya membawa kepada keruntuhan rumah tangga.

**Kedua:** Membuat penilaian dengan akal yang waras.

Perempuan yang cemburu lebih melihat permasalahan dengan perasaan hatinya daripada matanya. Lalu mereka membuat pertimbangan dengan nafsu emosinya tanpa pertimbangan akal sihatnya. Sehingga sesuatu masalah kecil bertukar menjadi permasalahan yang besar. Hal ini perlulah disedari agar mereka tidak berlebihan mengikuti perasaan, sebaliknya menggunakan akal sihat dalam melihat dan menilai suatu permasalahan. Hal ini telah ditunjukkan oleh isteri-isteri Rasulullah SAW dalam menyelesaikan permasalahan kecemburuan yang timbul dalam kalangan mereka.

**Ketiga:** Mengambil iktibar daripada kisah isteri-isteri baginda Rasulullah SAW.

Dari kisah-kisah kecemburuan sebahagian isteri Rasulullah SAW tersebut, perlu diambil pelajaran berharga, bahawa sepatutnya seorang wanita yang sedang dilanda cemburu agar menahan dirinya, sehingga perasaan cemburu tersebut tidak mendorongnya melakukan perkara yang melanggar syariat, berbuat zalim, ataupun mengambil sesuatu yang bukan haknya. Maka janganlah mengikuti perasaan secara membabi buta.

---

<sup>135</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Birru Wa al-Šillahu Wa al-Adābu, Bab Faḍlu al-Rifqu, no Hadith 6601. Lihat Muslim dalam *Šaḥīḥ Muslim* dalam *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīfah-Kutub al-Sittah*. ed. Salih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1131.

**Keempat:** Menjadi isteri yang bijaksana.

Seorang isteri yang bijaksana, ia tidak akan menyalakan api kecemburuan suaminya. Misalnya, dengan memuji lelaki lain di hadapan suaminya atau menampakkan kekaguman terhadap lelaki lain di hadapan suaminya, baik pakaianya, gaya bicaranya, kekuatan fizikalnya dan kecerdasannya. Bahkan sangat menyakitkan hati suami, jika seorang isteri membicarakan tentang suami pertamanya atau sebelumnya. Rata-rata lelaki tidak menyukainya. Kerana tanpa disedarinya, pujian tersebut telah merendahkan kelakian serta maruah suaminya, walaupun bertujuan untuk kebaikan.

**Kelima:** Cintailah dan layanilah suami dengan sepenuh hati walaupun bermadu.

Jadikanlah perasaan cemburu kepada suami sebagai pemangkin untuk lebih mendekatkan diri kepadanya. Jangan menjadikan ia menoleh kepada wanita lain yang lebih cantik. Berhias dirilah, jagalah penampilan dan layanilah suami dengan penuh rasacinta dan kasih sayang ketika bersama. Jagalah maruah dan hartanya ketika suami tiada di rumah. Lakukan yang terbaik agar kerukunan rumahtangga terpelihara.

**Keenam:** Sentiasa memanjatkan doa kepada Allah.

Doa merupakan wasilah kita dengan Maha Pencipta. Segala usaha yang dilakukan tidak akan tercapai dengan jayanya tanpa pertolongan daripada Allah. Iblis dan syaitan pula sentiasa menunggu peluang untuk mencetuskan perselisihan dan pergaduhan yang akhirnya membawa kepada keruntuhan dalam rumah tangga. Sebagaimana firma Allah:

وَمَا يُعْلَمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكُفُرْ فَيَعْلَمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفْرِقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءَ وَزَوْجِهِ وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَيَعْلَمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ

Surah al-Baqarah 2: 102

Terjemahan: Mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata: "Sesungguhnya Kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah Engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya)". Dalam pada itu ada

juga orang yang mempelajari dari mereka berdua: ilmu sihir yang boleh memisahkan antara pasangan seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah. dan sebenarnya mereka mempelajari perkara yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka.

#### 4.2.7 Golongan Yang Dilarang Untuk Dimadukan.

Islam telah menetapkan bahawa perkahwinan atau poligami adalah bertujuan untuk memelihara keluarga Muslim dan pada masa yang sama untuk memelihara kaum wanita. Merujuk kepada hadith-hadith dari bab dua telah menjelaskan bahawa Islam melarang untuk seorang lelaki yang berpoligami mengumpulkan kakak dengan adik kandungnya. Begitu juga larangan mengumpulkan ibu dengan anak perempuannya atau seorang wanita dengan saudara ayahnya atau saudara ibunya (memadukan dengan ibu saudara) dalam satu masa. Firman Allah SWT:

وَلَا تَنْكِحُوا مَا نَكَحَ إِبَاؤُكُمْ مِنْ النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّهُ رَحْمَةٌ

فَحِشَّةٌ وَمَقْتُنًا وَسَاءَ سَيِّلًا

Surah al-Nisā“ 4: 22

Terjemahan: Dan janganlah kamu berkahwin (dengan perempuan-perempuan) yang telah diperisterikan oleh bapa kamu melainkan apa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah satu perkara yang keji, dan dibenci (oleh Allah), serta menjadi seburuk-buruk jalan (yang dilalui dalam rumah tangga).

Larangan ini adalah bertujuan untuk memelihara ikatan dan jalinan kasih sayang kekeluargaan yang sedia terjalin di antara keluarga. Di samping itu dapat mengelak timbulnya perasaan cemburu yang berkemungkinan membawa kepada perselisihan dan pergaduhan sesama anggota keluarga. Rasulullah SAW bersabda: dalam riwayat Ibn Hibban yang bermaksud:

عَنْ أَبْنَى عَبَّاسٍ، قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تُزَوِّجَ الْمَرْأَةُ عَلَى الْعَمَّةِ وَالخَالَةِ قَالَ: إِنَّكَ إِذَا فَعَلْتَ ذَلِكَ قَطَعْتَ أَرْحَامَكُنْ

Terjemahan: Daripada Ibn „Abbās telah berkata: "Rasulullah SAW melarang jika kamu melakukan yang demikian itu (memadukan dua

bersaudara atau ibu saudara dengan anak saudara) kamu telah memutuskan tali kasih sayang sesama kamu."<sup>136</sup>

#### 4.2.8 Meninggalkan Isteri Dengan Sebab.

Kisah Rasulullah SAW mengahwini Mariah yang pada asalnya seorang hamba yang jelita telah menaikkan tarafnya sebagai salah seorang Ummu Mukminin menimbulkan iri hati dalam kalangan isteri-isterinya. Setelah Mariah melahirkan Ibrāhim, rasa kecemburuan pada isteri-isteri baginda (*Ummahatul Mukminin*) itu sudah melampaui sopan santun. Rasulullah segera menyedari bahawa rasa cemburulah yang telah mendorong isteri-isterinya bertindak sedemikian. Sehingga Rasulullah berhasrat untuk bersumpah mengharamkan Mariah untuk dirinya. Namun hasrat itu mendapat teguran daripada Allah melalui firmanya:

يَأَيُّهَا النِّسْكُ لَمْ تُحِرِّمْ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكَ تَبْتَغِي مَرَضَاتَ أَزْوَاجِكَ وَاللَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ



Surah al-Tahrīm 66: 1

Terjemahan: Wahai Nabi! Mengapa engkau haramkan (dengan bersumpah daripada menikmati) apa yang dihalalkan oleh Allah bagimu, (kerana) Engkau hendak mencari keredaan isteri-isterimu? (Dalam pada itu, Allah ampunkan kesilapanmu itu) dan Allah sememangnya Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Pada waktu-waktu tertentu kecemburuan isteri-isteri Nabi itu sudah begitu memuncak, sebab baginda dianggap lebih mencintai salah seorang daripada yang lain. Rasulullah harus kembali dalam ketenangannya berfikir, dalam menjalankan dakwahnya, seperti yang sudah ditentukan Allah kepadanya. Baginda hendak memberi pengajaran dengan meninggalkan mereka atau mengancam mereka dengan perceraian.

Akhirnya, selama sebulan penuh Nabi memisahkan diri dari mereka. Tiada orang yang diajaknya bicara mengenai mereka, juga tak seorang pun yang berani

---

<sup>136</sup> Hadith riwayat Ibn Hibban, al-Mawsū'ah al-Hadīthiah, no Hadith 4116. Lihat al-Durar al-Saniyah <http://www.dorar.net/enc/hadith.php>

memulai membicarakan masalah mereka itu. Dan selama sebulan itu Rasulullah SAW memusatkan perhatiannya pada upaya dakwah dan penyebaran Islam di Jazirah Arab.

Rasulullah menghabiskan sebahagian waktunya dalam sebuah bilik kecil, tempat tidur hanya beralaskan pelepas tamar meninggalkan isteri-isteri selama sebulan. Tindakkan Rasulullah ini adalah semata-mata memberi penganjaran kepada isteri-isterinya bahawa kehidupan dunia tidak perlu dikehjarn dengan harapan supaya Allah memberi petunjuk kepadanya bagaimana hendak mengatasi isteri-isterinya yang cemburu itu. Melalui peristiwa ini Allah SWT berfirman:

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ قُل لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ إِنْ كُنْتُنَّ تُرْدَنَ الْحَيَاةَ الْدُّنْيَا وَزِينَتَهَا فَتَعَالَيْتَ  
أَمْتَعْكُنَ وَأَسْرِحُكَ سَرَاحًا حَمِيلًا ﴿٢٨﴾ وَإِنْ كُنْتُنَّ تُرْدَنَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَآلَادَارَ  
الْآخِرَةَ فَإِنَّ اللَّهَ أَعَدَ لِلْمُحْسِنِينَ مِنْ كُنْكَنَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٢٩﴾

Surah al-Ahzab 33: 28-29

Terjemahan: Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu: Sekiranya kamu semua mahukan kehidupan dunia (yang mewah) dan perhiasannya (yang indah), maka marilah supaya aku berikan kepada kamu pemberian mut'ah (sagu hati), dan aku lepaskan (cerai) kamu dengan cara yang baik. Dan sekiranya kamu semua mahukan (keredaan) Allah dan RasulNya serta (Nikmat kemewahan) di negeri akhirat maka sesungguhnya Allah menyediakan bagi orang-orang yang berbuat baik di antara kamu: pahala yang besar.

#### 4.2.9 Keharusan Menghibah atau Memberikan Hak Giliran Kepada Madu.

Dalam hal ini, ketauladan yang baik dari salah seorang Ummu al-Mukminin, iaitu Saidatina Sawdah binti Zam'ah. Baginda memiliki sikap yang perlu dicontohi oleh setiap wanita solehah. Sikap menyedari bahawa dirinya harus menjadi teladan yang baik bagi kaum mukminat di dalam mempertahankan keutuhan sebuah rumah tangga.

Setelah beberapa lama berumah tangga, Rasulullah SAW juga memiliki isteri-isteri yang lain, ada perubahan sikap dari diri baginda terhadapnya seakan-akan sudah tidak menginginkannya bahkan berhasrat untuk melepaskanya secara baik dan tidak

menyakiti hati Saidatina Sawdah. Sikap ini dapat dirasai oleh Sawdah. Hatinya terlalu hiba dengan berkata: “*Tetapkanlah saya wahai Rasulullah. Demi Allah, saya tidak mengharapkan seorang suami, tetapi saya ingin agar kelak di hari kiamat dibangkitkan oleh Allah sebagai isterimu*”<sup>137</sup>

Oleh kerana Rasulullah SAW terdiam lama maka baginda menyambung lagi kata-katanya: “*Tetapkanlah saya wahai Rasulullah, dan saya hadiahkan malam-malamku untuk „, saya tidak menghendaki apa yang diinginkan oleh wanita*”.<sup>138</sup> Lalu turunlah Firman Allah:

وَإِنْ أَمْرَأٌ حَافَتْ مِنْ بَعْلَهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا  
بَيْنَهُمَا صُلُحًا وَالصُّلُحُ حَيْرٌ وَاحْضِرَتِ الْأَنْفُسُ الْسُّحْرَ وَإِنْ تُحِسِّنُوا وَتَنْقُضُوا  
فَإِنَّ اللَّهَ كَارِبٌ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Surah al-Nisā” 4: 128

Terjemahan: Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya "nusyuz", atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara baik), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka Sesungguhnya Allah Maha mendalam pengetahuannya akan apa yang kamu lakukan.

#### **4.2.10 Jika bermusafir.**

Suami tidak wajib membawa mana-mana ahli keluarganya ketika bermusafir. Akan tetapi jika suami ingin membawa ahli keluarganya, maka ia tertakluk kepada beberapa cara.

- i. Membuat undian

Menentukan melalui undian ini berlaku dalam dua keadaan.

<sup>137</sup> Al-Bart Yusof Kinān, *Tarikh al-Thabari* (Beirut : al-Kathūlikiah 1961), 3:299.

<sup>138</sup> Shamsuddin Abu Abdullah & Muhammad bin Ahmad bin Othman, *Al-Ishābah* (Bombay: Sharafuddin al-Kutubi 1969), 4:1867.

**Pertama:** Jika semua ahli keluarga dalam keadaan bersedia untuk bermusafir bersama suami. Berdasarkan undian, mana-mana isteri yang terkena undian maka dia lah yang akan bersama dalam musafir.<sup>139</sup> Apabila suami hendak bermusafir buat kali seterusnya, undian hanya dilakukan di antara isteri-isteri yang tidak berjaya dalam undian sebelum itu.

Apabila semua isteri telah berjaya mengikuti suami bermusafir, maka untuk musafir yang seterusnya maka suami boleh memulakan semula proses undian yang baru atau mengikuti tertib hasil undian yang telah dilakukan sebelum itu. Melalui proses undian ini, suami tidak perlu menggantikan hari giliran isteri-isteri yang lain setelah pulang dari musafir.

**Kedua:** Jika sebahagian ahli keluarga bersedia untuk bermusafir bersama manakala sebahagian yang lain tidak bersedia. Maka undian dibuat di antara isteri-isteri yang bersedia sahaja. Namun bagi isteri-isteri yang tidak bersedia untuk bermusafir, maka suami mestilah menggantikan hari-hari yang ditinggalkan itu mengikut giliran.

Demikian juga jika suami sering musafir kerana tempat tinggal ahli keluarga yang saling berjauhan, maka jadual giliran terserah kepada budi bicara antara suami dan isteri-isterinya. Proses undian ini adalah merujuk kepada apa yang dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW dalam hadith:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا خَرَجَ أَقْرَعَ بَيْنَ نِسَائِهِ فَطَارَتْ الْفُرْعَعَةُ لِعَاءٍ شَاءَ وَحَفْصَةً

Terjemahan: Apabila Nabi SAW hendak keluar mengadakan perjalanan, baginda mengadakan undian antara isteri-isterinya, lalu undian itu pun jatuh pada „, dan Hafṣah.<sup>140</sup>

<sup>139</sup> Imam al-,Alāmah Taqiyuddin Abi Bakar, *Kifāyatal Akhyār*, (Beirut : Darul al-Khair 1994), 379.

<sup>140</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Nikāh, Bab al-Qar'atu Bainā al-Nisā“ Idha Arāda Safara, no Hadith 5211. Lihat al-Bukhārī dalam *Şahih al-Bukhārī* dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,Abd al-,Aziz Al Shaykh. (Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī", 2000), 450

ii. Tidak perlu membuat undian

Keadaan ini berlaku jika isteri-isteri tidak dalam keadaan bersedia untuk ikut bermusafir bersama suami. Tidak bersedia di sini ialah seperti isteri yang sedang hamil, sedang menjaga orang tuanya, tidak mendapat cuti dari tempat kerja atau anak-anak sedang bersekolah. Maka suami boleh memilih ahli keluarga yang paling sesuai pada saat itu untuk ikut bersama. Namun setelah kembali dari musafir tanpa undian ini, suami hendaklah menggantikan hari-hari giliran isteri-isteri yang ditinggalkan. Jika keadaan ini merumitkan, maka suami boleh bermusafir seorang diri sahaja tanpa membawa mana-mana isteri bersamanya.

Jika isteri pula yang bermusafir atas urusan suami, maka suami hendaklah menggantikan hari giliran isteri tersebut selama tempoh musafirnya. Namun apabila isteri bermusafir atas urusannya sendiri dengan izin suami, maka suami tidak perlu menggantikan hari giliran isteri tersebut selama tempoh musafirnya.<sup>141</sup>

#### 4.3 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya panduan-panduan ini adalah merujuk kepada pelaksanaan poligami oleh baginda Rasulullah SAW yang sudah pasti merupakan *Qudwatul Hasanah* dalam kehidupan manusia. Sebagaimana Firma Allah:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ

وَذَكْرُ اللَّهِ كَثِيرًا

Surah al-Ahzāb 33: 21

Terjemahan: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)

<sup>141</sup> Hafiz Firdaus B Abdullah, *eBook 202 Pelajaran Berkenaan Poligami*, (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa 2012), 115-118.

Panduan-panduan yang disenaraikan oleh pengkaji ini amat perlu dijadikan sebagai rujukan kepada sesiapa yang berhasrat untuk berpoligami supaya rumah tangga yang dibina berlandaskan sunnah Rasulullah SAW dan pada masa yang sama tidak membelakangi undang-undang yang digariskan agar rumah tangga yang dibina berkekalan bahagianya.

## BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN

### 5.1 PENGENALAN

Bab ini merupakan bab terakhir yang merangkumi kesimpulan keseluruhan daripada hasil kajian berkaitan poligami dalam al-Kutub *al-Sittah*. Selain itu, dalam bab ini juga pengkaji membuat rumusan dan kesimpulan secara menyeluruh terhadap kajian serta mengemukakan beberapa cadangan sebagai panduan dan penambahbaikan terhadap pelaksanaan poligami dalam masyarakat Islam hari ini. Melalui perbincangan dalam bab ini dapat membantu pembaca untuk memahami dapatan dan hasil kajian secara keseluruhannya.

### 5.2 RUMUSAN

Hasil kajian ini secara keseluruhan, pengkaji dapat merumuskan bahawa Islam membenarkan umatnya berpoligami dengan meletakkan syarat-syarat tertentu supaya pelaksanaannya membawa kepada kebahagiaan dan keredhaan Allah SWT.

Hasil kajian pengkaji telah mengumpulkan sebanyak tujuh puluh satu hadith berkaitan poligami Rasulullah SAW dalam al-Kutub *al-Sittah*. Daripada jumlah tersebut terdapat 42 hadith yang tidak berulang. Hadith-hadith tersebut telah dibahagikan kepada 16 tema yang tertentu untuk memudahkan para pengkaji ilmu. Daripada 42 hadith yang dibincangkan terdapat sebanyak 15 hadith daripada *Şahih al-Bukhārī*, *Şahih Muslim* pula sebanyak tiga hadith, *Sunan Abū Dāwūd* sebanyak 6 hadith, *Jāmi' al-Tirmidhī* satu hadith, manakala *Sunan al-Nasā'ī* pula sebanyak sepuluh hadith dan yang terakhir ialah *Sunan Ibn Mājah* iaitu sebanyak 7 hadith.

Daripada jumlah hadith tersebut sebanyak 31 daripadanya adalah bertaraf *şahih*, dua bertaraf *şahih isnād*, satu bertaraf *ḥasan şahih*, lima bertaraf *ḥasan* manakala bertaraf *da'i*, pula sebanyak tiga hadith.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor digubal adalah bertujuan untuk memastikan pelaksanaan poligami ini tidak ada pihak yang teraniaya, sama ada pihak isteri dalam menerima keadilan, pihak suami dalam memikul tanggungjawab kepimpinan mahupun anak-anak serta keluarga seluruhnya.

Melalui kajian yang dilaksanakan didapati pasangan yang mengamalkan sunnah dalam pengurusan rumah tangga mampu mengekalkan keharmonian dalam berpoligami. Di samping itu ilmu, kerjasama isteri-isteri dan ekonomi yang baik merupakan sebahagian penting ke arah kebahagiaan dan keharmonian pasangan poligami.

Selain al-Quran, ilmu pengurusan rumah tangga poligami perlu merujuk kepada hadith-hadith baginda Rasulullah SAW di samping undang-undang Keluarga Islam negeri bagi mengelak berlakunya fitnah dalam masyarakat.

Berpoligami merupakan sebahagian daripada cabang ibadat. Oleh itu pelaksanaannya mestilah bermatlamatkan kerana Allah semata-mata dan berteraskan syariat supaya konsep ibadat dapat dicapai dengan jayanya. Poligami juga merupakan satu keharusan yang terbina daripadanya kewajipan merealisasikan keadilan (*al-Adālah*). Manakala keadilan merupakan sesuatu yang sukar namun tidak mustahil untuk diamalkan. Rumusannya, perkahwinan itu perlu, poligami itu harus manakala keadilan itu wajib.

### **5.3 CADANGAN**

Berdasarkan kepada hasil kajian ini, pengkaji dapat mengemukakan beberapa cadangan sebagai panduan kepada semua pihak dalam usaha untuk memastikan perkembangan ilmu khususnya ilmu hadith agar dapat member manfaat kepada umat Islam. Cadangan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- i. Jabatan al-Quran dan Hadith serta Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Pengkajian bidang hadith dalam pelbagai aspek perlu diperluaskan khususnya diperingkat pengajian tinggi agar dapat dijadikan panduan kepada masyarakat dalam usaha memartabatkan hadith-hadith Rasulullah SAW. Pengajian dalam bidang hadith juga perlu dibudayakan dalam masyarakat khususnya hadith yang berkaitan isu-isu semasa.

ii. Jabatan Agama Islam Negeri

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam setiap negeri perlu diselaraskan bagi membantu memudahkan pelaksanaan poligami. Enakmen yang digubal juga perlu berpandukan kepada hadith-hadith supaya ianya bukan sekadar peraturan tetapi selaras dengan syariat Islam. Pihak jabatan juga perlu perbanyakkan program seperti seminar kekeluargaan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat terhadap keperluan mematuhi enakmen ini. Ianya bertujuan untuk mengubah persepsi masyarakat yang menganggap enakmen yang digubal ini menjadi penghalang kepada pelaksanaan poligami.

iii. Pengamal poligami

Bagi pengamal poligami pula perlulah merujuk kepada al-Quran dan al-Hadith sebagai sumber rujukan dalam menguruskan rumah tangga agar tidak menimbulkan fitnah terhadap kesucian agama Islam. Di samping itu Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam perlulah dipatuhi kerana ianya digubal untuk membantu pengamal ke arah merealisasikan poligami berlandaskan Islam seterusnya mengelak berlakunya penganiayaan dan fitnah dalam masyarakat. Umat Islam amnya perlu mengubah pemikiran yang terlalu negatif terhadap keharusan berpoligami dalam Islam kerana syariat diturunkan mempunyai pelbagai tujuan, hikmah dan kemaslahatan.

iv. Penyelidikan

Setiap hadith-hadith yang bincangkan perlulah ditakhrij untuk menentukan kedudukannya supaya masyarakat tidak terkeliru dalam pengamalannya serta memelihara kesucian hadith sebagai sumber rujukan kedua selepas al-Quran

v. Kerajaan atau pemerintah

Pihak kerajaan perlu memberikan sokongan serta galakan terhadap apa jua usaha ke arah memartabatkan pengajian hadith agar negara tidak ketandusan pakar dalam bidang hadith. Di samping itu pihak kerajaan juga perlu membuat program ke arah menyokong pelaksanaan poligami ini supaya dapat menyelamatkan akidah dan maruah perempuan Islam daripada pengaruh-pengaruh LGBT dan anti Islam.

#### **5.4 PENUTUP**

Akhir sekali pengkaji berharap agar kajian ini mampu memberikan manfaat kepada umat Islam khususnya untuk memahami hadith-hadith berkaitan poligami. Pelaksanaan yang baik yang bersumberkan sunnah Nabi SAW merupakan asas kepada kesempurnaan sesuatu amalan di sisi Allah. Semoga kajian ini mampu membantu masyarakat untuk lebih memahami serta menghayati konsep poligami dalam Islam. Melalui kefahaman yang mantap ini akan lahir keluarga dan masyarakat yang bahagia berlandaskan syariat Islam sekaligus memelihara kesucian agama Islam dari sebarang fitnah serta pandangan negatif dari masyarakat bukan Islam.

## BIBLIOGRAFI

### **BAHASA ARAB**

Abd al-Karīm Zaidān, *al-Muṣaṣṣal Fī Aḥkām al-Mar‘ah Wa al-Bait al-Muslīm Fī al-Sharī‘ah al-Islamiyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah, 1997.

Abī Abd Allah Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dalam Mawsū‘ah *al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,‘Abd al-,‘Aziz Al Shaykh. Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000.

Abū Abd Allah Muḥammad bin Yazīd al-Rubā‘ī Ibn Mājah al-Qazwīni. Sunan Ibn Mājah dalam Mawsū‘ah *al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,‘Abd al-,‘Aziz Al Shaykh. Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000.

Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qusairī al-Nisāburī. Ṣaḥīḥ Muslim dalam Mawsū‘ah *al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,‘Abd al-,‘Aziz Al Shaykh. Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000.

Abū Dāwūd Sulaymān Ibn Ash‘ath al-Azadī al-Sijistānī. Sunan Abū Dāwūd dalam Mawsū‘ah *al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,‘Abd al-,‘Azīz Al Shaykh. Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000.

Abū ,Isā Muḥammad bin ,Isā bin Saurah bin Musā al-Tirmidhī. Jāmi‘ al-Tirmidhī dalam Mawsū‘ah *al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,‘Abd al-,‘Aziz Al Shaykh. Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa Mausū‘ah 2000.

Aḥmad bin Shuaib Abū ,‘Abd al-Rahmān al-Nasā‘ī. Sunan al-Nasā‘ī dalam Mawsū‘ah *al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣalih bin ,‘Abd al-,‘Azīz al-Shaykh. Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000.

Aḥmad Naṣirullāh bin Ṣabri, *Mukhataṣar Ṣaḥīḥ Jāmi‘ Ṣaghīr li al-Sayuṭī wa al-Albānī, Syarikah Alfa li al-Nasyar wa al-Intaj Alfīni*, 2008

Al-‘Allāmah Abī al-Ṭayyib Muḥammad Shams al-Dīn,,*Avn al-Ma‘būd: Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*, Beirut: Dār al-Kitāb al-,‘Alamiyyah, 1990.

Al-‘Imrān Muḥammad Rasyīd Rīḍā. *Tafsīr al-Qurān al-Hakim-al-Shahīr Bi al-Tafsīr al-Manār*, t.tp.

Al-Mawardi, Abī Ḥasan Ali bin Muḥammad Habib al-Basri. *Tafsir al-Mawardī*. Beirut:  
Dar al-Kutub al-, Ilmiyah, t.t.

Ibn Hājar al-Asqalāni, *Fath al-Bāri Sharah al-Bukhārī*, ter. Amir al-Din, Jakarta:  
Pustaka Azam , 2008.

Imam Abi “Ula Muḥammad Abd al-Rahman Ibn “Abd al-Rahīm al-Mubarakfuri, *Tuhfat  
al-Ahwazi bi Sharḥ Jami’al-Tirmidzi*, Beirut: Dār al-Kitab al-“Alamiyyah, 1990.

Imam al-,,Alāmah Taqī al-Dīn Abī Bakr. *Kifāyat al-Akhyār*. Beirut: Dār al-Khaīr. 1994.

Imam Muhy al-Dīn al-Nawawi, *Sharah Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār al- Ma’rifah, 1997.

Muhammad „Alī al-Šabūnī, *Tafsīr Āyāt al-Ahkām Min al-Qurān*, Syria: Madinah al-  
Nasr, 2007

Muhammad bin „Alī bin Muhammad al-Shawkānī, *Fath al-Qadīr: Al-Jāmi’ Baina  
Riwayat Wa Dirāyah Min „Im al-Tafsīr*, Beirut: Dārul Ihyā“ al-Turāth al-,,Arabī,  
1998

Muṣṭafā al-Khind, „Alī Sharbaji & Dr. Muṣṭafa al-Bughā. *al-Fiqh al-Manhāji*. 1989.

Sabiq, Al-Sayyid, *Fiqh al-Sunnah*, Beirut: Darul al-Kitāb al-,,Arabī, 1973.

Saleh bin Abd al-Aziz bin Ibrahim, Mawsū“ah *al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*,  
al-Mamlakah al-,,Arabiah al-Saudiah: Dar al-Salām Li al-Nasyr Wa al-Tauzī”,  
2000

Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khātib al-Sharbānī, *Al-Iqna’ Fi Hal Alfaz  
Abī Syuja’*; Beirut: Darul Ilmiah. 1994

Wahbah al-Zuhailī. *Al-Fiqh Al-Islāmī Wā Adillatuh: Al-Ahwālu al-Syakhshiyah Ahkām al-  
Usrah*. Kaherah: Dār al-Fikr. 1997.

---

, *Tafsir al-Munīr*. Kaherah: Dār al-Fikr al-,,Arabī. 1998

## **BAHASA MELAYU**

Abdul Halim Mat Diah. *Suatu Contoh Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. t.t.

Al-Hamid Al-Husaini. *Baitu Nubuwah*. Pustaka Hidayah. 2007.

Amran Kasimin. *Konflik poligami di Malaysia*. Petaling Jaya: Karya Publishing House, 1978.

Chua Yan Piaw. *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill. 2006.

Dayang Hajah Tiawa Haji Hamid. Pembentangan Kertas Kerja Perisian Nvivo Dalam Analisa Data Kualitatif Universiti Teknologi Malaysia, t.t.

Dusuki Haji Ahmad. *Poligami dalam Islam*. YADIM: Kuala Lumpur. t.t

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor (EUUKIS), 1978.

Fatimah Syarhan & Farhan Hadi, *Cik Abang Sudi Kawin Satu?* 2015

Hafiz Firdaus B Abdullah. *202 Pelajaran Berkenaan Poligami*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa. 2012

Irdhina@Martini Hj Wasli. *Isu poligami dan perkara-perkara yang berbangkit darinya*.

Ishak bin Haji Suliaman dan Mohd Murshidi Mohd Noor. *Fīqh dan Ijtihad Imam al-Bukhārī*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2015.

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2007.

Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid. *Pengantar Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: Al-Baian Corporaton Sdn. Bhd. 2004.

Marohaini Mohd Yusoff. *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Ed. Ke-5. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.

Mok Soon Sang. *et Literatur Dan Kaedah Penyelidikan*, Puchong: Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd, 2009.

Muhammad al-Bahi, Terjemahan Fathurrahman, *Langkah Wanita Islam Masakini Gejal-gejala dan Sejumlah Jawaban*, Selangor: Thinker Library Sdn. Bhd. & Erfan Hj. M.A. Ghani, 1998.

Mustafa Al-Sibā'ī. *Wanita Menurut Syariat Islam dan Peradaban Moden*. Terj. Halimaton. Ed. pertama, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Nor Atiqah Ghazali. *Poligami yang disalahertikan*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 1996.

Noraini Idris. *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Malaysia Sdn. Bhd. 2010.

\_\_\_\_\_. *Poligami di Malaysia*. Dalam *Jurnal Syariah* 5. Bil 2. 1997.

Rusli Alias. *Poligami Mengapa Geger*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. 2007.

Rusydi Ramli Al-Jauhari. *Biografi Agung Rasulullah SAW*, Kuala Lumpur: Mustread Sdn. Bhd. 2012.

Sayid Sabiq. *Fiqh Sunnah*. Terj. Mahyudin Syaf. Ed.ke2 Kuala Lumpur: Victory Agencie. 1990.

*Undang-Undang Keluarga Islam* Bhgn IV: *Poligami dan Undang-Undang: Isu dan Realiti*, 1989.

Zaini Nasohah, *Poligami : Hak keistimewaan Menurut Syariat Islam*. Kuala Lumpur Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 2000.

Zaitun Mohammed Kassim. *Islam and polygamy. Sisters In Islam*: Selangor: 2002.

Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Haji Abdullah. *Buku Undang-Undang Keluarga Islam* pada bahagian keempat *Poligami dan Undang-Undang: isu dan reality*, 1989.

## **BAHASA INGGERIS**

Bryman, *Social Research Methods*, Oxford: Oxford University Press, 2008.

C.I Scofield D.D *HOLY BIBLE – The New Scofield Reference Bible*, New York: Oxford University Press, 1967.

Sekaran. *Research Methods For Business: A Skill-Building Approach*. West Sussex, UK: John Wiley & Sons. 2013.

Trochim. *Concept Mapping for Planning and Evaluation*, Calif.: Sage, 2007.

## **JURNAL**

Raihanah Abdullah. *Berpoligami: Antara hak suami dan hak isteri menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Jurnal Syariah Bil 11. 2003.

## **LATIHAN ILMIAH DAN DISERTASI**

Aslinda Binti Apandi. *Objektif Syariah Dalam Amalan Poligami: Kajian di Kota Bharu, Kelantan*. Kajian disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005.

Asri Bin Haji Ahmad, *Poligami Dari Perspektif Islam : Kajian Kes Di Kuala Lumpur*. Disertasi untuk Ijazah Sarjana, Fakuliti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1992.

Auni „Afifah Binti Haji Ali Hassan, *Permohonan Poligami Dan Hubungkaitnya Dengan Ketidakharmonian Rumah tangga: Kajian Kes Di Mahkamah Syariah Negara Brunei*. Disertasi untuk Ijazah Sarjana, Jabatan Sejarah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014

Sa”diah Binti Abdul Samad. *Kesan poligami terhadap keluarga Islam: Suatu kajian di Langkawi Kedah*. Disertasi untuk Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, 2002.

Wan Noorul-iin Binti Mohamed Amin, *Poligami Menurut Agama Kristian dan Islam: Kajian Perbandingan*. Disertasi untuk Ijazah Sarjana, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009

### **SEMINAR & KERTAS KERJA**

Asmah Haji Omar. *Poligami*. Kertas kerja yang dibentang di Seminar Pentadbiran Undang-undang syari'at Jenayah dan Keluarga Islam di Kedah. Kuala Lumpur:Universiti Malaya, 1979.

Mohd Naim Bin Haji Mokkhtar. Pembentangan kertas kerja Seminar Fiqh Poligami yang dianjurkan oleh K-Fiqh Sdn. Bhd. pada 19 Disember 2015 bertempat di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur.

### **TEMU BUAL**

Faizarul Nizam, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat, dalam temu bual dengan penulis pada 5 Januari 2017

### **LAMAN SESAWANG**

Laman web rasmi Utusan Malaysia : “*Berpoligami pun satu jenayah*”. Dicapai pada 16 April 2015. [http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara\\_Agama](http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama)

Laman web rasmi Berita Harian di alamat [www.bharian.com](http://www.bharian.com) : “*Keadilan dalam poligami*”. Dicapai pada 16 April 2015. [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my).

Laman web rasmi Universiti Utara Malaysia : “*Laporan akhir*”. Dicapai pada 12 Mei 2015. <http://www.psb1.uum.edu.my/>

Laman web rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) : “*Poligami suatu keharusan bersyarat*”. Dicapai pada 28 April 2015. [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

“*Statistik perceraian, perkahwinan dan poligami di Kelantan*”. Di laman <http://chemekmolek.wordpress.com/> : Dicapai pada 20 April 2015.

Laman web rasmi Sinar Harian di alamat <http://www.sinarharian.com.my/nasional/selangor> dicapai pada 2 januari 2017

Lidwa Pusaka & Lembaga Ilmu Dakwah & Penerbit Sarana Keagamaan, *Ensiklopedi Hadits-Kitab 9 Imam*, (<http://lidwapusaka.com>)

„Alawi bin „Abd Qadir al-Saqāf, *al-Durar al-Saniyah, Maraji*” „Aami Muwathiqi „Aa *Minhaj Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā'ah*, <http://www.dorar.net/enc/hadith.php>